



PENYATA RASMI PARLIMEN

PARLIAMENTARY DEBATES

DEWAN RAKYAT

HOUSE OF REPRESENTATIVES

PARLIMEN KEEMPAT

Fourth Parliament

PENGGAL PERTAMA

First Session

KANDUNGANNYA

JAWAPAN-JAWAPAN MULUT BAGI PERTANYAAN-PERTANYAAN [Ruangan 2145]

MENANGGUHKAN MESYUARAT DI BAWAH PERATURAN 18 [Ruangan 2147]

RANG UNDANG-UNDANG:

Rang Undang-undang Perbekalan, 1975:

Jawatankuasa (Hari Keenam)—

Jadual—

Kepala B. 17 dan B. 18 [Ruangan 2150]

Kepala B. 16 [Ruangan 2207]

Kepala B. 19 [Ruangan 2230]

USUL-USUL:

Anggaran Pembangunan, 1975:

Jawatankuasa (Hari Keenam)—

Kepala P. 17 [Ruangan 2150]

Kepala P. 16 [Ruangan 2207]

Kepala P. 19 [Ruangan 2230]

Waktu Mesyuarat dan Urusan yang dibebaskan daripada Peraturan Mesyuarat [Ruangan 2149]

MALAYSIA

DEWAN RAKYAT YANG KEEMPAT

Penyata Rasmi Parlimen

PENGGAL YANG PERTAMA

Hari Isnin, 9hb Disember, 1974

Mesyuarat dimulakan pada pukul 2.30 petang

YANG HADIR:

- Yang Berhormat Tuan Yang di-Pertua, TAN SRI HAJI NIK AHMED KAMIL, D.K., P.M.N., S.P.M.K., S.J.M.K.
- „ Menteri Tanah dan Galian dan Tugas-tugas Khas, DATUK HAJI MOHAMED ASRI BIN HAJI MUDA, S.P.M.K., S.P.D.K. (Nilam Puri).
- „ Menteri Perdagangan dan Perindustrian, DATUK HAJI HAMZAH BIN DATUK ABU SAMAH, S.M.K., D.S.R., S.I.M.P. (Temerloh).
- „ Menteri Kesihatan, TAN SRI LEE SIOK YEW, P.M.N., A.M.N., P.J.K. (Ulu Langat).
- „ Menteri Kebudayaan, Belia dan Sukan, DATUK ALI BIN HAJI AHMAD, S.P.M.J., S.M.J. (Pontian).
- „ Menteri Penerangan dan Tugas-tugas Khas bagi Hal Ehwal Luar Negeri, Y.M. TENGKU AHMAD RITHAUDEEN AL-HAJ BIN TENGKU ISMAIL, P.M.K. (Kota Bharu).
- „ Menteri Tenaga, Teknologi dan Penyelidikan, TUAN HAJI MOHAMED BIN YAACOB, P.M.K., S.M.T. (Tanah Merah).
- „ Menteri Perumahan dan Kampung-kampung Baru, TUAN MICHAEL CHEN WING SUM (Ulu Selangor).
- „ Menteri Perusahaan Utama, DATUK MUSA HITAM, S.P.M.J. (Labis).
- „ Menteri Pelajaran, DR MAHATHIR BIN MOHAMAD (Kubang Pasu).
- „ Timbalan Menteri Hal Ehwal Dalam Negeri, DATUK ABDUL SAMAD BIN IDRIS, J.M.N., A.M.N., P.J.K. (Kuala Pilah).
- „ Timbalan Menteri Penerangan, TUAN SHARIFF AHMAD, J.M.N. (Jerantut).
- „ Timbalan Menteri Perhubungan, DATUK HAJI WAN ABDUL KADIR BIN ISMAIL, D.P.M.T., P.P.T. (Kemaman).
- „ Timbalan Menteri Penyelarasan Perbadanan Awam, DATUK MOHAMED BIN RAHMAT, D.P.M.J., K.M.N. (Pulau).
- „ Timbalan Menteri Pertanian dan Pembangunan Luar Bandar, DATUK HAJI MUSTAPHA BIN HAJI ABDUL JABAR, D.P.M.S., J.M.N., J.P. (Sabak Bernam).
- „ Timbalan Menteri Pelajaran, TUAN CHAN SIANG SUN, J.S.M., A.M.N., P.J.K., J.P. (Bentong).
- „ Timbalan Menteri Kewangan, TAN SRI CHONG HON NYAN, P.S.M., J.M.N. (Batu Berendam).
- „ Timbalan Menteri Jabatan Perdana Menteri, DATUK ABDULLAH AHMAD (Machang).

- Yang Berhormat Timbalan Menteri Pertanian dan Pembangunan Luar Bandar, TUAN MOKHTAR BIN HAJI HASHIM (Tampin).
- „ Timbalan Menteri Kesihatan, TUAN ABU BAKAR BIN UMAR (Kota Setar).
- „ Timbalan Menteri Kerja Raya dan Pengangkutan, TUAN RICHARD HO UNG HUN (Lumut).
- „ Timbalan Menteri Tanah dan Galian, DR SULAIMAN BIN HAJI DAUD (Santubong).
- „ Timbalan Menteri Perusahaan Utama, TUAN PAUL LEONG KHEE SEONG (Taiping).
- „ Setiausaha Parlimen kepada Perdana Menteri, TUAN ABDULLAH BIN MAJID, K.M.N. (Raub).
- „ Setiausaha Parlimen kepada Menteri Buruh dan Tenaga Rakyat, TUAN S. SUBRAMANIAM (Damansara).
- „ Setiausaha Parlimen kepada Menteri Perdagangan dan Perindustrian, TUAN MUSTAPHA BIN ALI (Kuala Trengganu).
- „ Setiausaha Parlimen kepada Menteri Tenaga, Teknologi dan Penyelidikan, DR NEO YEE PAN (Muar).
- „ Setiausaha Parlimen kepada Menteri Perumahan dan Kampung-kampung Baru, TUAN MOHD. ALI BIN M. SHARIF (Kuantan).
- „ Setiausaha Parlimen kepada Menteri Kebudayaan, Belia dan Sukan, TUAN RAIS BIN YATIM (Jelevu).
- „ Tuan (Timbalan) Yang di-Pertua, TAN SRI SYED NASIR BIN ISMAIL, P.M.N., D.P.M.J., D.P.M.P., J.M.N., P.I.S. (Pagoh).
- „ TUAN HAJI NIK ABDUL AZIZ BIN NIK MAT, K.M.N., J.P. (Pengkalan Chepa).
- „ TAN SRI ABDUL AZIZ BIN YEOP (Padang Rengas).
- „ TUAN ABDUL JALAL BIN HAJI ABU BAKAR, A.M.N. (Batu Pahat).
- „ TUAN HAJI ABDUL RASHID BIN HAJI JAIS, A.D.K. (Ulu Padas).
- „ TUAN HAJI ABDUL WAHAB BIN YUNUS (Dungun).
- „ PENGHULU ABIT ANAK ANGKIN, P.P.N. (Kapit).
- „ TUAN ABU BAKAR BIN ARSHAD (Hilir Perak).
- „ TUAN HAJI AHMAD BIN HAJI ITHNIN (Jasin).
- „ TUAN HAJI AHMAD SHUKRI BIN HAJI ABD. SHUKOR (Padang Terap).
- „ TUAN AJAD BIN O. T. OYUNG (Labuk Sugut).
- „ TUAN AU HOW CHEONG (Telok Anson).
- „ TUAN AZAHARI BIN MD. TAIB, J.S.M., A.M.N., S.M.K., J.P. (Kulim-Bandar Bahru).
- „ TUAN AZHARUL ABIDIN BIN HAJI ABDUL RAHIM (Batang Padang).
- „ TUAN BUJA BIN GUMBILAI (Tuaran).
- „ DR CHEN MAN HIN (Seremban).
- „ TUAN CHIAN HENG KAI (Batu Gajah).
- „ TUAN CHIENG TIONG KAI *alias* CHIENG SIE LUNG (Sarikei).
- „ TUAN CHIN HON NGIAN (Rengam).
- „ TUAN RICHARD DAMPENG ANAK LAKI (Serian).
- „ TUAN FARN SEONG THAN (Sungai Besi).
- „ TUAN HAJI HADADAK BIN HAJI D. PASAUK (Simunjan).

Yang Berhormat TUN HASHIM BIN GHAZALI (Matang).

- „ DATUK NIK HASSAN BIN ABDUL RAHMAN, S.P.M.T., P.S.D., K.M.N. (Kuala Nerus).
- „ TUN SYED HASSAN BIN SYED MOHAMED (Arau).
- „ TUN HISHAMUDDIN BIN HAJI YAHAYA (Maran).
- „ TUN HAJI JAMIL BIN ISHAK, P.J.K. (Tanjong Karang).
- „ TUN JAWAN ANAK EMPALING (Rajang).
- „ TUN JONATHAN NARWIN ANAK JINGGONG (Lubok Antu).
- „ TUN EDMUND LANGGU ANAK SAGA, P.B.S. (Saratok).
- „ TUN LEE LAM THYE (Kuala Lumpur Bandar).
- „ TUN LEO MOGGIE ANAK IROKE (Kanowit).
- „ TUN LIBEN ANAK KATO *alias* WAIRY LEBEN ANAK KATO (Betong).
- „ TUN LIM CHO HOCK (Ipoh).
- „ TUN LIM KIT SIANG (Kota Melaka).
- „ DATUK LIM PUI HO, P.G.D.K., J.P., B.K. (Sandakan).
- „ DR LING LIONG SIK (Mata Kuching).
- „ TUN WALTER LOH POH KHAN (Selayang).
- „ TUN LUKMAN BIN ABDUL KADIR (Ulu Nerus).
- „ TUN MAK HON KAM, A.M.P. (Tanjong Malim).
- „ TAN SRI HAJI MOHAMED SAID BIN KERUAK, P.M.N., S.P.D.K. (Kota Belud).
- „ TUN MOHAMED SOPIEE BIN SHEIKH IBRAHIM, J.M.N. (Kepala Batas).
- „ TUN MOHD. BAKRI BIN ABDUL RAIS (Parit).
- „ TUN MOHD. SALLEH BIN DATUK PANGLIMA ABDULLAH (Silam).
- „ TUN HAJI MOHD. TAUFECK BIN O. K. K. HAJI ASNEH (Hilir Padas).
- „ TUN HAJI MOHD. ZAIN BIN ABDULLAH (Bachok).
- „ DATUK ENSKU MUHSEIN BIN ABDUL KADIR, D.P.M.T., J.M.N. (Ulu Trengganu).
- „ DATUK SYED NAHAR BIN TUN SYED SHEH SHAHABUDDIN, D.P.M.K., K.M.N. (Jerlun-Langkawi).
- „ RAJA NASRON BIN RAJA ISHAK, P.J.K. (Kuala Selangor).
- „ TUN NGAN SIONG HING (Kinta).
- „ TENGKU NOOR ASIAH BINTI TENGKU AHMAD (Tumpat).
- „ TUN OH KENG SENG (Petaling).
- „ PUAN OON ZARIAH BINTI ABU BAKAR, A.M.N., A.M.P., P.J.K. (Kuala Kangsar).
- „ TUN OO GIN SUN (Alor Setar).
- „ TUN PATRICK ANEK UREN (Bau-Lundu).
- „ TUN S. SAMY VELLU, A.M.N. (Sungai Siput).
- „ TUN SANUSI BIN JUNID (Jerai).
- „ DATUK SENU BIN ABDUL RAHMAN (Kuala Kedah).
- „ TUN SHAARI BIN JUSOH, P.P.N. (Kangar).
- „ TUN SHAMSUDDIN BIN DIN, P.P.N. (Gerik).
- „ TUN SHAMSURI BIN MD. SALEH, A.M.N., J.P. (Balik Pulau).
- „ TUN SIBAT ANAK TAGONG *alias* SIBUT MIYUT ANAK TAGONG (Ulu Rajang).

Yang Berhormat TUAN THOMAS SALANG SIDEN (Julau).

- „ TUAN HAJI SUHAIMI BIN DATUK HAJI KAMARUDDIN (Sepang).
- „ WAN SULAIMAN BIN HAJI IBRAHIM, S.M.K. (Pasar Puteh).
- „ TUAN SULAIMAN BIN HAJI TAIB (Parit Buntar).
- „ TUAN SU LIANG YU (Bruas).
- „ PENGIRAN TAHIR BIN PENGIRAN PATERA (Kimanis).
- „ DR TAN CHEE KHOON (Kepong).
- „ TUAN TAN CHENG BEE, A.M.N., J.P. (Bukit Mertajam).
- „ TUAN TING LING KIEW (Bintulu).
- „ TUAN WEE HO SOON (Bandar Sibu).
- „ TUAN YANG SIEW SIANG (Miri-Subis).
- „ DATUK STEPHEN YONG KUET TZE, P.N.B.S. (Padawan).
- „ TUAN HAJI YUSOF RAWA *alias* HAJI YUSOF BIN HAJI ABDULLAH, J.P. (Ulu Muda).
- „ WAN ZAINAB BINTI M. A. BAKAR, A.M.N., P.J.K. (Sungai Petani).
- „ TUAN ZAKARIA BIN HAJI ABDUL RAHMAN (Besut).
- „ TUAN HAJI ZAKARIA BIN ISMAIL (Rantau Panjang).

YANG TIDAK HADIR:

Yang Amat Berhormat Perdana Menteri, Menteri Luar Negeri dan Menteri Pertahanan,
TUN HAJI ABDUL RAZAK BIN DATUK HUSSEIN, S.M.N., K.O.M. (Pekan).

- „ Timbalan Perdana Menteri, Menteri Kewangan dan Menteri Penyelarasan Perbadanan Awam, DATUK HUSSEIN BIN DATUK ONN, S.P.M.J., P.I.S. (Sri Gading).

Yang Berhormat Menteri Pertanian dan Pembangunan Luar Bandar, TUAN ABDUL GHAFAR BIN BABA (Alor Gajah).

- „ Menteri Buruh dan Tenaga Rakyat, DATUK LEE SAN CHOON, S.P.M.J., K.M.N. (Segamat).
- „ Menteri Perhubungan, TAN SRI V. MANICKAVASAGAM, P.M.N., S.P.M.S., J.M.N., P.J.K. (Pelabuhan Kelang).
- „ Menteri Kerajaan Tempatan dan Alam Sekitar, DATUK ONG KEE HUI, P.N.B.S. (Bandar Kuching).
- „ Menteri Hal Ehwal Dalam Negeri, TAN SRI HAJI MUHAMMAD GHAZALI BIN SHAFIE, P.M.N., D.I.M.P., P.D.K. (Lipis).
- „ Menteri Kerja Raya dan Pengangkutan, DATUK HAJI ABDUL GHANI GILONG, P.D.K., J.P. (Kinabalu).
- „ Menteri Undang-undang dan Peguam Negara, TAN SRI ABDUL KADIR BIN YUSOF, P.M.N. (Tenggaroh).
- „ Menteri Kebajikan Am, PUAN HAJJAH AISHAH BINTI HAJI ABDUL GHANI (Kuala Langat).
- „ Menteri Perancangan Am dan Penyelidikan Sosio-Ekonomi, DATUK HAJI ABDUL TAIB BIN MAHMUD, P.G.D.K. (Samarahan).
- „ Timbalan Menteri Jabatan Perdana Menteri, DATUK SRI HAJI KAMARUDDIN BIN HAJI MAT ISA (Larut).
- „ Timbalan Menteri Buruh dan Tenaga Rakyat, TUAN HAJI HASSAN ADLI BIN HAJI ARSHAD (Bagan Datok).

- Yang Berhormat Setiausaha Parlimen kepada Menteri Perhubungan, TUAN HAJI RAMLI BIN OMAR, P.M.P., K.M.N. (Bagan Serai).
- " Setiausaha Parlimen kepada Perdana Menteri, DR GOH CHENG TEIK (Nibong Tebal).
- " DATUK PATINGGI HAJI ABDUL RAHMAN BIN YA'KUB, D.P., P.N.B.S., S.I.M.P. (Payang).
- " PENGIRAN AHMAD BIN PENGIRAN INDAR (Kinabatangan).
- " TUAN ARIFFIN BIN HAJI DAUD (Permatang Pauh).
- " TUAN EDWIN ANAK TANGKUN, A.B.S. (Batang Lupar).
- " TUAN EMBONG BIN YAHYA, A.M.N. (Ledang).
- " TUAN STEPHEN ROBERT EVANS (Keningau).
- " TUAN FAN YEW TENG (Menglembu).
- " DATIN HAJJAH FATIMAH BINTI HAJI ABDUL MAJID, J.M.N., P.I.S. (Semerah).
- " DR HEE TIEN LAI *alias* HEE TEN LAI (Ayer Hitam).
- " TAN SRI SYED JAAFAR ALBAR, P.M.N., D.P.M.J. (Panti).
- " TUAN JAAFAR BIN HAMZAH, P.I.S. (Johor Bahru).
- " TUAN LATIP BIN HAJI DRIS (Mukah).
- " TUAN LEE BOON PENG, A.M.N., P.J.K. J.P. (Mantin).
- " TUAN LEW SIP HON, K.M.N. (Shah Alam).
- " TUAN LIM KIAM HOON (Padang Serai).
- " DR LIM CHONG EU (Tanjong).
- " TUAN LOH FOOK YEN (Kluang).
- " DATUK PETER LO SU YIN, P.G.D.K. (Gaya).
- " TUAN LUHAT WAN (Beram).
- " TUAN MADINA BIN UNGGUT (Bandau).
- " DATUK ALBERT MAH, K.M.N., D.M.P.N., P.J.K. (Bukit Bendera).
- " TUAN HAJI MOHAMED KHIR JOHARI (Kuala Muda).
- " TUAN MOHD. IDRIS BIN HAJI IBRAHIM (Setapak).
- " TUAN MOHD. ZAHARI BIN AWANG (Kuala Krai).
- " TUN DATU HAJI MUSTAPHA BIN DATU HARUN, S.M.N., P.D.K., K.V.O., O.B.E. (Marudu).
- " TUAN PANG SUI CHEE *alias* ALEX PANG (Tawau).
- " TUAN K. PATHMANABAN, K.M.N. (Telok Kemang).
- " TUAN RACHA UMONG (Limbang-Lawas).
- " TUAN RASIAH RAJASINGAM (Jelutong).
- " TENGKU RAZALEIGH BIN TENGKU MOHD. HAMZAH, S.P.M.K., P.S.M. (Ulu Kelantan).
- " TUAN HAJI SHAFIE BIN ABDULLAH, A.M.N., B.C.K., P.B.S., J.P. (Baling).
- " TUAN JAMES STEPHEN TIBOK, A.D.K. (Penampang).
- " TENGKU ZAID AL-HAJ BIN TENGKU AHMAD, D.P.M.K., J.M.K., S.M.K. (Pasar Mas).

YANG HADIR BERSAMA:

Yang Berhormat Timbalan Menteri Pertahanan, DATUK HAJI DZULKIFLI BIN DATUK HAJI ABDUL HAMID, A.S.D.K., A.M.N. (Dilantik).

DEWAN RAKYAT

PEGAWAI-PEGAWAI KANAN

Setiausaha Dewan Rakyat, Datuk Azizul Rahman bin Abdul Aziz.

Timbalan Setiausaha, Haji A. Hasmuni bin Haji Hussein.

Penolong Setiausaha, Mohd. Salleh bin Abu Bakar.

Penterjemah Melayu Kanan/Pemangku Penolong Setiausaha, Ghazali bin Haji Abd. Hamid.

BAHAGIAN PENYATA RASMI PARLIMEN

Penyunting, Yahya Manap.

Penolong Penyunting, P. B. Menon.

Penolong Penyunting, Osman bin Sidik.

Pemberita-pemberita:

N. Ramaswamy.

Louis Yeoh Sim Ngoh.

Abdul Rahman bin Haji Abu Samah.

Rani bin Rahim.

Suhor bin Husin.

Jamaludin bin Haji Ali.

Amran bin Ahmad.

Mohd. Saleh bin Mohd. Yusof.

Margaret Chye Kim Lian.

Quah Mei Lan.

Puan Kong Yooi Thong.

Juliah binti Awam.

Supiah binti Dewak.

Ismail bin Hassan.

BENTARA MESYUARAT

Mejar (B) Musa bin Alang Ahmad.

DOA

(Tuan Yang di-Pertua *mempengerusikan Mesyuarat*)

JAWAPAN-JAWAPAN MULUT BAGI PERTANYAAN- PERTANYAAN

JALANRAYA BINTULU-MUKAH

1. Tuan Ting Ling Kiew minta Menteri Kerja Raya dan Pengangkutan menyatakan bilakah Jalanraya Besar Bintulu-Mukah akan mula dibina dan akan siap.

Timbalan Menteri Kerja Raya dan Pengangkutan (Tuan Richard Ho Ung Hun): Tuan Yang di-Pertua, saya percaya jalanraya yang dimaksudkan oleh Yang Berhormat itu ialah jalanraya Ulu Batang Mukah ke Bintulu. Projek jalanraya Ulu Batang Mukah ke Bintulu yang sepanjang 82 batu telah dimulakan pembinaannya dalam tahun 1971. Adalah dijangkakan bahawa menjelang akhir Rancangan Malaysia Kedua ini jalan tersebut akan disiapkan sampai ke Sungai Arip iaitu sejauh 40 batu. Sementara 42 batu lagi ke Bintulu itu akan dibina dan disiapkan dalam Rancangan Malaysia Ketiga.

Tuan Leo Moggie anak Iroke: (*Dengan izin*) Mr Speaker, Sir, in the construction of this part of the Sarawak Trunk Road, was consideration taken into account of the fact that this Trunk Road should pass through areas where there are great potentials for settlement and development? If so, why was the alignment of the road not intended to pass especially the area of Ulu Anap and the Sungai Kakus within the Bintulu District?

Tuan Richard Ho Ung Hun: Tuan Yang di-Pertua, saya fikir soalan tambahan itu kurang berkaitan dengan soalan pokok. Walau bagaimanapun, jika Ahli Yang Berhormat itu hendakkan jawapan yang lebih halus lagi, saya sanggup memberikan satu jawapan secara bertulis kepada Ahli Yang Berhormat itu.

LAPURAN KECICIRAN MURID-MURID

2. Tuan S. Samy Vellu (*di bawah S.O. 24 (2)*) bertanya kepada Menteri Pelajaran apakah tindakan yang telah diambil ke atas Lapuran Keciciran Murid-murid.

Menteri Pelajaran (Dr Mahathir bin Mohamad): Tuan Yang di-Pertua, Lapuran Keciciran telah dikaji oleh Jawatankuasa Pegawai-pegawai yang telah dilantik oleh Kerajaan. Jawatankuasa tersebut telah mengemukakan perakuan-perakuannya kepada Kerajaan yang telahpun mempersetujui perakuan-perakuan tersebut. Tindakan sedang diambil untuk melaksanakan perakuan-perakuan itu.

Satu Yunit telah ditubuhkan di dalam Bahagian Perancang dan Penyelidikan Pelajaran di Kementerian Pelajaran untuk menilai sejauh mana perakuan-perakuan Jawatankuasa tersebut telah dilaksanakan dan menyelaraskan pelaksanaan perakuan-perakuan oleh Bahagian-bahagian di Kementerian Pelajaran dan Pejabat-pejabat Pelajaran Negeri.

AKTA PELAJARAN 1961— CADANGAN BATALKAN

3. Tuan Chian Heng Kai minta Menteri Pelajaran menyatakan samada Kerajaan akan membatalkan Fasal 21 (2) dalam Akta Pelajaran 1961 jika sekiranya Kerajaan benar-benar tidak akan menukar sekolah-sekolah rendah jenis kebangsaan China dan Tamil ke sekolah-sekolah kebangsaan, jika ya, bila, jika tidak, mengapa.

Dr Mahathir bin Mohamad: Tuan Yang di-Pertua, Kerajaan tidak bercadang membatalkan Fasal 21 (2) dalam Akta Pelajaran, 1961. Ini ialah kerana peruntukan tersebut telah diterima oleh segolongan besar rakyat di negara ini.

Sungguhpun peruntukan ini memberi kuasa kepada Menteri Pelajaran menukarkan sekolah-sekolah rendah jenis kebangsaan China dan Tamil menjadi sekolah kebangsaan namun demikian kuasa tersebut akan digunakan dengan mengambil perhatian terhadap kepentingan-kepentingan negara.

Tuan Chian Heng Kai: Tuan Yang di-Pertua, soalan tambahan. Kita selalu mendengar Yang Amat Berhormat Perdana Menteri dan Yang Berhormat Menteri Pelajaran memberikan jaminan mulut bahawa pihak Kerajaan tidak akan menutup sekolah-sekolah rendah jenis kebangsaan China dan Tamil, tetapi mengikut Akta Pelajaran Tahun 1961, Menteri Pelajaran berkuasa untuk menukar sekolah-sekolah tersebut kepada sekolah rendah kebangsaan.

Oleh sebab itu, bolehkah Yang Berhormat Menteri Pelajaran memberitahu bahawa bagaimana jaminan mulut Yang Amat Berhormat Perdana Menteri dan Yang Berhormat Menteri Pelajaran itu disahkan?

Dr Mahathir bin Mohamad: Tuan Yang di-Pertua, Akta Pelajaran ini telah diluluskan dalam tahun 1961, sekarang ini ialah tahun 1974. Sepanjang masa Akta ini berjalan belum pernah kuasa itu digunakan untuk menukar sekolah rendah kebangsaan China dan Tamil kepada sekolah kebangsaan. Ini ialah oleh kerana di dalam jangka masa ini tidak ada satu sebab atas kepentingan-kepentingan negara yang patut kita berbuat demikian. Kalau di dalam jangka masa yang begitu panjang dan kesempatan yang timbul di dalam tahun 1969 umpamanya, Kerajaan tidak juga membuat demikian, maka ini adalah satu tauladan yang patut ditimbang-kan oleh Ahli Yang Berhormat itu.

MENANGGUHKAN MESYUARAT DI BAWAH PERATURAN 18

Tuan Yang di-Pertua: Ahli-ahli Yang Berhormat, saya memaklumkan bahawa saya telah menerima suatu notis daripada Ahli Yang Berhormat dari Kota Melaka yang hendak membuat satu permohonan di bawah Peraturan Mesyuarat 18 (1) dan sekarang saya jemput Ahli Yang Berhormat itu untuk membuat permohonannya.

Tuan Lim Kit Siang (Kota Melaka): Tuan Yang di-Pertua, saya bangun di bawah Peraturan 18 (1) untuk memohon meminta kebenaran hendak mencadangkan supaya ditangguhkan Majlis Mesyuarat dengan tujuan hendak merundingkan perkara tertentu berkenaan dengan kepentingan orang ramai yang berkehendakkan disegerakan iaitu:

“Bahawa Dewan ini memberitahu kesalnya atas kesalahan cara-cara menghadapi demonstrasi-demonstrasi pelajar-pelajar mengenai sungutan-sungutan rakyat yang sah seperti penembakan dengan indiskriminasi gas pemedih mata yang telah menyebabkan beberapa kejadian pemberkasan pensyarah-pensyarah universiti dan pemimpin-pemimpin pelajar dan pengambilan-alih kampus Universiti Malaya, Universiti Kebangsaan, Institiut Teknologi MARA dan Institiut Teknologi Kebangsaan oleh pihak Polis, dan menggesa Kera-

jaan menubuhkan satu suruhanjaya siasatan untuk menyasat tuntutan-tuntutan pelajar-pelajar serta juga pembebasan segera pensyarah-pensyarah universiti dan pemimpin pelajar.”

Perkara ini adalah tertentu oleh kerana ianya meliputi segala aspek.

Tuan Yang di-Pertua: Tidak payah Yang Berhormat membuat ucapan.

Tuan Lim Kit Siang: Perkara ini perkara tertentu berkenaan dengan kepentingan orang ramai berkehendak disegerakan.

Tuan Yang di-Pertua: Sudah disebutkan tadi.

Tuan Lim Kit Siang: Perkara ini adalah perkara tertentu.

Tuan Yang di-Pertua: Saya kata tidak payah Yang Berhormat membuat ucapan, memadai membuat permintaan minta kebenaran dengan memberi alasan hendak membawa satu usul sebagaimana Yang Berhormat telah bacakan tadi.

Ahli-ahli Yang Berhormat, sebagaimana Ahli-ahli Yang Berhormat telah mendengar bahawa Ahli Yang Berhormat dari Kota Melaka telah meminta izin di bawah Peraturan 18 (1) untuk mencadangkan supaya Dewan ini ditangguh bagi maksud membincangkan perkara tertentu berkenaan dengan kepentingan orang ramai dan berkehendakkan disegerakan. Ahli-ahli Yang Berhormat sekalian telah mendengar permohonan Yang Berhormat itu dan mengikut Peraturan Mesyuarat 18 (2) Yang di-Pertua sebelum membenarkan perkara seperti itu hendaklah berpuas hati perkara yang hendak dibincangkan itu menepati semua tiga syarat, iaitu perkara itu ialah perkara tertentu yang berkehendak disegerakan dan berkenaan dengan kepentingan orang ramai. Yang di-Pertua telah menimbangkan perkara ini dan berpendapat bahawa terutamanya perkara-perkara yang dibangkitkan itu ialah semua bercampur-campur dan tidak dikehendaki disegerakan sebab Kerajaan telah mengambil tindakan yang sewajarnya. Tetapi yang lebih mustahak lagi, perkara ini berpunca daripada satu sebab sahaja. Apa yang berlaku ialah terbit daripada perkara demonstrasi yang berlaku pada 31hb Disember. Sebagaimana saya telah maklumkan kepada Dewan ini pada hari Khamis

yang lepas, saya telah menolak satu permohonan yang seumpama ini daripada Ahli Yang Berhormat dari Menglembu, iaitu perkara demonstrasi itu telah menjadi satu perkara di bawah pandangan Mahkamah, di bawah jurisdiksi mahkamah, iaitu sub judice dan mengikut Peraturan 36 (2), saya tidak boleh benarkan perkara itu dibincangkan, sebab pada pendapat saya jika dibenar dibincangkan dalam Dewan ini, maka akan merusakkan kepentingan-kepentingan pihak-pihak yang berkenaan. Oleh itu, saya menolak permohonan Yang Berhormat dari Kota Melaka itu. (*Tepuk*).

USUL

WAKTU MESYUARAT DAN URUSAN YANG DIBEBAHKAN DARIPADA PERATURAN MESYUARAT

Datuk Musa Hitam: Tuan Yang di-Pertua, saya mohon mencadangkan:

Bahawa menurut peruntukan-peruntukan Peraturan Mesyuarat 12 (1) Majlis ini tidak akan ditangguhkan hari ini hingga pukul 7.00 malam.

Dr Mahathir bin Mohamad: Tuan Yang di-Pertua, saya mohon menyokong.

Usul dikemukakan bagi diputuskan, dan disetujui.

Diputuskan,

Bahawa menurut peruntukan-peruntukan Peraturan Mesyuarat 12 (1) Majlis ini tidak akan ditangguhkan hari ini hingga pukul 7.00 malam.

RANG UNDANG-UNDANG

RANG UNDANG-UNDANG PERBEKALAN, 1975

Bacaan Kali Yang Kedua

DAN

USUL

ANGGARAN PEMBANGUNAN, 1975

Jawatankuasa

Aturan Urusan Mesyuarat dibacakan bagi menyambung semula pertimbangan atas Rang Undang-undang Perbekalan, 1975 dan Anggaran Pembangunan, 1975 dalam Jawatankuasa sebuah-buah Majlis (6hb Disember, 1974).

Majlis Mesyuarat menjadi Jawatankuasa

(Tuan Yang di-Pertua *mempengerusikan* Jawatankuasa)

Tuan Pengerusi: Ahli-ahli Yang Berhormat, sebelum daripada saya menjemput Ahli Yang Berhormat dari Kota Melaka menyambungkan ucapan beliau, saya suka memaklumkan bahawa Dewan ini cuma ada 8 hari lagi untuk menamatkan perbahasan dalam Jawatankuasa. Kita ada banyak lagi Kementerian. Jadi, mulai daripada hari ini Yang di-Pertua Dewan hendaklah menetapkan lebih kurang masa hendak membahaskan Kementerian-kementerian atau Kepala-kepala yang ada lagi tertinggal di hadapan kita dalam Dewan ini. Pada hari ini, kita menyambung semula perbahasan Kementerian Pertanian dan Pembangunan Luar Bandar, dan saya bercadang pada pukul 5.00 petang Yang Berhormat Menteri akan menjawab. Selepas itu, kita berbalik semula kepada Kementerian Perumahan dan Kampung-kampung Baru, dan saya minta Ahli-ahli Yang Berhormat bercakap tidak lebih daripada 10 minit bagi seorang.

Kepala B. 17 dan B. 18 (Jadual)—

Kepala P. 17 (Anggaran Pembangunan, 1975)—

2.45 ptg.

Tuan Lim Kit Siang (Kota Melaka): (*Dengan izin*) Mr Chairman, Sir, as I was saying, when the House was adjourned on last Friday, referring to the problems of agricultural schools which for the last one month have been closed because of student problems there, in recent months there had been student troubles in one institute after another. There were student unrests in MARA, at the Universiti Kebangsaan, at the Agricultural Schools and now in the present campuses. It will not convince the public to brand all these student troubles as communist-inspired and, in fact, a study of the grievances of the students would show that many of them are very legitimate. The sparking point of these student troubles can in many cases be traced to the indifferent and could-not-be-bothered attitudes by the authorities to the student grievances.

The case of the Agricultural Institutes is very to the point. The five Agricultural

Institutes had been closed for over a month since 7th November, because the students, through their union the K.P.I.P.S.M.—tried to rectify certain of their grievances, such as the status of the Institutes, opportunities for their graduates to proceed to take Diploma courses at the Universiti Pertanian, a just pay scheme for the graduates commensurate with the training they had undergone with the Ministry of Agriculture.

When the five Institutes were closed following the demonstrations by the students, the Minister of Agriculture promised that their problems would be attended to; and recently it was announced in the Press that the Institutes would be reopened, but up to date the students or their unions have not been officially communicated as to the date of the opening. Why this attitude of indifference to the Students Union? It has been rumoured that the Agricultural Institutes would be opened on 16th December and I want to ask the Minister whether this is so, and why no official communication has as yet been sent out.

The Ministry of Agriculture has announced that in future the Institutes would take in L.C.E. holders, which is a departure from the present practice of taking in S.P.M./M.C.E. holders. It is true—and I am sure the Minister will be able to confirm this—that the syllabus of the Agricultural Institutes has been repeatedly revised upwards, and the latest revision took place only last year. If the Institutes should revert to their original intention of taking in only L.C.E. students, then the syllabus must be revised downwards, for then the L.C.E. holders would not be able to cope with the basic science course and other subjects which are now being taught in the Agricultural Institutes. This surely is going backwards.

I, therefore, call on the Ministry of Agriculture to rescind its decision to take in only L.C.E. holders for future courses and accede to the reasonable demands of the students by raising the status of the Agricultural Institutes.

In this connection, I understand that there is going to be another Agricultural Institute in Besut, Trengganu. While we support the establishment of more institutes, I understand that many of the present Institutes are under-utilised; for instance, in the Ayer Hitam

Institute, where there are places for about 500 students, there are only about 47 or 50 students there. This surely will be a waste of public funds, especially in this period of austerity, and I urge the Ministry to look into this matter, so that there is no under-utilised capacity. Furthermore, the science equipment, the other instruments and laboratory facilities are not complete or available. So this also should be looked into.

Over the weekend, the Prime Minister has announced a Master Plan—the Green Book—for massive production of food and daily necessities to minimise the people's hardships caused by stagflation.

The success of this campaign will depend on the drive and imagination not only of the Ministry of National and Rural Development, but of all the State Governments and on their preparedness to set aside unutilised land for large-scale food cultivation. Up to this stage, there are still no measurable signs of such large-scale land allocation for food production, although we have been told that another 500,000 acres of land, about half of which will be in Peninsular Malaysia, will be opened up for food cultivation.

I ask the Minister of Agriculture whether this allocation of a quarter of a million acres of land has gone beyond the paper stage, and how advanced has the implementation of this project gone and how such a quarter of a million acres of land is going to be spread out among the various States.

Meanwhile, with the expected worsening of commodity prices, accompanied by the merciless rise in price of food and other essential commodities, extreme hardships and privation will increasingly become more widespread; and it is this problem which has led off the Baling hunger demonstrations, leading to the student demonstrations now in Kuala Lumpur and elsewhere.

I wish to stress here that it is important that the Government should institute an inquiry into the various facets of privation and hunger among the most desperate sections of our people in the kampungs, who should be given immediate assistance, either in the form of supplementary income or of food and other essentials that they lack, so that they can lead a human existence.

In this connection, my party suggests that the Government form a National Food Bank, with branches in every State, which can rush essential foodstuffs and commodities to the needy and to the hungry.

The Government should also seriously consider the proposal to supplement the incomes of the very poor to help tide them through this stagflationary period. This scheme had been implemented in other countries, and there is no reason why it is impracticable in Malaysia at this period of extraordinary economic hardships being faced by the poor in the kampungs and the rural areas, as well as workers retrenched from industries.

Finally, Tuan Pengerusi, I refer to Head P. 17, Sub-head 195, with regard to Training of Fishermen. For over a year, the 600 Malacca fishermen have suffered grave privations and hardships because they dare not go out to the high seas to fish, as they are constantly harassed by Navy personnel of a neighbouring country and fall frequent prey to marauding patrols.

Both the Ministry of Agriculture and Rural Development and the Lembaga Kemajuan Ikan Malaysia have neglected the plight of these Malacca fishermen.

For instance, among the objectives of the MAJUIKAN are:

- “(a) Untuk meninggikan taraf ekonomi dan keadaan sosial nelayan-nelayan;
- (b) Untuk menambahkan pengeluaran ikan dan mengadakan peluang-peluang bekerja.”

In both these objectives, the MAJUIKAN and the Ministry have failed in respect of the plight of the 600 Malacca fishermen and their dependants involving some 4,000 persons of all races.

The socio-economic position of these fishermen are in desperate plight, and their opportunities for working have been dwindled. I wish here to make a strong plea to the Minister to give his personal attention to this problem, and to work out a special scheme, so that these 600 Malacca fishermen and their dependants can have a place under the Malaysian Sun.

Such a special scheme to resolve the socio-economic problems of the 600 Malacca fishermen can comprise one or a combination of the following elements:

- (1) to ensure that the Malacca fishermen can fish in safety and security without fear of being harassed, intimidated and victimised by pirates or Naval personnel of a neighbouring country through energetic and vigorous use of diplomatic channels and the ASEAN machinery to ensure that the fraternal spirit that informs and inspires the ASEAN is translated into concrete terms in international waters affecting the livelihood of Malaysian fishermen;
- (2) to seek the agreement of the Indonesian authorities to permit Malacca fishermen to fish in the richer Indonesian waters subject to the payment of a licence or permit for this right;
- (3) to help the Malacca fishermen to find new fishing grounds, for instance, in the South China Sea, and providing assistance to them so that they can go to these new fishing grounds to find a new livelihood; and
- (4) to help these fishermen to find new alternative means of livelihood, including provision of material and other assistance to offset the effect of such changes.

I suggest that the Ministry of Agriculture and Rural Development set up a special unit, whether inside or outside the MAJUIKAN, which is specially charged with the responsibility of solving the socio-economic hardships of these fishermen, through one or more of the above proposals.

2.55 *ptg.*

Datuk Syed Nahar bin Tun Syed Sheh Shahabuddin (Jelun-Langkawi): Tuan Pengerusi, saya mohon menyokong penuh rayuan Kementerian Pertanian dan Pembangunan Luar Bandar bagi membelanjakan wang sebanyak \$276,999,735 untuk memajukan rancangan pertanian bagi tahun hadapan dan berdoa moga-moga dasar pelaksanaan yang baru ini akan membawa kemakmuran dan keuntungan dasar yang banyak kepada petani-petani di negara kita sendiri. Saya mohon bercakap di atas Kepala B. 17 Pecahan-kepala 1100 (3), Kepala P. 17,

Pecahan-kepala 20, 21 dan 22 bersabit dengan perkara Penyelidikan, Kemudahan Pengeluaran, Keselamatan Tanaman dan Soil dan Kemudahan-kemudahan Analisa.

Tuan Pengerusi, tugas untuk menambahkan pengeluaran pertanian adalah satu tugas yang agak kompleks. Ini oleh kerana beberapa syarat terpaksa diadakan atau dipinda oleh berlainan orang atau kumpulan orang. Tugas ini juga adalah satu tugas yang sukar oleh kerana kejayaannya bergantung banyak kepada kesukarelaan dan semangat daya usaha peladang-peladang dan penanam-penanam sendiri. Teknik sahaja agak saya tidak memadai kerana teknik terpaksa digabungkan dengan imagination, percubaan-percubaan dan usaha-usaha yang kuat dengan dorongan keuntungan. Dengan ini sahaja baru kita boleh menarik penyertaan yang automatic atau secara sukarela oleh petani-petani atau penanam-penanam dan pekebun-pekebun.

Satu perkara lagi ialah bahawa mereka perlu dinasihatkan mengenai kesesuaian tanah-tanah yang sedang mereka usahakan. Dengan inilah perlunya diadakan sistem pengurusan yang teratur untuk memberi technical know-how dan pimpinan dan panduan dalam masaalah pengurusan dan pemasaran. Dasar dan langkah-langkah Kerajaan memberi kesan yang nyata asas kadar pembangunan pertanian, membuat keputusan-keputusan itu, Kerajaan mestilah menentukan apa yang perlu masa itu dan apakah persediaan yang perlu dibuat sekarang untuk keperluan dan masa hadapan. Ia mesti juga diambil perhatian tentang jumlah resources kewangan dan tentang jumlah manpower yang boleh digunakan untuk pertanian. Biasanya punca-punca kewangan itu sentiasa tidak mencukupi untuk keperluan dengan apa yang patut diadakan. Maka oleh itu pilihan terpaksa dibuat berasaskan keutamaan (priority) dari berbagai rancangan dan polisi-polisi itu. Oleh kerana keutamaan pula sentiasa berubah, perancangan nasional terhadap pertanian hendaklah berterusan dengan memberi peluang untuk diubah prioritynya mengikut keperluan perubahan pertanian dari semasa ke semasa.

Bagi membentuk pertanian moden ini, seperti mana yang dirancang adalah merupakan satu proses yang meliputi aspek teknologi, ekonomi, politik dan saikoloji.

Maka oleh itu dalam merancang sesuatu polisi dan program pertanian, kita mesti menggabungkan pemikiran pakar-pakar atau expertise yang berkait dengan aspek ekonomi, politik, teknologi, dan saikoloji.

Lagi satu perkara ialah oleh kerana keluasan kawasan-kawasan transport dan kesesuaian tanah adalah berbeza maka satu lagi aspek yang mustahak ditimbang ialah soal rancangan regional planning untuk pertanian. Kawasan berbeza oleh kerana kesesuaian tanah dan jenis tanah adalah berlainan. Oleh itu bahan tanaman yang patut ditanam untuk memperolehi hasil maksima mungkin berlainan dan expertise yang diperlukan adalah berlainan juga. Oleh itu adalah penting diadakan rancangan regional planning untuk negara kita.

Keutamaan bagi sesuatu kawasan itu juga perlu diperbezakan, kerana setengah-setengah kawasan masaalah pertanian merupakan teknologi pertanian dan setengah-setengahnya merupakan pengangkutan, setengah-setengahnya pula masaalah yang dihadapi ialah masaalah pengurusan dan maklumat-maklumat berkaitan dengan soal pemasaran dan setengah-setengahnya pula berkaitan dengan soal bekalan kredit untuk production. Oleh yang demikian, satu sistem penilaian juga dalam semua rancangan pertanian untuk membolehkan kita membentuk pelaksanaan rancangan pertanian yang berkesan dan bermakna dengan mendapati hasil yang maksima dengan kos yang minima perlu diadakan dalam negara kita supaya peladang-peladang menerima profit yang tinggi bagi memberi motif yang agak spontaneous untuk menjayakan pertanian.

Langkawi, umpamanya, memerlukan rancangan yang berlainan oleh kerana kedudukannya yang berbeza. Lebih banyak wang perlu diuntukkan untuk kawasan itu bagi mengadakan sekim teknologi pertanian yang boleh menambahkan atau mengeluarkan hasil yang banyak daripada Pulau itu.

Dalam Jabatan Pertanian seharusnya diadakan satu bahagian perancangan dan penilaian untuk merancang extension programme bagi petani-petani kecil juga. Saya juga fikir bahawa rancangan pertanian harus dirancang oleh mereka yang benar-benar faham mengenai pertanian dan mempunyai kuasa yang jelas untuk membuat keputusan dan initiate action. Selagi masaalah

perancangan dalam lapangan pertanian tidak difahami dan tidak dibentuk dengan betul-betul, mungkin tujuan kita hendak mencapai matalamat ini tak mungkin diperolehi dalam masa yang singkat. Ini adalah penting kerana kemunduran pengeluaran pertanian akan mengakibatkan kelemahan ekonomi dan mengeciwakan harapan rakyat di mana makanan merupakan bahan perbelanjaan pengguna yang terbesar, dan kenaikan harga-harga barang oleh kerana imported inflation akan menyusahkan rakyat.

Satu lagi faktor yang agak penting yang boleh menggalakkan petani dan pekebun-pekebun memainkan peranan yang giat ialah dorongan keuntungan dan keselamatan pasaran. Di masa yang lampau mereka biasa mengeluarkan hasil yang banyak di setengah-setengah tempat tetapi hasil mereka tidak boleh dipasarkan dan ini sangat menghampakan mereka itu. Ini adalah satu perkara patut kita ambil perhatian yang berat. Dan dasar pertanian yang baru, yang agresif ini kita patut juga berhati-hati supaya barang keluaran tidak terlampau lebih daripada demand sehinggakan adanya glut atau kelebihan barang-barang itu sehingga barang-barang itu tidak mempunyai harga lagi. Perkara ini biasa berlaku di setengah-setengah negara di mana hasil keluaran terpaksa dibuang dalam laut, dan petani-petani diberi upah untuk menghentikan tanaman dan ternakan dibiarkan mati kelaparan untuk menjamin harga yang berpatutan kepada petani dan pemodal pertanian dan ternakan.

3.05 ptg.

Raja Nasron bin Raja Ishak (Kuala Selangor): Tuan Pengerusi, saya turut dengan penuh sukacita menyokong Yang Berhormat Menteri Pertanian dan Pembangunan Luar Bandar atas Bekalan Belanjawan yang telah dikemukakan iaitu atas Kepala Bekalan 17 dan Kepala Pembangunan 17.

Tuan Pengerusi, Kementerian tersebut lebih-lebih lagi memerlukan tambahan terutama dengan adanya sekarang seruan daripada Yang Amat Berhormat Perdana Menteri sendiri dan juga Menteri-menteri, menyeru agar semua lapisan berusaha menambahkan bercucuk tanam, menambahkan makanan untuk menentang inflasi yang ada sekarang. Bercucuk tanam, Tuan

Pengerusi, memerlukan tanah dan kebun. Boleh dikatakan semua kebun dimiliki oleh pihak swasta. Sungguhpun kita telah mendengar bahawa Malaysia mempunyai kawasan tanah yang luas, yang masih belum lagi digunakan; di mana rakyat akan dapat bercucuk tanam. Tetapi dengan adanya tanah-tanah yang luas ini dimiliki oleh swasta, maka hanya kita boleh menambahkan tanaman-tanaman kita menggunakan tanah-tanah Kerajaan. Pada masa ini tanah-tanah Kerajaan adalah di bawah otonomi atau kuasa Kerajaan Negeri untuk memberinya, dan di sini kita semua tahu yang satu negeri berbeza dengan negeri yang lain atas cara-cara memberi tanah tersebut. Oleh yang demikian, tanpa adanya satu badan yang boleh mengkaji dan mengawasi supaya pemberian tanah ini dapat disamakan (uniformity), maka tentulah susah nanti bila kita hendak melaksanakan rancangan-rancangan menggalakkan rakyat bercucuk tanam lebih; sebagaimana yang diseru oleh bapak-bapak Menteri. Tuan Pengerusi, pada masa ini jika adalah seorang Menteri menasihatkan rakyat ataupun petani-petani menambahkan bercucuk tanam, misalnya, ubi atau koko, maka petani-petani dan rakyat jelata dan tuan-tuan punya kebun pun berlumba-lumba menanam ubi kayu, koko dan sebagainya. Dan sebagaimana telah diterangkan juga tadi akibatnya bertimbun-timbun, bertan-tan ubi kayu dan koko sehingga supply lebih daripada demand dan kerana itu tak ada harga dipasaran. Oleh yang demikian, masanya telah sampai, saya fikir, di mana Kementerian yang berkenaan dan Kerajaan Negeri menumpukan segala pandangan yang lebih berat di dalam usaha-usaha merancang kegunaan tanah supaya hasil daripada tanah itu jangan berlebihan-sebagaimana yang saya katakan tadi. Dan juga badan ini boleh bekerjasama dengan Kerajaan Negeri supaya tidak ada berten-tangan rancangan-rancangan yang dibuat oleh negeri dengan rancangan-rancangan yang dibuat oleh pihak Kerajaan Pusat untuk menanam satu-satu hasil kebun di luar bandar.

Pada masa ini keterangan-keterangan berkenaan kegunaan tanah, misalnya, apakah yang baik ditanam di sesuatu tempat, ataupun apakah patut ditanam untuk mendapat hasil yang berlebihan, ataupun apa pula yang patut dibuat untuk mengelakkan sesuatu

jenis tanaman itu ditanam tanpa menimbulkan hasil yang berlebihan yang akan membawa kerugian; butir-butir ini tidak dapat kita perolehi, tetapi hanya secara piecemeal sahaja iaitu bertaburan di beberapa agensi dan badan-badan berkanun seperti FAMA, MARDI, MADA dan lain-lain. Di sini saya suka buat satu dua contoh iaitu FIMA misalnya, saya heran mengapa FIMA ini diletakkan di bawah Kementerian Perusahaan Utama. Saya berpendapat bahawa FIMA ini lebih sesuai dan kena pada tempatnya diletakkan di bawah Kementerian Pertanian supaya butir-butir itu dapat kepada petani-petani di luar bandar.

Kedua, di Dewan yang mulia ini sahaja banyak soalan-soalan yang dikemukakan oleh Ahli-ahli Yang Berhormat Dewan, yang tak patut dibawa ke Dewan ini kerana boleh dijawab oleh Ketua-ketua Jabatan, bahkan Ketua-ketua Pejabat pun boleh menjawabnya tetapi macam mana saya katakan tadi, butir-butir kajian yang dibuatkan secara piecemeal, Badan Berkanun ini mengatakan di sana boleh dapat keterangan, Badan Berkanun itu mengatakan di situ boleh dapat keterangan, terpaksa Ahli-ahli Yang Berhormat membawa perkara itu ke Dewan ini untuk mendapat jawapan.

Oleh yang demikian, saya berpendapat masanya sudah sampai bagi kementerian memikirkan untuk menubuhkan satu council iaitu Natural Resources Council. Sungguhpun di muka surat 114 ada satu cawangan yang bernama Cawangan Khidmat dan Analisa, tetapi saya fikir kalaulah cawangan ini hanya untuk menilai tanah, menganalisa daun, pemeliharaan tanah, maka tidaklah begitu barangkali kita ataupun rakyat luar bandar, dapat menggunakan perkhidmatannya. Saya percaya Natural Resources Council ini, kalau ditubuhkan di bawah Kementerian Pertanian dan Pembangunan Luar Bandar, segala butir-butir kajian-kajian (research) ini boleh dengan tidak secara piecemeal, seperti saya katakan itu dapat kita perolehi daripada council yang tersebut.

Tuan Pengerusi, saya percaya satu langkah yang lain yang dapat diperbaiki ialah mempunyai land policy yang tegas. Saya telah sebutkan tadi satu negeri berlainan dengan satu negeri yang lain, maka di sini saya suka pula mengesyorkan supaya dapat Kerajaan melantik satu suruhanjaya, bolehlah kita namakan National Land Policy Commission

untuk menganalisa undang-undang tanah yang ada sekarang dan juga problem yang dihadapi oleh Kerajaan Negeri. Bukan maksud saya di sini mencadangkan supaya autonomy yang ada pada Kerajaan Negeri itu diambil oleh Kerajaan Pusat, tetapi ialah satu langkah di mana ahli-ahli suruhanjaya itu dapat mengkaji dan merekomenkan cara-cara yang lebih mendatangkan kebajikan dan faedah serta keuntungan kepada semua peringkat dengan dihapuskan semua kerja-kerja duplikasi yang ada sekarang.

Tuan Pengerusi: Tempoh sudah cukup. Ahli Yang Berhormat sudah bercakap lebih 10 minit.

Raja Nasron bin Raja Ishak: Saya minta lagi 2 minit.

Tuan Pengerusi: Seminit sahaja boleh dibenarkan.

Raja Nasron bin Raja Ishak: Terima kasih. Saya juga suka menyentuh muka surat 133 dalam Anggaran Belanjawan iaitu mengenai projek-projek parit dan taliair di Negeri Selangor terutamanya, yang sedang dirancang oleh Kementerian dan yang telah pun sebahagian daripadanya dalam pembinaannya iaitu di kawasan Sawah Sempadan dan di Tanjong Karang. Mengikut keterangan yang diberi oleh Jurutera Parit dan Taliair Kuala Selangor, projek ini akan menelan masa 10 tahun. 10 tahun ini ialah dibuat kerana memikirkan keadaan dua tiga tahun dahulu boleh kita perlahan-lahankan kerana tak ada satu dasar untuk mempercepatkan penanaman tanaman-tanaman. Kalau 10 tahun, iaitu 1984 baharu siap, barangkali saya pun entah di mana pada masa itu dan Ahli-ahli Yang Berhormat pun begitu juga. Maka dimintalah supaya dengan adanya dasar baru ini rancangan itu dipercepatkan; disiapkan supaya tali-taliair konkrit untuk rancangan di kawasan Sawah Sempadan dan Tanjong Karang itu disempurnakan di antara dua atau tiga tahun.

3.14 ptg.

Wan Zainab binti M. A. Bakar (Sungai Petani): Tuan Pengerusi, saya bangun mengucapkan tahniah dan terima kasih kepada Yang Berhormat Menteri Pertanian dan Pembangunan Luar Bandar di atas penerangan-penerangan yang panjang lebar yang dicakapkan pada hari Jumaat yang lalu.

Saya suka mengambil peluang menyentuh Kepala P. 17 berkenaan dengan parit dan taliair, kerana banyak lagi kawasan-kawasan bendang di dalam kawasan pilihanraya saya yang belum dapat lagi bekalan taliair untuk menanam padi dua kali setahun. Tempat-tempat yang saya maksudkan ini ialah di Kota Kuala Muda, Sungai Jeraka, Sidam, Telok Wang, Sungai Pasir, Pinang Tunggal dan Matang Berangan. Kawasan-kawasan ini mempunyai tanah beribu-ribu ekar yang belum dapat ditanam dua kali setahun. Petani-petani di kawasan tersebut sangatlah berharap mendapat perhatian daripada Yang Berhormat Menteri Pertanian dan Pembangunan Luar Bandar.

Di bawah Kepala P. 17 juga iaitu di bidang pertanian. Buat masa sekarang Kerajaan hanya memberi subsidi kepada baja urea sahaja. Peladang-peladang terpaksa membeli baja campuran sendiri tanpa subsidi serta membayar harga yang lebih mahal, itupun tidak begitu senang dapat dibeli baja-baja campuran ini. Kalau dapat pun hanya sedikit sahaja dengan harga yang begitu tinggi. Memandang kepada kos penanaman padi yang kian meningkat, misalnya, upah mentrektor, upah menanam dan upah menuai sedang naik dari satu musim ke satu musim, saya harap Kerajaan akan menimbangkan untuk memberi subsidi kepada baja campuran juga supaya ini akan dapat merengangkan bebanan petani-petani. Sambil Kerajaan menyediakan subsidi bagi baja urea dan juga baja campuran, langkah-langkah yang ketat hendaklah diambil untuk mengelakkan perbuatan menyalahgunakan subsidi-subsidi ini.

Saya suka juga menyentuh di bidang pembangunan masyarakat. Suka saya menarik perhatian Yang Berhormat Menteri yang berkenaan mengenai kelas-kelas KEMAS yang bercorak pertanian dan ternakan dapat diperbanyakkan lagi, oleh kerana dengan saluran-saluran ini dapat kita membimbing masyarakat luar bandar untuk mengatasi inflasi. Maksud saya menerusi kelas-kelas ini dapat mereka bercucuk tanam dan berternak. Saya harap Kerajaan akan dapat memberi anak-anak ayam dan benih sayur menerusi kelas-kelas ini dengan kerjasama Jawatankuasa Kemajuan Kampung. Dengan cara ini dapatlah menambah mata pencarian mereka di kampung-kampung. Jika ada tempat-tempat yang berpaya dapat dijadikan kolam-kolam ikan dan Jabatan

Perikanan akan dapat memberi anak ikan air tawar kepada mereka. Ada juga beberapa tempat di kawasan saya yang mana penduduk-penduduknya terdiri daripada nelayan-nelayan. Mereka ini patutlah diberi bantuan pinjaman untuk memberli bot-bot dan pukat-pukat. Mereka juga berkehendakkan jeti-jeti kerana jeti-jeti yang ada sekarang hampir roboh dan patah.

Tuan Pengerusi, sebagaimana yang di-laungkan oleh Yang Amat Berhormat Perdana Menteri melalui strategi Buku Hijau supaya tiap-tiap inci tanah dapat dipergunakan dengan sepenuh-penuhnya untuk menghadapi inflasi dan stagflasi, seruan ini dipercayai akan dapat sambutan yang baik daripada rakyat. Dengan pengeluaran hasil pertanian yang bertambah ini masalah pemasaran bahan-bahan ini mungkin akan timbul. Maka dengan ini, saya harap pihak FAMA hendaklah memerhatikan dengan berat perkembangan-perkembangan ini supaya dapat menolong petani-petani dalam menghadapi soal-soal pemasaran. Janganlah hendaknya petani-petani dibiarkan gelisah tentang pemasaran hasil-hasil mereka.

Saya suka juga menyentuh sedikit berkenaan dengan MARDI. Kita patutlah mengucapkan tahniah kepada MARDI di atas hasil-hasil penyiasatan yang dijalankan oleh badan ini.

Berkenaan dengan padi boleh dikatakan telah banyak padi-padi baru termasuk padi pulut yang telah dikeluarkan oleh MARDI, tetapi dari segi pengeluaran buah-buahan nampaknya tidak begitu mengembirakan. Adalah diharapkan pihak MARDI akan menggiatkan usahanya lagi bagi mengeluarkan buah-buahan tempatan yang lebih bermutu. Contohnya, di Thailand di mana buah-buahan begitu baik mutunya dan banyak pula dapat dikeluarkan hingga dapat diekspotkan ke lain-lain negeri. Misalnya limau, anggur, mempelam, laici dan lain-lain. Maka dengan ini, saya menyokong anggaran belanja mengurus dan anggaran belanja 1975 sejumlah \$276,999,735 diluluskan.

3.21 ptg.

Dr Tan Chee Khoon (Kepong): Tuan Pengerusi, saya bangun untuk mengambil bahagian dalam anggaran yang dikemukakan oleh Menteri yang berkenaan dan disamping

saya bercakap dalam Bahasa Malaysia, saya mohon izin bercakap dalam bahasa Inggeris.

Tuan Pengerusi, terutamanya petani di negeri kita ini mengambil bahagian atau peranan yang paling penting di dalam ekonomi kita. Oleh itu, boleh dikatakan di dalam lapangan pertanian 75% rakyat dapat pekerjaannya di lapangan itu. Oleh sebab itu, perlulah Kerajaan mengambil segala tindakan untuk menjaga kehidupan kaum petani di tanahair kita.

Tuan Pengerusi, kita sedar oleh sebab sekarang ada recession, inflasi dan stagflasi, keadaan di luar bandar khasnya antara penoreh-penoreh getah dan petani-petani sangat dahsyat. Mengikut lapuran yang kita sedar ada kelaparan diantara penoreh getah bukan di Baling sahaja bahkan juga di lain-lain tempat seumpama Johor. Oleh sebab timbul kemiskinan dan kelaparan yang disebutkan oleh saya, maka mahasiswa-mahasiswa dan mahasiswi-mahasiswi di tanahair kita bukan sahaja di Universiti Malaya bahkan di seluruh Semenanjung Malaysia telah mengadakan ataupun menunjuk perasaan untuk menunjukkan simpati mereka kepada petani-petani dan kepada penoreh-penoreh getah dan rakyat di luar bandar. Di Baling juga ada tunjuk perasaan dilakukan.

Tuan Pengerusi, mula-mulanya Kerajaan menyatakan ada discredited politicians yang telah menggalakkan mahasiswa-mahasiswa menunjuk perasaan. . . .

Tuan Pengerusi: Perkara tunjuk perasaan ini, sebagaimana saya katakan tadi, Yang Berhormat harus tidak ada di sini, telah menjadi satu perkara di bawah pandangan mahkamah. Saya ingat ada baiknya tidak payah disebut di sini.

Dr Tan Chee Khoo: Ya.

(Dengan izin) Mr Chairman, Sir, I just want to say that the Prime Minister himself, or the Government, has blamed discredited politicians for encouraging the students to go on the rampage. I wish to say that if the Government says that it is the discredited politicians who are responsible for this, then let them name the discredited politicians. Now we see that the Government is singing another tune and it says that it is the Communists and foreign elements that are at the back of the student unrest in this country. I wish to say that the student unrest

in this country is nothing new, it has occurred the world over and the students the world over have always been in the forefront of change and in the fight against corruption, against repression, against poverty; and it is to their credit that they in this country have done so despite the dangers that face them.

Tuan Pengerusi: We are discussing the Estimates for the Ministry of Agriculture now.

Dr Tan Chee Khoo: Yes. I am now coming to it, Mr Chairman, Sir.

Tuan Pengerusi: If the Honourable Member does not confine his remarks to the Ministry of Agriculture, he might as well sit down.

Dr Tan Chee Khoo: Mr Chairman, Sir, I wish to point out that despite what the Government has stated, the income of the people in the rural areas—and most of them are smallholders and padi farmers—their income as between 1957 and 1970 has decreased in absolute terms rather than increased and since then, of course, their conditions are greatly endangered with the low price of rubber—about three weeks ago the price of rubber was in the region of 25 cents a kati which could not buy even half a kati of rice, about one-third of a kati of sugar or one-third of a tin of condensed milk. This shows the great danger which is attendant on the people in the rural areas with the stagflation that faces them. So I call on the Government, instead of blaming others, to take immediate steps to ease the poverty-stricken people in the rural areas. Now, Mr Chairman, Sir

Tuan Pengerusi: Will you not be prepared to say what the price of rubber is now?

Dr Tan Chee Khoo: The price of rubber now is round about 143 cents per kilo, but there is no guarantee that it will be maintained at that level.

Mr Chairman, Sir, I now wish to touch on the Sekolah-sekolah Pertanian. Pelajar-pelajar di Sekolah-sekolah Pertanian telah menuntut kepada Kementerian tuntutan seperti berikut:

- (1) Status.
- (2) Pengiktirafan Kerajaan dan badan-badan yang terlibat.
- (3) Tanggagaji yang sesuai dan setara.

(4) Peluang melanjutkan pelajaran ke Pusat Pengajian yang lebih tinggi.

(5) Kenaikan pangkat di dalam jawatan.

Tuan Pengerusi, wakil daripada pelajar-pelajar tersebut telah berhubung dengan Menteri Pertanian, tetapi malangnya mereka tidak mendapat kemajuan atau keputusan yang sesuai daripada Kerajaan. Saya hairan Menteri Pertanian atau Kerajaan tidak boleh menyelesaikan kelima-lima tuntutan itu.

Pada pendapat saya, status, pengiktirafan dan melanjutkan pelajaran mereka di institusi-institusi yang lebih tinggi tidak begitu susah atau payah untuk diselesaikan jika Kerajaan benar-benar hendak menolong pelajar-pelajar di sekolah pertanian. Saya mengakui kenaikan gaji dan kenaikan pangkat di dalam jawatannya tidak begitu senang untuk diselesaikan, tetapi pelajar-pelajar di sekolah-sekolah tersebut tidak berpuas hati dan mereka telah mogok dan menunjuk perasaan bukan sekarang

Tuan Pengerusi: Yang Berhormat bercakap di bawah Kepala mana tentang masalah mogok, tuntutan dan sebagainya?

Dr Tan Chee Khoo: Muka surat 106. Peruntukannya ialah \$2,813,669.

Tuan Pengerusi: Sekolah Pertanian?

Dr Tan Chee Khoo: Ya, Sekolah Pertanian. Mr Chairman, Sir, if the Minister of Agriculture is really serious in wanting to settle this dispute between the students and the Government, this could easily be settled, as I pointed out before, given good-will. Instead of this, all these five Institutes with the students numbering by the thousands have been closed for months now, and it is not in the interest of the country that these Institutes should remain closed.

These institutes should be opened as quickly as possible, because the country needs these lower grade of agricultural technicians in large numbers, particularly so when we are now told that there will be a Green Book and we hope there will be a "Green Revolution" in this country in order to increase the output of rice and other food-stuffs in this country.

Mr Chairman, Sir, I wish to touch also on the plight of the farmers in this country. It is true that the farmers are getting a little higher

price for the padi that they produce. But if you take into consideration that their inputs have increased by tremendous amounts, then the increase in price of padi that they get is not commensurate with the inputs that they have to put in. For example, take the question of fertilisers. Time was when the price of fertilisers was about \$2.80 a bag. Today it is sold at \$15 per bag and, as the Member for Sungai Patani has rightly pointed out, you cannot even get it at that price. Now, if the Government has given a subsidy of baja to the padi farmers to the tune of about \$40 million for this year and it will give to the tune of \$60 million for next year, then somewhere down the line, Mr Chairman, Sir, things have gone wrong because the padi farmer does not get the baja that is due to him. None other than the Menteri Besar of Selangor has pointed it out that the baja intended for the padi farmers has landed in the shops in the villages. Now I call on the Government

Tuan Pengerusi: Ahli Yang Berhormat ada satu minit lagi.

Dr Tan Chee Khoo: I call on the Government to investigate this serious state of affairs because money that is voted in this House to the tune of millions should not go astray and anyone found guilty of lining his pocket at the expense of the padi farmers in this country should be brought to court and should be sent to jail.

3.23 ptg.

Tuan Hishamuddin bin Haji Yahya (Maran): Tuan Pengerusi, saya menyokong penuh usul yang dibawa oleh Yang Berhormat Menteri Pertanian dan Pembangunan Luar Bandar dan setelah membaca Anggaran Belanjawan, 1975 di bawah Kementerian Pertanian dan Pembangunan Luar Bandar, maka saya yakin penuh bahawa Kementerian ini telah mempunyai suatu rancangan yang intensif bagi memajukan petani serta memperbaiki taraf dan mutu hidup mereka dan jika rancangan ini dijalankan dengan sempurna maka ia akan mencapai kejayaan luar dari jangka. Ini merupakan suatu kemenangan politik luar bandar dan saya mengucapkan setinggi-tinggi tahniah kepada Kementerian tersebut, tetapi selain daripada memeras tenaga dan fikiran di dalam mengujudkan dasar yang dinamis

ini izinkan saya membuat beberapa cadangan di dalam beberapa perkara mengenai perlaksanaan, terutamanya ialah mengenai MAJUIKAN dan perlaksanaan hasratnya.

MAJUIKAN ini saya percaya diwujudkan di atas dasar yang ikhlas sebagai hasrat Kerajaan untuk meninggikan taraf hidup kaum nelayan yang selama ini sentiasa tidak dapat menikmati hasil pembangunan yang sepenuhnya jika dibandingkan dengan kaum yang lain, tetapi dukacita saya melahirkan suatu perasaan kecurigaan, samada peruntukan yang \$5,844,987 itu mencukupi bagi tujuan MAJUIKAN ini, kerana saya percaya bahawa tugas MAJUIKAN ini ialah untuk melahirkan suatu masyarakat baharu di kalangan nelayan. Adalah diharapkan bahawa MAJUIKAN akan membawa satu pertukaran yang pesat kepada penghidupan nelayan semoga taraf hidup mereka dapat diperbaiki setanding dengan mereka yang berpencarian lain.

Pada himat saya, titik permulaan bagi memperbaiki kehidupan kaum nelayan ini ialah untuk memperbaiki tempat tinggal mereka, sempurna dengan bekalan air, letrik serta mengadakan pusat-pusat kesihatan, rumah-rumah ibadat, sekolah serta juga bandar kecil bagi kesenangan nelayan untuk mendapatkan barang-barang keperluan mereka. Pendek kata infrastructure kampung mereka ini hendaklah dilengkapi terlebih dahulu sebelum Kerajaan memberi bantuan di dalam menambahkan hasil tangkapan mereka.

Rancangan bagi memajukan kaum nelayan ini hendaklah hampir-hampir sama dengan Rancangan FELDA, tetapi hanya berlainan dari segi penyesuaiannya sahaja dan inilah sahaja penentuan bahawa hasrat Kerajaan itu akan berjaya. Perkara menyusun semula masyarakat nelayan ini tentulah sukar dan kompleks sekali dan saya fikir peruntukan sebanyak \$5 juta lebih itu tidak akan mencukupi bagi membiayai projek di seluruh negara.

Tuan Pengerusi, selain daripada menyusun semula masyarakat kaum nelayan di pinggir pantai Kerajaan juga patutlah memberi sedikit perhatian kepada perusahaan ikan sungai. Peranan yang dimainkan oleh penangkap-penangkap ikan di sepanjang pinggir sungai, terutamanya di Sungai

Pahang di dalam pengeluaran ikan-ikan sungai bagi kegunaan tempatan tidak boleh diperkecilkan. Demand bagi ikan-ikan sungai, terutamanya ikan yang popular seperti Ikan Jelawat sentiasa tidak mencukupi. Ikan-ikan sungai ini yang lebih popular di kalangan rakyat di Pantai Timur, khasnya di Pahang tidak pula kurang popularnya di kalangan rakyat di Ibu Kota Kuala Lumpur ini. Misalnya ikan Jelawat dari Sungai Pahang itu dianggap sebagai delicacy oleh pelancung dan rakyat di negara ini dan kebanyakan ikan Jelawat yang dihantar ke hotel-hotel besar di Kuala Lumpur adalah tangkapan daripada Sungai Pahang. Harga ikan Jelawat sekarang sudah meningkat sampai ke \$12.00 sekati. Oleh kerana ikan sungai ini juga merupakan sumber pendapatan seperti juga dengan udang galah, maka patut sangatlah Kerajaan memberi perhatian kepada membangunkan perusahaan ini. Ini bukan sahaja akan menambahkan pendapatan negara, tetapi ia juga akan melahirkan pekerjaan.

Tuan Pengerusi, memelihara ikan sungai seperti Jelawat, pada fikiran saya tidak mustahil dilaksanakan. England telah berjaya memelihara ikan Trout di anak sungai yang cetek dan jernih di dalam kawasan tiga batu sungai bagi sesuatu tempat itu, cukup dengan makmal penyelidikannya. Perusahaan itu bukan sahaja dapat mengeluarkan ikan bagi keperluan protin di negara itu, akan tetapi ia juga dapat mengeluarkan anak-anak ikan bagi keperluan mereka yang hendak menjalankan perusahaan itu. Negara kita juga tidak kurang dengan anak-anak sungai yang airnya cetek dan jernih, sesuai bagi pemeliharaan ikan sungai ini terutama di daerah ulu di Negeri Pahang.

Ini merupakan suatu jalan bagi kita membuka kawasan-kawasan pendalaman. Dengan demikian, saya merayu pihak Kementerian yang berkenaan mengambil perhatian di dalam hal ini.

Perkara yang kedua, ialah mengenai ternakan. Tidak dapat dinafikan bahawa peranan rakyat desa di dalam mengeluarkan bahan makanan, terutamanya daging tidak kurang pula significantnya. Sudah berkurun-kurun lamanya maka bagi bandar-bandar kecil sumber daging ialah dari kampung dan desa hasil daripada ternakan yang dibuat

dengan secara sambilan oleh petani. Negara kita sering sekali menghadapi kekurangan daging dan kita patut mengucapkan setinggi-tinggi tahniah ataupun setinggi-tinggi terima kasih kepada petani kita, tetapi baharu-baharu ini negeri kita menghadapi kekurangan daging dan harga daging telah melambung naik. Kita kekurangan daging ialah disebabkan oleh dua perkara.

Pertama disebabkan oleh dharurat tahun 1948. Di dalam waktu dharurat yang berakhir selama 12 tahun itu, penduduk di kampung telah terpaksa meninggalkan kampung halaman mereka yang asal kerana terpaksa duduk berkumpul di suatu tempat yang di pagar. Ternakan mereka seperti kerbau, lembu, kambing dan ayam terpaksa dijual, dan kerbau pula yang tidak sempat ditangkap itu telah terbiar selama 12 tahun. Kebanyakan telah hilang dan setengahnya menjadi kerbau liar.

Kedua disebabkan oleh banjir. Di dalam jarak empat tahun lepas kita mengalami banjir yang dahsyat yang melanda negara kita ini. Di dalam sekurang-kurangnya dua kali banjir jumlah kehilangan binatang-binatang ternakan amatlah besar. Inilah faktor pada pendapat saya menyebabkan kita kekurangan binatang ternakan yang menyebabkan kekurangan daging. Jadi, di dalam menambahkan semula pengeluaran daging, Kerajaan hendaklah menumpukan perhatiannya ke kampung-kampung dan desa di mana kita telah mempunyai kemudahan semula jadi. Kampung dan desa tidak kurang mempunyai rumput yang sesuai, padang serta tanah sawah luas bagi memelihara binatang-binatang ternakan ini. Apa yang menjadi asset kepada Kerajaan ialah kebolehan serta persediaan rakyat di desa dan kampung untuk memelihara binatang-binatang ternakan. Orang kampung dan desa telah berkurun-kurun lamanya menerima konsep bahawa memelihara binatang ternakan itu adalah sebahagian daripada cara hidup mereka. Jadi dalam melaksanakan dasar pengeluaran lebih banyak daging, selain daripada Kerajaan mengadakan projek yang besar-besaran yang dijalankan oleh Kerajaan sendiri, Kerajaan juga hendaklah menghidupkan semula di kalangan orang-orang kampung dan desa semangat menternak dan memberikan mereka benih ternakan di bawah sistem

pawah yang ada sekarang ini. Tetapi kegiatan pawah yang ada sekarang ini hendaklah diperluaskan lagi. Jika tiap-tiap orang diberi benih ternakan, maka saya percaya di dalam masa 3 tahun sahaja, kita akan dapat mengatasi masalah kekurangan daging ini. Saya dapati bahawa sekim FELDA sekarang ini sangat sunyi dengan binatang-binatang ternakan seperti lembu, kerbau dan kambing.

Tuan Pengerusi, di dalam kawasan saya saja yang mempunyai 5 sekim FELDA, termasuk Jengka Tiga Segi yang apabila semua sekim itu telah dilaksanakan kelak sama luasnya dengan negara Singapura itu juga sunyi dengan binatang-binatang ternakan. Ladang kelapa sawit yang mempunyai rumput yang panjang di antara pokok-pokok sawit itu amat sesuai bagi lembu. Tambahan pula musuh tidak ada di sana. Saya merayu pihak Kementerian yang berkenaan memberikan peluang kepada peneroka-peneroka untuk memelihara binatang ternakan seperti lembu-lembu yang saya katakan itu. Mudah-mudahan dengan rancangan ini, maka kekurangan daging kita akan dapat diatasi dengan masa yang agak singkat.

3.43 ptg.

Tuan Haji Zakaria bin Ismail (Rantau Panjang): Tuan Pengerusi, saya bangun untuk menyokong belanjawan di bawah Kementerian Pertanian dan Pembangunan Luar Bandar yang dibincangkan sekarang ini. Apa yang saya hendak sentuh di sini ialah di bawah B. 17 Pecahan-kepala (Kod) 4200 muka surat 103, dan P. 17 Pecahan-kepala 65 muka surat 111.

Kepala B. 17 ialah Lembaga Pertubuhan Peladang. Seperti mana kita semua maklum bahawa peladang ialah tulang belakang negara. Tanpa petani-petani negara kita akan roboh dan 80% daripada petani-petani adalah terdiri daripada bumiputra. Apa yang saya hendak maklumkan di sini ialah yang menjadi tempat pergantungan peladang-peladang pada masa ini ialah Lembaga Pertubuhan Peladang. Pada hemaat saya amatlah wajar sekiranya Kerajaan kita memberikan apa-apa kemudahan kepada Lembaga ini berdasarkan kepada apa yang saya nyatakan tadi.

Tuan Pengerusi, setahu saya yang mana saya selaku Ahli Lembaga ini diperingkat Negeri, apa yang sangat-sangat diperlukan oleh Lembaga ini ialah:

- (1) Dari hal kekurangan kakitangan dan pegawai.
- (2) Lembaga ini walaupun sudah lama ditubuhkan, tetapi Pengarah tetap belum ada lagi. Oleh yang demikian, sangat-sangatlah diperlukan Pengarah yang tetap seperti lembaga-lembaga yang lain juga seperti FAMA, MARA dan lain-lainnya.
- (3) Lembaga ini memerlukan bantuan-bantuan untuk mempelbagaikan tanaman. Walaupun Lembaga ini lebih merupakan badan perniagaan, maka subsidi sangat-sangatlah diperlukan juga untuk galakan ahli-ahlinya.
- (4) Lembaga ini memerlukan kepada tambahan modal pusingan. Setahu saya di masa-masa yang sudah-sudah peruntukan yang diberi kepada Lembaga ini pada tiap-tiap Negeri hanyalah \$500,000 sahaja. Oleh itu, saya merayu kiranya pihak Kerajaan kita dapat menambahkan lagi peruntukkan ini supaya lebih licin lagi perjalanannya.
- (5) Lembaga ini juga memerlukan bangunannya sendiri ditiap-tiap buah Negeri seperti lembaga-lembaga yang lain, dan memerlukan kepada alat-alat pengangkutan yang cukup seperti Land Rover, lori-lori untuk mengangkut baja, kacang tanah dan sebagainya.

Tuan Pengerusi, saya difahamkan baja urea yang diberi subsidi khususnya untuk Negeri Kelantan pada hari ini buat Negeri Kelantan tidak sesuai dengan baja ini. Dia lebih sesuai dengan baja campuran seperti I.C.I. dan sebagainya.

Di bawah Kepala P. 17, Pecahan-kepala 65 muka surat 111, Rancangan-rancangan Parit dan Taliair, Kelantan. Di Rancangan Lemal, lebih kurang 23,000 ekar tanah yang terlibat di bawah rancangan ini, yang telah digunakan sejak tahun 1960 lagi. Tetapi yang dapat ditanam dua kali setahun ialah seluas 10,000 ekar sahaja. Manakala bakinya lagi belum dapat ditanam dua kali lagi. Ini kerana tidak mencukupi air, di dalam seluas 10,000 ekar itu pun banyak juga kawasan-kawasan yang tidak dapat ditanam padi langsung, kerana ditenggelami air akibat

rancangan ini. Oleh yang demikian, saya merayu kepada Kerajaan menambahkan perbelanjaan untuk mengairi kawasan yang seluas 13,000 ekar lagi itu dan mengadakan perbelanjaan untuk mengeringkan kawasan-kawasan yang ditenggelami air itu. Ini selaras dengan dasar Kerajaan yang berkehendak supaya setiap inci tanah-tanah di negeri ini dipenuhi dengan tanaman.

Tuan Pengerusi, masaalah yang dihadapi oleh petani-petani dikawasan Perairan Lemal ini ialah kesusahan hendak mengusahakan tanah-tanahnya, kerana lumpurnya terlalu dalam akibat daripada bertakung air selama masa sehingga traktor-traktor apa lagi lembu-kerbau tidak dapat turun langsung. Jika sekiranya hal ini dibiarkan berterusan, maka tidak akan berjaya hasrat Kerajaan kita hendak menambahkan hasil pertanian di kawasan tersebut.

3.50 ptg.

Tuan Lukman bin Abdul Kadir (Ulu Nerus): Tuan Pengerusi, dalam kita membahaskan peruntukan Kementerian Pertanian dan Pembangunan Luar Bandar yang diperuntukan berjumlah \$276,999,735 saya suka juga mengambil bahagian dalam beberapa perkara dalam peruntukan ini.

Yang pertama, Kepala B. 17 Pecahan-kepala 195 dan 196 mengenai menangkap ikan cara-cara moden yang dijalankan di dalam negara kita sekarang ini.

Tuan Pengerusi, oleh kerana segolongan besar pengundi-pengundi dalam kawasan saya ini bekerja menangkap ikan ataupun kaum nelayan, maka satu perkara yang amat tidak puas hati dalam perlaksanaan dasar Kerajaan sekarang ini mengenai perikanan ini, ialah masaalah pukut tunda. Masaalah pukut tunda ini apa yang berlaku sekarang amatlah tidak memuaskan hati oleh segolongan besar kaum nelayan yang bekerja menangkap ikan, sebab lesen-lesen pukut tunda yang diberikan kepada setengah-setengah kaum nelayan itu amatlah terbatas dan terhad sekali. Perusahaan ini bukan sahaja tidak memuaskan hati kepada orang-orang yang tidak dapat lesen pukut tunda itu, tetapi keadaan sekarang ini dari semasa ke semasa kedudukan ikan yang ditangkap adalah berkurangan sangat. Sekarang ini lesen pukut tunda untuk menangkap ikan tidak terkecuali, walaupun ikan sebesar kelengking

misalnya, bila ditunda maka semua ikan-ikan itu masuk. Jadi kalau berterusan keadaan ini, saya fikir negara kita dalam beberapa tahun yang ke hadapan akan menjadi rumit. Apabila ikan-ikan ini berkurangan, sebab ikan-ikan yang ditangkap itu bukan sahaja ibu-ibu ikan, bapa-bapa ikan, tetapi semua sekali termasuk anak, cucu-cicit ikan masuk di dalam pukut tunda, dan tidak berpeluanglah ikan-ikan ini membesar bagi tangkapan akan datang.

Tuan Pengerusi, dalam perkara ini saya suka memberi beberapa pandangan, iaitu mengikut himat saya patutlah Kerajaan sekarang ini menghadkan lesen pukut tunda seumpamanya dua tahun sekali, atau dua tahun diberikan lesen dan dua tahun kemudian diharamkan orang-orang bekerja pukut tunda supaya memberi peluang ikan-ikan ini membesar dan membiak. Kalau kita teruskan seperti yang ada sekarang ini, memang betul mengikut pendapat Kerajaan lesen yang diberi itu terhad. Tetapi bila kaum nelayan yang lain melihat rakan-rakannya yang sama bekerja menangkap ikan ini menggunakan pukut tunda, maka saya suka menjelaskan di sini tidak kurang pukut-pukut tunda haram yang dikerjakan sama walaupun pihak Kerajaan telah menangkap ataupun sebagainya.

Saya nampak Kerajaan tidak dapat menahan semua sekali pukut-pukut tunda haram ini menangkap ikan. Oleh itu, untuk memberi peluang kepada semua kaum nelayan ini dapat menangkap ikan maka kita hadkan, misalnya dua tahun kita bukakan kepada kaum nelayan yang bersedia untuk menangkap ikan secara pukut tunda tetapi selepas dua tahun hendaklah kita haramkan terus pukut tunda ini selama dua tahun bagi memberi peluang kepada ikan-ikan ini membesar. Misalnya Jabatan Mergastua, dia memberi kebenaran kepada pemburu-pemburu menembak rusa atau sebagainya terhad di dalam bulan-bulan yang tertentu sahaja supaya memberi peluang binatang-binatang ini beranak, kerana kita tahu musim binatang-binatang ini beranak. Bagi ikan pula kalau kita hendak hadkan bulannya sudah tentu tidak dapat, sebab keadaan ikan ini berlainan. Saya mengesyorkan supaya pihak Kerajaan memikirkan dan mengkaji supaya pekerja-pekerja atau kaum nelayan ini tidak akan menghadapi masa kesusahan yang amat sangat pada tempoh 10 tahun ataupun 15 tahun yang ke hadapan.

Tuan Pengerusi, kalau kita bandingkan dalam tahun 1968, kaum nelayan boleh memukat dengan menggunakan bot-bot yang mempunyai kekuatan 6 ataupun 8 kuda sehinggalah pada tahun 1970. Apabila kekuatan kuda ini naik maka kaum nelayan ini dapat menangkap ikan lebih jauh. Misalnya dalam tahun 1970 sehingga tahun 1972 memerlukan kepada 24 kuda. Sekarang ini memerlukan kekuatan kuda yang lebih, misalnya 33 kuda yang diperlukan barulah dapat menangkap ikan ke lautan yang jauh.

Tuan Pengerusi, inilah bendanya yang kita nampak daripada perkembangan-perkembangan ini. Kaum nelayan memerlukan modal yang banyak, walaupun Kerajaan sekarang memberi subsidi enjin tetapi hanya beberapa orang yang mendapat subsidi ini dengan bersyarat, Kerajaan memberikan enjin kepada kaum nelayan dan kulit motor itu hendaklah disediakan oleh pihak-pihak nelayan itu sendiri. Betul juga dari satu segi, tetapi dari segi kenyataannya apabila seseorang ataupun beberapa orang kaum nelayan bermuafakat untuk mendapatkan satu subsidi enjin yang mempunyai 33 kuda sudah tentu memerlukan kepada bot yang berharga mahal. Untuk mendapatkan bot yang berharga mahal ini sudah tentulah kaum nelayan tidak dapat menyediakannya. Kalau kita berkehendakkan juga maka terpaksa berkerja dengan orang-orang yang mempunyai wang yang banyak atau orang-orang yang telah mempunyai motor misalnya. Orang-orang yang mempunyai wang yang banyak juga akan dapat keuntungan daripada subsidi yang Kerajaan beri ini. Itulah yang saya nampak dan saya syorkan kepada Kerajaan supaya menimbang dan mengkaji sejauh-jauhnya masalah menghadapi kaum nelayan ini dan saya bimbang pihak Kerajaan juga akan menghadapi kesusahan apabila ikan-ikan di lautan berkurangan ataupun susah hendak mendapatkan ikan-ikan ini terutama di laut-laut yang dekat.

Saya mengesyorkan supaya Sekolah Perikanan yang ada sekarang di Trengganu itu hendaklah diperbesarkan, oleh kerana kaum nelayan yang segolongan besarnya berada sepanjang pantai di Pantai Timur khususnya di Trengganu yang bekerja menangkap ikan. Maka amatlah sesuai sekiranya Sekolah Perikanan yang ada sekarang ini dibesarkan dan ditinggikan tarafnya supaya alat kelengkapan dan

kemudahan-kemudahan itu dapat dipenuhi oleh orang-orang yang benar-benar mahu bekerja menangkap ikan.

(Tuan (Timbalan) Yang di-Pertua *mem-pengerusikan Jawatankuasa*)

Tuan Pengerusi, bagi menghadapi kaum nelayan yang sekarang ini dari semasa ke semasa amat susah dan sukar mengatasi pendapatan mereka yang berkurangan ini, saya syorkan supaya tanah-tanah padi yang berdekatan dan kebanyakan di Negeri Trengganu yang tidak jauh dari pantai-pantai diusahakan dan dibuka oleh pihak Kerajaan supaya kaum nelayan itu dapat bekerja untuk menangkap ikan dan pada musim padi dapatlah mereka mengerjakannya dan tidaklah ketinggalan. Hanya mereka memerlukan pada Kerajaan sekarang ini ialah dengan mengeluarkan sedikit peruntukan pengkajian berkenaan dengan tanah-tanah yang memang telah sesuai untuk ditanam padi, hanya memerlukan alat-alat moden bagi membersihkan kawasan-kawasan itu secara berleluas, ataupun secara perbadanan seperti badan-badan FELDA dan sebagainya. Saya nampak kalau Kerajaan sekarang ini membuka tanah-tanah padi yang luas yang memang telah sedia ada berhampiran dengan pantai dan keutamaan itu diberi kepada kaum-kaum nelayan, maka saya rasa pihak kaum nelayan dan pihak Kerajaan sendiri dapatlah senang sedikit untuk memberi pertolongan kepada kaum-kaum nelayan yang memang susah sekarang ini.

Tuan Pengerusi: Masa 10 minit sudah cukup.

Tuan Lukman bin Abdul Kadir: Terima kasih.

4.03 ptg.

Tuan Sulaiman bin Haji Taib (Parit Buntar): Tuan Pengerusi, saya bangun menyokong peruntukan yang diminta oleh Kementerian Pertanian dan Pembangunan Luar Bandar seperti mana yang dikemukakan oleh Yang Berhormat Menteri yang berkenaan di dalam Dewan ini. Di samping itu, saya suka menyentuh satu dua perkara mengenai Kepala P. 17, Pecahan-kepala 1100, 196 dan saya akan menyentuh secara selari mengenai Kepala-kepala yang saya sebutkan tadi.

Kepala P. 17—Pecahan-kepala 17—Lembaga Kemajuan Ikan. Saya suka mengambil kesempatan di dalam Dewan ini mengucapkan setinggi-tinggi tahniah di atas perlantikan Ahli Yang Berhormat dari Kuala Nerus menjadi Pengerusi Lembaga MAJU-IKAN dan saya rasa perlantikan ini adalah memberi harapan baru kepada nelayan-nelayan di dalam negara kita ini untuk memperbaiki keadaan kehidupan mereka itu dan di masa hadapan. Seperti mana yang kita termaklum bahawa kaum nelayan adalah merupakan golongan rakyat yang tertinggal yang sentiasa tertindas dan di setengah-setengah tempat merupakan golongan rakyat yang terbiar di dalam negara kita ini, walaupun banyak rancangan-rancangan telah dibuat dan diatur oleh Kerajaan bagi memperbaiki keadaan kehidupan mereka itu, tetapi kesan daripada usaha-usaha yang dibuat oleh Kerajaan itu amatlah sedikit sekali kemajuan yang dicapai. Saya amat berharap dalam usaha yang hendak dilancarkan oleh MAJUIKAN ini bagi masa-masa yang akan datang, maka biarlah benar-benar perhatian ditumpukan betul-betul untuk memperbaiki keadaan nasib nelayan-nelayan ini, janganlah seperti mana yang sudah-sudah umpamanya kita menggalakkan nelayan-nelayan menubuhkan Persatuan-persatuan Nelayan, kemudian kita biarkan mereka itu berjalan dengan sendirian, maka akhirnya terbengkalai projek-projek dan bantuan-bantuan yang diberikan oleh Kerajaan terhadap kaum nelayan itu.

Sebenarnya kaum nelayan ini merupakan sebagai orang yang sedang sakit tenat. Pada mereka ini tidaklah boleh hanya dinasihatkan pergi berubat di rumah sakit, sekian tempat hospitalnya, di situ bilik doktornya—tidak boleh seperti itu. Mereka ini mesti dipimpin, kalau perlu, dibawa dihantar dengan motokar sampai di hospital, ditunjukkan dan dibawa ke bilik doktor, kemudian setelah diperiksa dan dapat ubat, dibawa balik dan diperhatikan setiap hari mereka ini makan ubat yang diberi oleh doktor itu. Demikianlah hendaknya pimpinan yang perlu diberikan oleh Kerajaan kepada nelayan-nelayan, kalau tidak akan sentiasa terbengkalai rancangan-rancangan yang diaturkan oleh Kerajaan.

Berkaitan dengan nelayan ini, di kawasan saya adalah merupakan suatu kawasan nelayan yang paling sensitif. Kawasan perairan Pantai Krian yang mempunyai dua

kawasan penangkapan ikan yang besar di Perak, iaitu Kuala Kurau dan Tanjong Piandang. Ianya mempunyai bilangan nelayan hampir 2,000 orang yang hidup di atas usaha menangkap ikan dan nelayan-nelayan di kawasan ini adalah merupakan nelayan-nelayan yang begitu kuat menentang penggunaan pukut tunda di dalam negara kita ini. Dan sebab-sebab mereka itu menentang pukut tunda ini samalah seperti mana yang telah disebutkan oleh Ahli Yang Berhormat dari Ulu Nerus tadi iaitu mereka takut, khuatir, dengan penggunaan pukut tunda ini lebih-lebih lagi pukut tunda yang kecil akan habislah anak ikan, cucu ikan, di sapu bersih oleh pukut tunda dan akhirnya akan ketiadaan mata pencarian pada mereka sendiri dan perkara ini berlaku di beberapa buah kawasan penangkapan ikan di dalam negara kita ini yang telah menjalankan perusahaan pukut tunda.

Kita dengar umpamanya di Kuala Kedah, nelayan-nelayan terpaksa mengadakan majlis membaca yasin, meminta doa, sembahyang hajat, kerana kekurangan penangkapan ikan dan perkara ini entah betul atau tidak berpunca daripada adanya penangkapan ikan secara pukut tunda ini—wallahualam—tetapi saya berharap kalau perkara ini benar, patutlah pihak Kementerian membuat kajian dan jika mustahak mengharamkan penggunaan pukut-pukut tunda kecil ini. Kita tidak menentang terus penggunaan pukut tunda, tetapi biarlah pukut tunda ini ialah yang besar-besar yang menangkap ikan di lautan luas, di lautan dalam. Dan kalau kita biarkan mereka ini menggunakan bot-bot yang kecil walaupun dibuat undang-undang tidak boleh menangkap di kawasan yang cangkak, kita tahu kawasan laut ialah sangat mustahil untuk diawasi kerana ianya terlalu luas dan kalau tidak dapat pada waktu siang, dia datang curi pada sebelah malam menangkap ikan dan perkara ini berlaku di kawasan perairan Krian walaupun Kerajaan telah mengharamkan nelayan-nelayan dari Port Weld daripada Pulau Pinang datang mencero boh ke kawasan Krian, tetapi pada ketika-ketika ini bila kawasan ini tidak dijagai oleh pihak Polis Laut mereka datang mencuri dan pada ketika itu apabila bertembong dengan nelayan-nelayan di Kuala Kurau dan Tanjong Piandang, maka berlakulah pergaduhan antara dua golongan nelayan yang menangkap ikan ini iaitu nelayan pantai dan nelayan pukut tunda.

Tuan Pengerusi, bila saya sebutkan nelayan di kawasan Krian menentang penggunaan pukut tunda ini bukanlah bererti yang nelayan-nelayan di kawasan ini tidak mahu memajukan perusahaan menangkap ikan mereka itu malahan baru-baru ini sebahagian besar daripada nelayan-nelayan dari kawasan Tanjong Piandang telah berusaha sendiri membuat suatu pukut jenis baru yang di panggil pukut rantai dan penangkapan ikan dari pukut ini adalah mendatangkan hasil yang amat memuaskan. Tetapi, apa yang saya dapat tahu daripada nelayan-nelayan di kawasan ini yang sekarang ini sudah 80% menggunakan pukut rantai ini, pihak yang berkenaan masih belum meluluskan lesen bagi menggunakan pukut tersebut. Oleh yang demikian saya berharap kepada pihak Kementerian yang berkenaan supaya mengkaji penggunaan pukut rantai ini samada sesuai atau tidak. Tetapi, kepada nelayan-nelayan, terutama sekali di kawasan Krian yang dahulunya menentang pukut tunda yang saya sebutkan tadi memikirkan pukut rantai ini adalah lebih sesuai daripada pukut tunda, sebab pukut rantai jika ditarik ianya tidak merosakan permukaan tanah di dalam laut itu.

Satu perkara lagi, terlanjur saya menyebutkan berkenaan dengan nelayan ini, iaitu kesulitan-kesulitan yang dihadapi oleh nelayan, selain daripada masalah orang-tengah dan sebagainya, ada kalanya kesulitan-kesulitan yang mereka hadapi ini adalah didatangkan oleh kita sendiri. Terutama sekali kepada nelayan-nelayan yang tinggal di kawasan yang bersempadan antara dua buah negeri. Di kawasan saya iaitu nelayan yang datang dari Tanjong Piandang, kawasan ini adalah bersempadan dengan Negeri Pulau Pinang. Kebanyakan nelayan-nelayan di Tanjong Piandang ini menggunakan bot yang mendapat lesen hanya di kawasan perairan di Negeri Perak sahaja, tetapi kadang-kala nelayan-nelayan ini terlajak masuk ke kawasan perairan Pulau Pinang. Maka mereka ini akan ditangkap samada oleh Marine Police ataupun oleh Kapal Ronda Perikanan di Pulau Pinang dan baru-baru ini beberapa orang telah didakwa di Mahkamah sehinggakan ada bot mereka itu yang telah dirampas. Selain daripada itu, banyak lagi kesalahan-kesalahan kecil yang saya harap dalam zaman kita menghadapi inflasi ini dan rakyat sedang

ditekan oleh keadaan inflasi, patutlah kesalahan-kesalahan kecil yang dilakukan oleh nelayan-nelayan umpamanya, nelayan-nelayan kecil yang perahu-perahunya kecil, yang menggunakan perahu kecil, tidak menggunakan pelampung dan tidak menyediakan lampu di waktu malam, jadi perkara-perkara ini patutlah dibiarkan sahaja dan tidak usahlah diambil tindakan. Tetapi malangnya, pihak yang berkenaan di kawasan yang saya sebutkan tadi, perkara-perkara yang kecil inipun diheretkannya nelayan-nelayan ini, setengahnya sampai dua tiga hari tidak dapat pergi ke laut dan ini mengganggu kehidupan mereka itu.

Tuan Pengerusi: Yang Berhormat, masa sudah sampai.

Tuan Sulaiman bin Haji Taib: Ada sedikit lagi.

Tuan Pengerusi: Berapa lama lagi?

Tuan Sulaiman bin Haji Taib: Dua minit.

Tuan Pengerusi: Dua minit tidak boleh, kerana masa sudah lewat. Satu minit boleh, untuk menggulung.

Tuan Sulaiman bin Haji Taib: Akhir sekali, kawasan saya iaitu merupakan kawasan pertanian. Baru-baru ini saya mendengar Yang Berhormat Menteri yang berkenaan ada menawarkan kepada petani-petani daripada Perlis untuk pergi ke Johor bagi membuka kawasan tanah sawah yang terbiar sebanyak 6,000 ekar. Jadi sukalah saya bagi pihak petani-petani di kawasan saya yang dikenali sebagai petani yang tekun dan gigih dalam Malaysia ini, saya menawarkan tenaga mereka itu kepada Kerajaan Negeri Johor melalui Kementerian yang berkenaan. Jika sekiranya memerlukan tenaga petani untuk memajukan kawasan pertanian yang terbiar itu, pihak petani-petani dari Krian sedia menawarkan diri pergi ke kawasan tersebut, dan saya sendiri bersedia bekerjasama mendapatkan petani-petani yang dikehendaki itu.

4.15 ptg.

Tuan Au How Cheong (Telok Anson): Tuan Pengerusi, saya minta izin bercakap dalam bahasa Inggeris. . . .

Tuan Pengerusi: Sedikit-sedikit boleh diizinkan.

Tuan Au How Cheong: Tuan Pengerusi, saya bangun menyokong Belanjawan untuk Kementerian Pertanian dan Pembangunan Luar Bandar, dan saya suka mengambil peluang ini menyentuh Pecahan-kepala 101 di muka 115, Drainage Scheme in the State of Perak.

(*Dengan izin*) Tuan Pengerusi, I would like to take this opportunity to appeal to the Government to give urgent consideration to devise plans and schemes to prevent flooding of the many kampungs, estates and villages along Sungai Perak. Flooding of these areas is almost an yearly affair. For those of us who are serving in the Flood Relief Committee, we have witnessed during floods the sufferings of the people first hand. Apart from the untold amount of crops that have been destroyed and the number of livestock drowned, the people have to be evacuated to temporary centres where they have to sleep on the table-tops or sometimes even on the floor. They are given clothings that seldom fit them and food just to stay alive. Quite often the centres are very, very crowded and hygienic facilities are grossly inadequate. Those of us who serve in the Flood Relief Committee actually feel very foolish sometimes, for this Committee has been formed in anticipation of the flood and we would only help the people when the flood actually spreads across the country. We think that it would be far better to go to the root of the problem by devising schemes to prevent the flood instead of trying to help the people when the flood has actually come in. Although it may require some very expert opinion and planning to eliminate flood entirely, I venture to propose that suitable bunds be built around the heavily habitated area along the river, and the river itself be deepened or its water be deviated to another channel. Best of all, I would even propose to the Government to open up new land to resettle all these people who stay along the floodprone area.

Tuan Pengerusi, I would also like to touch on Sub-head 197, Subsidies to Fishing Industry on page 126. It would appear that the Government is placing a lot of emphasis on coastal or deep sea fishing. I would propose to the Government that encouragement and some sort of assistance for the

development of fresh water fish and prawn industries be given. Tuan Pengerusi, this deep-sea fishing is sometimes a very risky trade. Apart from the initial heavy capital expenditure on such items as netting and boats, the fishermen are often confronted by storm, rain and bad weather generally. Inland cultivation, or rearing of fish or prawn in ponds or rivers, can be brought under close supervision and control. Thus, it is even possible to determine the return of such investment before anyone actually goes into it. Such cultivation can successfully be carried out in rural areas, thus helping to increase the income of the lower income group and also in a way to produce more food. I therefore propose that the Government should provide suitable land for such cultivation and also to give technical know-how where available.

4.20 ptg.

Tan Sri Abdul Aziz bin Yeop (Padang Rengas): Tuan Pengerusi, berkaitan dengan Kepala B. 17 dan B. 18 dan Kepala P. 17 saya mengambil peluang ini mengemukakan pandangan-pandangan saya berkenaan dengan perlaksanaan tugas-tugas dan projek-projek yang menjadi tanggungjawab Kementerian ini.

Semenjak Malaysia merdeka dasar utama yang diisytiharkan dari satu masa ke satu masa ialah meninggikan taraf hidup petani-petani dan nelayan-nelayan di kawasan luar-bandar. Saya mengucapkan tahniah kepada Kerajaan Perikatan dan sekarang Barisan Nasional yang telah menguntukkan dan membelanjakan berjuta ringgit tiap-tiap tahun untuk mencapai matlamat tersebut. Tetapi, apa yang menjadi tandatanya kepada saya, adakah kita berpuas hati bahawa dengan segala yang telah dibuat dan segala yang telah dilaksanakan itu kita sebenarnya telah dapat memimpin, melatih, menyedar, membangun petani-petani dan nelayan-nelayan kita dan perubahan masyarakat luar bandar menjadi masyarakat yang dinamis, moden dan progresif seperti yang dicita-citakan itu, cuma menjadi soal masa sahaja.

Tujuan tandatanya ini bukanlah hendak menidak-nidakkan segala daya-usaha yang sangat-sangat dihargai yang telah diceburkan semenjak merdeka, saya tidak juga beserta dengan kritik-kritik yang melulu seperti

yang dibuat oleh Ahli-ahli Yang Berhormat dari pihak Pembangkang yang kita telah jemu dan jelak mendengarnya. Tujuannya ialah supaya kita mengawasi semula dengan teliti dan mendalam hasil-hasil segala daya-usaha kita dalam beberapa tahun yang lalu yang telah diceburkan demi kepentingan bangsa dan negara.

Tuan Pengerusi, dari apa yang saya lihat di kawasan saya nampaknya kesedaran dan semangat pembangunan telah ada memengaruhi perasaan masyarakat kita di kampung-kampung. Mereka tahu hal-hal yang berlaku di sekitar negeri dan tahu berkenaan dengan rancangan-rancangan dan projek-projek di luar bandar yang dirancang oleh Kerajaan demi kepentingan mereka. Banyak yang telah menikmati bantuan-bantuan dan kemudahan-kemudahan dari projek-projek tersebut tetapi melihat keadaan mereka keseluruhannya dan mendengar apa-apa yang disoal dan dicakapkan oleh mereka, corak masyarakat, penyusunan ekonomi dan peluang-peluang meninggikan taraf hidup di kampung-kampung masih berkurang dan jauh bezanya daripada keadaan dan peluang-peluang yang boleh didapati dalam kawasan-kawasan bandar.

Tuan Pengerusi, oleh itu saya ambil peluang ini menegaskan bahawa setinggi-tinggi keutamaan hendaklah diberi kepada tugas-tugas yang dijalankan oleh Kementerian ini. Saya bukan sahaja menyokong jumlah \$276,969,735 yang diperuntukkan kepada Kementerian ini bahkan patutnya dilebihkan lagi.

Saya berharap dalam menjalankan tugas-tugasnya Kementerian ini akan memberikan perhatian kepada pandangan-pandangan yang saya akan berikan. Bila menemui masyarakat di luar bandar perkara-perkara yang sekarang saling menjadi tandatanya di kalangan mereka ialah bilakah lagi kehidupan dan pendapatan mereka akan menjadi seimbang dengan rakan-rakan mereka dalam bandar. Bilakah lagi mereka akan dapat menikmati kemudahan-kemudahan seperti orang dalam bandar. Kilang-kilang yang banyak didirikan dalam dan dekat bandar, bilakah lagi akan merebak ke kawasan luar bandar? Saya percaya tandatanya yang begini telah mempengaruhi fikiran dan perasaan petani-petani dan nelayan-nelayan kita semenjak beberapa tahun yang lampau. Sebagai seorang awam dalam negara ini

kadang-kadang saya terkeliru memikirkan apakah jawab yang sebenarnya kepada segala tandatanya ini.

Kementerian ini khasnya melalui Bahagian Pertanian, Bahagian Parit dan Taliair, Bahagian Haiwan dan Perikanan telah melaksanakan dan mengelolakan bermacam-macam projek memimpin, melatih dan membantu kaum petani dan nelayan dalam negeri ini, teknik-teknik baru, perairan yang memakan belanja berjuta ringgit telah diadakan di serata tempat dalam negeri ini, tetapi corak hidup dan susunan ekonomi di kampung-kampung tidak begitu berkesan perubahannya dan tandatanya seperti yang saya sebutkan tadi masih kedengaran. Boleh jadi masalah-masalah yang dihadapi itu sangat kusut dan mengambil masa yang lama menyelesaikannya. Boleh jadi masyarakat di kampung-kampung dan luar bandar belum sedia menerima teknik dan cara-cara baru, boleh jadi faedah rancangan yang dibuat dan projek yang dilaksanakan belum lagi meresap meliputi seluruh masyarakat di kampung dan desa. Saya bukan pakar dan tidak tahu apakah dan di manakah yang masih ketinggalan.

Sebagai Wakil Rakyat, saya hanya menyampaikan kepada pihak yang berkuasa dan yang bertanggungjawab secara langsung gambaran yang saya dapati dan sungutan-sungutan yang saya dengar. Oleh itu, saya syorkan kepada Kementerian ini menyemak semula cara-cara pegawai dan kakitangan Kementerian bertugas di kalangan petani-petani dan nelayan. Misalnya, adakah petani dan nelayan kita tidak mahu mengubah cara hidup mereka hanya dengan diberi pimpinan dan nasihat dan dengan lawatan sahaja? Adakah mereka berkehendakkan bimbingan yang lebih dengan secara langsung? Adakah mereka terlebih dahulu hendak melihat dengan mata sendiri faedah-faedah yang boleh dicapai dengan menggunakan teknik-teknik yang baru dan dengan menyusun kehidupan dan kerja mereka menurut cara-cara yang lebih teratur sebagaimana orang pekan dan bandar menjalankan perniagaan dan perusahaan. Saya harap segala hal ini akan dapat dikaji oleh kakitangan Kementerian ini di samping menjalankan tugas mereka. Mungkin soal ini telah ada dan telah lama dalam kajian Kementerian ini.

Beberapa tahun lalu saya pun telah biasa bertugas dalam Kementerian ini, saya tahu dan faham masalah-masalah dan kesulitan

yang dihadapi olehnya, tetapi sekarang kita telah lama merdeka dan masa tidaklah begitu mengizinkan lagi. Oleh itu, saya harap hal-hal yang saya telah sebutkan akan diberi perhatian yang berat dan setinggi-tinggi keutamaan.

Dalam tugas membangunkan kawasan luar bandar dalam negeri ini, saya anggap Kementerian Pertanian dan Pembangunan Luar Bandar sebagai forward dalam pasukan bola sepak. Itulah sebabnya saya hadapkan pandangan-pandangan saya kepada Kementerian ini. Saya berbuat demikian dengan harapan banyak gol akan dapat discore oleh mereka. Dan dengan itu, tak lama lagi, Insya Allah, akan lahir dalam negara kita ini masyarakat luar bandar yang progresif cara hidupnya, yang cergas inisiatifnya dan dengan pendapatan yang sama paras keseluruhannya dengan orang-orang yang tinggal di luar bandar. Pada masa itu perkataan balik kampung, balik tanam padi, balik tangkap ikan yang selalu ditujukan kepada saya masa di sekolah itu akan menjadi lain tarikan maknanya.

Kita telah dengar ucapan Yang Berhormat Menteri Pertanian dan Pembangunan Luar Bandar pada hari Jumaat minggu lepas berkenaan dengan rancangan-rancangan menambah makanan yang akan dijalankan dalam tahun 1975. Di antara perkara-perkara yang tersebut ialah membuka kawasan-kawasan baru untuk menanam padi, koko dan lain-lain lagi sebagai tanaman selingan dalam kebun getah, tanam jagung dan sebagainya untuk makanan binatang peliharaan dan tanam sayuran secara teratur dengan lebih bercorak perdagangan. Saya menyokong penuh syor-syor yang dibuat itu. Dengan itu saya mengambil peluang ini mengesyorkan kepada Menteri berkenaan menimbang dan mengaturkan rancangan-rancangan yang akan dilaksanakan atau menambahnya jika mustahak supaya bahan-bahan mentah yang dikeluarkan itu boleh diproses dalam kilang-kilang dan berusaha menempatkan kilang-kilang tersebut di kawasan luar bandar tidak hanya di bandar dan dekat bandar sahaja.

Tuan Pengerusi: Masa sudah cukup.

Tan Sri Abdul Aziz bin Yeop: Minta maaf, Tuan Pengerusi, saya hendak berucap sedikit lagi.

Tuan Pengerusi: Boleh, setengah minit sahaja lagi.

Tan Sri Abdul Aziz bin Yeop: Jika jenis tanaman yang sudah ada dalam rancangan tidak sesuai untuk demikian, saya syorkan tanam sebagai ganti dan sebagai tambahan tanaman yang sesuai dan yang boleh ditanam di kampung dan yang berdekatan dengan kampung. Dengan itu kilang-kilang akan ada di kawasan luar bandar. Orang kita akan dapat lebih bekerja dan berperasaan mereka pun bersama dalam daya usaha membangunkan kawasan luar bandar.

4.30 ptg.

Tuan Jonathan Narwin anak Jinggong (Lubok Antu): Tuan Pengerusi, saya suka mengambil kesempatan ini untuk memberi sedikit perhatian berkenaan dengan Kepala P. 17, Pecahan-kepala 24—Memajukan Perkhidmatan Perkembangan dan Kemudahan-kemudahan, muka surat 106.

Tuan Pengerusi, nampaknya perbelanjaan seperti ini tidak ada diberi kepada Negeri Sarawak. Walau bagaimanapun, saya berharap dan bercadang di sini supaya Kerajaan Pusat akan memberi pertimbangan untuk membina satu projek dalam improvement of extension services and facilities whereby undergraduates from our various universities during their vacation, can be urged to return to our rural longhouses and kampungs, especially in Sarawak.

(Dengan izin) They can assist in Extension Services and demonstrate their talents and make use of their energy to teach our rural people in modern farming, instead of making use of their talents and energy in other demonstrations in the cities and on the streets of Kuala Lumpur. Their activities can then be channelled towards a more productive effort in the national development front. This project can be extended to those school-leavers who are waiting for their Senior Cambridge or Higher School Certificate examination results before getting jobs or going for further studies. This, I feel, will be the proper way to make use of our manpower and to give opportunity to our educated young people to have practical knowledge of agriculture thereby to stimulate their interests in this area of our national efforts.

Tuan Pengerusi, satu lagi perhatian yang saya suka hendak mengambil kesempatan di sini iaitu Kepala P. 17, Pecahan-kepala 37—Penyelidikan Pertanian di Sarawak.

Saya berharap dengan perbelanjaan yang berjumlah lebih \$1 juta ini penyelidikan di seluruh Negeri Sarawak akan dijalankan dengan telitinya. Mereka di luar bandar di Negeri Sarawak khususnya di tempat ulu terpaksa bertanam padi bukit bukannya kerana suka tetapi disebabkan oleh geo-physical factor yang tertentu. Di sini saya harap petani-petani yang sentiasa bertanam padi bukit akan tidak ketinggalan dalam penyelidikan ini dan juga saya berharap penyelidikan ini dapat mencari peluang untuk improving hill padi cultivation and find new strains of hill padi rice in order that our hill padi farmers will obtain selfsufficiency in rice.

In the past, our hill padi farmers had been left out and neglected. This year, there is a general fear because of improper burning through bad weather, that the coming harvest will be very bad amongst our hill padi farmers. In the past, for months before harvest, many of them had run short of rice. I, therefore, hope that the Honourable Minister will look into this matter and urge the Department concerned with agricultural research to make proper research to find out ways and means to improve the lot of our hill padi farmers, so that their future padi harvests will yield enough padi for their own consumption until the following season. This is very important because these people are unable to supplement their income from their very limited resources when their harvest fails.

Tuan Pengerusi, satu lagi perhatian yang saya suka sentuh kali ini berkenaan dengan Pecahan-kepala 39—Rancangan Bantuan Lada Hitam. Saya suka mengambil kesempatan ini untuk mengucapkan ribuan terima kasih kepada Kerajaan Pusat oleh sebab telah memberi kemurahan yang berjumlah \$6 juta dalam rancangan bantuan lada hitam kepada Negeri Sarawak.

Saya berharap dalam pemberian bantuan ini Kerajaan akan memberi pertimbangan kepada peladang-peladang lada hitam yang telah mendapat bantuan dalam tahun yang lepas supaya menambahkan bantuan mereka

oleh sebab kenaikan harga fertilizier dan alat-alat lain. Mereka merayu kepada Kerajaan menerusi wakil mereka mengenai kenaikan harga baja, racun dan lain-lain setelah ditimbulkan masaalah kepada mereka dan memberi kesusahan yang berat. Ini disebabkan pertolongan yang telah diluluskan oleh Kerajaan banyak kali datang lambat kepada mereka dan apabila telah sampai kepada mereka harga baja, racun dan lain-lainnya telah naik. Oleh sebab itu, saya berharap juga supaya kemurahan seperti begini akan ditambahkan dalam masa yang akan datang sekiranya perbelanjaan bantuan lada hitam ini tidak mencukupi.

Tuan Pengerusi, akhirnya saya menyentuh sedikit dalam Pecahan-kepala 232, muka surat 128 berkenaan dengan Kemajuan Masyarakat di Kawasan Luar Bandar. Saya harap Kerajaan boleh memberi pertimbangan yang berat supaya membantu Negeri Sarawak dalam bidang memajukan masyarakat di kawasan luar bandar dengan mengadakan perbelanjaan yang berjumlah lebih banyak lagi. Dalam kawasan saya di Lubok Antu mereka tidak ada community hall untuk bermesyuarat. Pada masa sekarang mereka menggunakan satu gudang padi dan apabila telah bermesyuarat banyak kali mereka komplek ada merasa gatal. Saya harap Kerajaan Pusat boleh memberi bantuan untuk mendirikan satu community hall di pasar Lubok Antu oleh sebab Kerajaan Negeri Sarawak nampaknya tidak cukup perbelanjaan untuk mendirikannya apabila rakan saya dalam Dewan Undangan Negeri Sarawak menimbulkan permintaan rakyat di sana.

4.39 ptg.

Datuk Senu bin Abdul Rahman (Kuala Kedah): Tuan Pengerusi, di dalam membincangkan peruntukan Kementerian Pertanian dan Pembangunan Luar Bandar iaitu P. 17, saya cuma ingin menyentuh satu masaalah sahaja dan masaalah ini saya telah timbulkan di dalam Dewan yang mulia ini pada setahun yang lalu. Saya minta pihak Kerajaan di dalam menjalankan kempen bumi hijau ataupun revolusi hijau dan sebagainya yang dikatakan untuk meminta supaya rakyat membanyakkan bahan-bahan makanan, tumbuh-tumbuhan dan sebagainya.

Saya telah mencadangkan dan saya akan mencadangkan sekali lagi di dalam Dewan ini, dan saya harap Kementerian yang berkenaan akan memandang masaalah ini sebagai satu masaalah yang serious. Saya rasa tidak akan dapat kita mencapai apa yang kita kehendaki walaupun kita berkempen dengan berbagai-bagai kempen meminta rakyat di kampung-kampung terutama sekali, atau di luar-luar bandar membanyakkan tanam-tanaman, buah-buahan dan sebagainya, kerana kita mesti sedar rakyat dapat menanam buah-buahan, biji-bijian seperti jagung, ubi, pisang dan sebagainya, tetapi masaalah yang kita hadapi pada hari ini oleh penanam-penanam ialah masaalah pasaran dan masaalah jaminan harga.

Saya tertarik dengan ucapan yang dibuat oleh President Ford di dalam Dewan Kongres di Amerika baru-baru ini. President Ford manakala bercakap dalam masaalah inflasi ini, satu faktor penting sekali yang diminta dijalankan di Amerika ialah menggalakkan rakyat Amerika bertanam buah-buahan, makanan dan sebagainya, bukan untuk rakyat Amerika sahaja tetapi rakyat di luar negeri.

Dan dua perkara yang diminta atau dicadangkan iaitu hendaklah diadakan guaranteed price dan guaranteed market, price yang berpatutan (reasonable), dengan lain perkataan, kita mesti menjamin bahawa penanam-penanam pisang, buah-buahan dan biji-bijian ini dengan pasaran. Kalau kita tidak dapat menjamin pasaran, saya percaya kita tidak akan dapat mencapai maksud kita untuk menambahkan buah-buahan, biji-bijian dan sebagainya.

Bila saya bercakap berkenaan dengan menambahkan buah-buahan, biji-bijian dan sebagainya, saya tidak bermaksud seperti yang dicadangkan oleh setengah-setengah pihak atau Kementerian ini sendiri iaitu kononnya untuk menyelamatkan wang daripada keluar negeri, untuk mengimpotkan barang-barang ini sebagai jagung umpamanya hampir \$20 juta setahun, buah-buahan hampir \$30 juta setahun. Jadi Kerajaan sendiri hendak mengadakan ladang jagung secara besar-besaran untuk menyelamatkan wang. Itu bukan soalnya. Itu bukan sepatutnya diberi jawapan. Sepatutnya \$20 juta dan \$30 juta itu bukan pergi kepada

Kerajaan tetapi pergi kepada poket penanam-penanam, peladang-peladang dan petani-petani. Dengan lain perkataan Kerajaan biarlah membelanjakan beratus juta ringgit pada hari ini mengadakan pasaran-pasaran di tiap-tiap tempat di seluruh pelusuk tanahair kita ini. Ada juga orang mengatakan susah, banyak belanja. Memang susah tetapi masalah inflasi ini telah menyebabkan Kerajaan lebih susah lagi. Saya minta supaya Kerajaan serious dalam perkara ini, memberi pandangan yang berat kalau hendak berjaya masalah kempen bumi hijau dan revolusi hijau dan sebagainya bahawa pasaran mesti diadakan lebih dahulu dengan guaranteed price dan reasonable price seperti yang dikatakan oleh President Ford itu patut diadakan.

Saya tidak mengikuti President Ford, tetapi saya telah membawa masalah ini setahun yang lampau, di dalam *Hansard* pun ada tercatat, kalau saya tidak salah. Saya minta semasa kita berkempen di dalam masa inflasi ini dan saya percaya jikalau sekiranya kita sudah ada pasaran dan jaminan harga barang-barang, seseorang menanam 10 pokok pisang, 10 tandan pisang dibawa ke market, dia boleh jual 10 tandan pisang. 5 tandan dibawa ke market, 5 tandan dia boleh jual. Dibawa jagung 100 biji, 100 biji dia boleh jual.

Saya percaya dengan jalan yang demikian tidak ada tanah yang akan tinggal kosong kerana rakyat hari ini tahu harga (value) duit dan sebagainya. Tidak siapa yang tidak akan bertanam kalau dia tahu ada pasaran. Ditani 10 pokok pisang, dia bawa pisang ke market, dia boleh jual serta-merta. Tetapi hari ini kalau dia tanam lebih daripada yang sepatutnya, lebih daripada yang dia hendak makan, di manakah dia hendak bawa? Bawa ke pasar, dimainkan harga, bawa pergi ke situ ditolak. Jadi masalah orang tengah barangkali! Maka hendaklah juga difikirkan oleh Kerajaan masalah orang tengah ini. Boleh jadi oleh kerana desakan daripada orang tengah. Kalau takut orang tengah terlibat, orang tengah boleh dibawa berunding. Bila ada pasaran boleh jadi Kerajaan akan berunding dengan orang tengah, biar orang tengah sama menjalankan pasaran ini. Tetapi soalnya pasaran mesti ada dan harga minima ataupun harga yang berpatutan mesti ditetapkan.

Saya percaya kalau ini dijalankan oleh Kerajaan dengan seberapa cepat yang boleh, tidak payah kita berkempen bersusah payah, tidak payah bumi hijau, tidak payah revolusi hijau, rakyat sendiri akan dengan sendirinya menanam, kerana mereka tahu tiap-tiap benda yang ditanam akan membawa hasil. Siapa yang tidak mahu kalau dia tanam cabai, ubi, pisang, jagung dan sebagainya walau banyak mana pun ada market, ada harga.

Inilah sahaja dan saya suka tegaskan sekali lagi supaya Kementerian Pertanian memberi pandangan yang sekuat-kuatnya di dalam masalah mengadakan pasaran ini. Tadi ada Ahli-ahli Yang Berhormat wakil-wakil dari beberapa kawasan telah bercakap berkenaan dengan pasaran tetapi tidak ditegaskan. Saya minta sekali lagi supaya Kerajaan memberikan sepenuh perhatian, jangan ada lagi soalan-soalan susah: Oh! susah hendak ada pasaran, banyak Kerajaan kena keluar belanja. Hari ini kita keluarkan \$500 juta untuk subsidi harga getah, tepung, gula dan sebagainya, apa salahnya kalau kita keluarkan \$300 juta umpamanya tetapi rakyat akan dapat beratus juta sebagai hasil daripada apa yang dibelanjakan oleh Kerajaan.

4.47 ptg.

Tuan Jawan Empaling (Rajang): (*Dengan izin*) Tuan Pengerusi, I would like to make it known to the House that I am really convinced by the main purpose and the objectives of the Ministry of Agriculture and Rural Development as is beautifully written on page 110 of the Anggaran Belanjawan 1975. For this reason I wish to express my sincere congratulation and deep appreciation and my full support to the proposed Supply and Development Estimates of 1975 for this Ministry as indicated under Kepala B. 17 and B. 18.

Tuan Pengerusi, I think every Malaysian should be very thankful and grateful to the Federal Government and the State Governments for the development programme that this Ministry has been undertaking for the past several years to fulfil its main purpose and objectives in raising up the highest standard of living for all Malaysians and to achieve the highest possible of our economic growth, particularly for the rural folks in the ghettos, slums and rural society. But I think the main objective of this Ministry in

raising up the standard of living and in achieving the highest possible of economic growth might have not been just created or came in as an objective and national economic policy of this Ministry within two or three months before the first meeting of this first session of the Fourth Parliament. But this objective in raising up the standard of living and achieving the highest possible of our economic growth has been the objective and the national policy of this Ministry for the past many years.

I am not criticising the Barisan Nasional Government, I am also not criticising what it has been and has not been doing for the people in the rural areas, but I have the feeling that our Barisan Nasional Government, particularly this Ministry, both at the National level and the State level has not done fast enough to develop the rural areas into a kind of "urban", and has not done its job properly to fulfil the main objective in speeding up our economic development from one stage to another, particularly in regard to the rural folks in the ghettos, slums and rural society.

We are really fortunate, Tuan Pengerusi, to have a new Cabinet—an action-oriented Cabinet—just formed recently and particularly this Ministry. It is my sincere hope that this Ministry and the action-oriented Cabinet will look very carefully into the problem of stagnation of economic growth and speed it up by means of revolutionary process. The reason I am mentioning this is because the majority of our Malaysians cannot wait for the slow movement of evolutionary process taking place in this country. I know quite well that for the Government to take steps to revolutionise, particularly in the agricultural sector of our economy, is not an easy task because it requires a lot of factors such as technical knowledge, manpower, money, suitability of land and so on, but I feel it is the main task of the responsible Government, the main responsibility of the action-oriented Cabinet, to bring great happiness to the greater number of people in this country by means of revolutionising the agricultural sector in the rural areas for the rural folks in the ghettos, slums and the rural society. I hope and pray that this Ministry will look into the matter very carefully and sincerely.

4.55 ptg.

Tuan Lee Lam Thye (Kuala Lumpur Bandar): Tuan Pengerusi, saya bangun menyentuh Kepala B. 17, Pecahan-Kepala 1100 di bawah Aktiviti (2) mengenai Pertanian.

(Dengan izin) Tuan Pengerusi, Malaysia is primarily an agricultural country and we are endowed with rich undeveloped land resources. According to one official estimate, there are still thirty million acres of land suitable for development in Malaysia. We should make full use of our land resources to improve the lot of the poor by allocating them land for cultivation purposes in answer to the call by the Government to increase food production.

Some time ago, the Minister of Agriculture and Rural Development announced that 500,000 acres of land would be opened up for food cultivation, about half of which will be in Peninsular Malaysia. While this move is welcomed, however, our farmers and peasants are anxious to know where the land is situated and how they can participate in these land schemes for food production. For example, our landless peasants and farmers are most keen to know whether they can be allotted land under these 500,000 acres for food cultivation to help increase our country's food production.

I would, therefore, urge the Government to make known all details regarding the 500,000 acres of land, so that our peasants and farmers would know whether they could and how to engage in the much-publicised food production campaign.

Tuan Pengerusi, in regard to this vital question of food production, I have frequently been approached by numerous vegetable farmers in the Wilayah Persekutuan inquiring as to how they can apply for land to go into vegetable farming. These vegetable cultivators are landless and are desperately in need of land to produce vegetables. They have tried applying for land in the Land Office of the State Government, but their applications have been turned down. Now that the Government is constantly emphasising on a vast food drive, I urge the Minister concerned to help these vegetable farmers to own land for vegetable farming. I am eager to have the Minister's reply on this matter.

Tuan Pengerusi, on the subject of vegetable farming, I wish to draw the attention of the Minister concerned to the squatter problem at Kampung Cochrane and Kampung Permai. Squatters in these two kampungs in my Kawasan have recently been served with eviction notices by Dewan Bandaraya to quit after Chinese New Year as the land they occupy is required for housing development. I would like to state here, for the information of the Minister, that the majority of the squatters concerned are vegetable farmers who have until now contributed greatly to the vegetable produce for consumption by many parts of Kuala Lumpur. Now that they have been asked to quit with no alternate land given to them for vegetable farming, I would like to call on the Minister concerned to look into their plight and help them obtain land for vegetable farming. I wish to emphasise here that these squatters must be given land for vegetable cultivation, so that their livelihood will not be disrupted and what is more important to help realise the Government's constant call for food production.

Tuan Pengerusi, on the subject of cultivation, I would also like to take this opportunity to call on the Ministry to provide more opportunities for fruit cultivators interested in finding land to open up more orchards.

As stated in the Mid-Term Review of the Second Malaysia Plan, Tuan Pengerusi, the low incomes of our poor agricultural workers, many of whom are Malays, are attributed to the uneconomic-sized holdings, poor or unsuitable plots for cultivation, traditional methods of farming and lack of access to modern agricultural equipments.

Besides what has been mentioned above, I observe that another basic cause of rural poverty is the non-ownership of farms.

The Census of Agriculture of 1960 shows that for that year 59% of all farms were under 4 acres. In the cultivation of padi, 54% of the farms were under 2½ acres. At the same time 80% of these padi farms were not owned by the cultivators.

Tuan Pengerusi, banci pertanian tahun 1960 yang telah dijalankan oleh Kementerian Pertanian dan Kerjasama telah mendapat tahu bahawa 78% sawah-sawah padi di Malaysia Barat tidak lebih daripada lima ekar dan 50% tidak lebih tiga ekar.

Semenjak itu oleh kerana kemiskinan dan hutang, tanah-tanah ini telahpun dibahagikan dan luas keping tanah ini adalah di antara ¼ ekar hingga dua ekar.

Tuan Pengerusi, it is time for the Government to introduce basic structural reforms in our agrarian economy or basic land reforms to ensure that every farmer tills his own farm. In the absence of these basic and radical land reforms, the hundreds of millions of ringgit which the Government had spent and is still spending such as the multi-million dollar Muda Irrigation Project, can only benefit the absentee landlords while the downtrodden farmers remain poor, landless and exploited.

Tuan Pengerusi, saya mendesak Kerajaan supaya menghapuskan tuan-tuan tanah atau "landlordism" dalam sektor pertanian padi. Kehapusan tuan-tuan tanah akan melepaskan petani-petani daripada eksploitasi dan mereka akan mencuba seboleh-bolehnya untuk mencapai keluaran yang tinggi dan pendapatan yang lebih. Ini akan menentukan bahawa wang yang Kerajaan modalkan di atas projek-projek seperti Projek Taliair Muda akan membantu petani-petani dan bukan menambah kekayaan orang kaya.

Finally, I call on the Ministry concerned to give its serious thought to our call for these radical land reforms so as to ensure that every padi farmer is an owner-operator of at least 10 acres of land. This will go a long way to eliminate rural poverty.

Tuan Pengerusi, perkara yang akhir, saya ingin merujuk kepada Lembaga Kemajuan Ternakan Negara. With the high food prices and the serious problem of malnutrition among the children of the poor, the Government should aim at self-sufficiency in meat and dairy products as early as possible instead of relying on imports of such products from overseas.

With this aim in mind, I urge the Lembaga Kemajuan Ternakan Negara to launch a crash programme to encourage the rapid development of the livestock industry.

On the subject of MAJUTERNAK, allow me to touch on the question of chilled pork presently produced by the Central Abattoir at Shah Alam. Pork sellers and consumers in my constituency are gravely concerned about the problem of chilled pork. For the pork

sellers, their business has been greatly affected because their customers are not used to the idea of chilled pork. This problem, I believe can be overcome if administrative changes are introduced in the Shah Alam Abbatoir, especially in regard to the time of the slaughtering of pigs, in the Abbatoir. Such slaughtering should be done in the late evening, so that by the time the pork is collected by the pork sellers, it will still be fresh for sale to customers.

5.00 ptg.

Timbalan Menteri Pertanian dan Pembangunan Luar Bandar (Datuk Haji Mustapha bin Haji Abdul Jabar): Tuan Pengerusi, saya terlebih dahulu mengucapkan ribuan terima kasih kepada semua Ahli-ahli Yang Berhormat yang telah memberi sokongan dan memberi pandangan kepada Anggaran Belanjawan yang telah dikemukakan di dalam Dewan ini.

Yang Pertama sekali, saya ingin memberi jawapan kepada Ahli Yang Berhormat dari Kota Melaka dan Ahli Yang Berhormat dari Kepong kerana kedua-duanya mempunyai pandangan yang sama berhubung dengan masalah pemulauan kursus kepada sekolah pertanian yang ada di bawah Kementerian ini.

Di sini suka saya memberi sedikit penjelasan berhubung dengan kedudukan sekolah pertanian ini. Sebenarnya, sekolah pertanian di bawah Kementerian ini diambil daripada asas pemuda-pemuda yang berkelulusan daripada sijil L.C.E. kerana mereka ini akan dijadikan Juruteknik-juruteknik Pertanian. Tetapi oleh kerana ada beberapa rayuan daripada beberapa orang pemuda-pemuda yang lulus di dalam S.P.M. yang tidak dapat melanjutkan pelajaran di mana-mana dan mereka ini bersetuju menerima latihan sebagai Juruteknik Pertanian, maka Kementerian ini telah bertolak-ansur dan mengambil mereka ini masuk di dalam sekolah ini. Tetapi malangnya, apabila mereka masuk di dalam sekolah ini, mereka telahpun menuntut supaya mereka ini diberi gaji yang lebih. Dan mereka ini tidak dianggap sebagai seorang Juruteknik Pertanian dan mereka ini diberi kemudahan untuk memasuki Universiti. Ini satu masalah yang besar dan Kementerian ini telahpun memberi penerangan. Yang Berhormat Menteri sendiri telah memberi penjelasan kepada wakil-wakil penuntut ini sendiri di

masa wakil-wakil penuntut menemui Yang Berhormat Menteri Pertanian. Tetapi malangnya, wakil-wakil mereka tidak puas hati dan mereka terus melancarkan mogok dan setelah mereka itu menghabiskan perbekalan beras sebanyak 8 guni di Serdang dan telur-telur ayam telah habis disapu semua sekali, maka mereka pun telah membuat mogok, cuba membuat perarakan ke Dewan ini tetapi malangnya tidak sampai kemari, dan kita telah memberi penjelasan sepenuhnya di dalam masalah ini.

Perkara yang ditimbulkan oleh wakil-wakil daripada Kota Melaka dan juga daripada Kepong, perkara ini saya tidak hairan kerana mereka kedua ini di dalam nadanya, apa yang saya ketahui memang itulah cara mereka fikir dan itulah cara mereka menyampaikan suaranya kepada Dewan ini untuk cuba membela pihak-pihak yang menentang dan membuat tuntutan-tuntutan yang tidak menasabah.

Tuan Pengerusi, berhubung dengan pandangan-pandangan Yang Berhormat dari Ledang yang telah membangkitkan berhubung dengan Lembaga Pertubuhan Peladang supaya dipergiatkan lagi untuk memberi pimpinan kepada petani-petani, saya ucapkan terima kasih di atas pandangan Yang Berhormat itu. Ini memanglah rancangan dan juga tujuan daripada Lembaga Pertubuhan Peladang untuk memberi pimpinan dan nasihat serta memberi galakan dan kemudahan kepada petani-petani dalam negara kita. Yang keduanya, beliau memberi pandangan berhubung dengan soal KEMAS supaya dapat mendirikan bengkel-bengkelnya sendiri bagi menjalankan perniagaannya setelah mendapat latihan daripada Kelas Kemajuan Masyarakat dalam motor mekanik dan sebagainya. Ini boleh dibuat dengan cara berkumpul. Kalau sekiranya di dalam satu kawasan itu ada dua tiga tempat yang boleh disatukan, saya percaya memang badan-badan berkanun seperti MARA dan sebagainya akan dapat memberi pinjaman mendapatkan modal untuk menjalankan perniagaannya daripada cara beransur-ansur. Selain daripada itu, beliau juga telah menyentuh di dalam soal pemasaran ikan, ini akan saya jawab kemudian nanti, dan yang keempatnya beliau telah menyentuh soal Lembah Sungai Kesang supaya disiasat untuk dikorek kembali sungai itu. Perkara ini akan disiasat oleh Kementerian ini. Jika sekiranya

keadaan mengizinkan dan boleh dijalankan maka Kementerian ini akan mengambil tindakan yang sewajarnya.

Ahli Yang Berhormat dari Jerlun-Langkawi telah memberi pandangan yang baik untuk membuat planning Kementerian ini disesuaikan dengan keadaan ekonomi, politik, saikoloji dan juga penyesuaian tanah di dalam satu-satu kawasan. Ini saya mengucapkan terima kasih di atas pandangan Ahli Yang Berhormat ini kerana Kementerian ini telahpun mengaturkan semenjak Kementerian ini disatukan di bawah satu Kementerian iaitu percantuman di antara Kementerian Pertanian dan Perikanan dengan Kementerian Pembangunan Luar Bandar maka strategi-strategi telahpun diatur, nanti saya akan terangkan apabila sampai masanya.

Ahli Yang Berhormat dari Kuala Selangor, di sini beliau telahpun menyentuh soal mengadakan satu Suruhanjaya Tanah Kebangsaan supaya ditubuhkan bagi menyiasat kedudukan tanah. Perkara ini adalah di luar kuasa Kementerian ini, dan saya dapat tahu pihak Kerajaan sendiri telahpun mengadakan Dasar Tanah Kebangsaan dan pihak Kerajaan selalu memanggil semua Menteri-menteri Besar dan Pesuruhjaya-pesuruhjaya Tanah untuk mengatur dan menyusun kedudukan tanah dalam negara ini. Saya fikir tidak mustahak kita mengadakan satu Suruhanjaya untuk menyiasat soal keseluruhannya bagi menubuhkan satu Suruhanjaya Kebangsaan.

Ahli Yang Berhormat ini juga telah memberi pendapat soal rancangan parit konkrit di kawasanya iaitu Sawah Sempadan, Kuala Selangor. Ini saya sendiri telahpun berhubung dengan Pegawai Parit dan Taliair untuk membuat penyiasatan kalau benar rancangan ini memakan masa sampai 10 tahun. Saya fikir tentulah petani-petani di tempat tersebut tidak sabar untuk menunggunya. Oleh yang demikian, perkara ini saya berjanji untuk menjalankan penyiasatan kalau boleh kita percepatkan lagi, kerana tujuan untuk mengadakan parit konkrit ini kawasan Tanjong Karang dan Sabak Bernam pada masa ini telahpun dapat menjalankan tanaman padi dua kali setahun. Dengan dapat kita jalankan rancangan parit konkrit ini, saya percaya kita akan dapat menjalankan tanaman padi lima kali di dalam masa 2 tahun, ini untuk menambahkan lagi pendapatan petani-petani di dalam kawasan yang tersebut.

Tuan Pengerusi, Ahli Yang Berhormat dari Sungai Petani minta disiasat soal parit dan taliair yang masih banyak lagi belum mendapat bekalan air untuk tanaman dua kali setahun. Perkara ini saya akan berhubung dengan pegawai yang berkenaan untuk menyiasat kembali tanah ini samada tanah-tanah ini terlampau tinggi sangat ataupun rancangan sedang dijalankan ataupun sebagainya ini akan disiasat, dan Ahli Yang Berhormat itu akan dihubungi untuk menentukan kedudukan ini samada boleh atau tidak kita naikkan air di kawasan yang dimaksudkan itu.

Soal subsidi baja selain daripada urea yang dikehendaki oleh Ahli Yang Berhormat itu, pada masa ini Kerajaan belum lagi ada mempunyai rancangan oleh kerana difikirkan baja urea susah didapati, maka oleh sebab itulah Kerajaan telah menyediakan peruntukan sebanyak \$50 juta bagi keperluan baja urea sebagai subsidi.

Soal membanyakkan Kelas Kemajuan Masyarakat bagi faedah membangunkan masyarakat di kawasan-kawasan luar bandar, ini di dalam perhatian Kementerian, tetapi apa yang diharapkan supaya kelas-kelas itu dapat berjalan dengan baik dan sempurna dan akan dapat memberi faedah kepada penuntut-penuntut di dalam kelas tersebut.

Beliau juga telah bercakap berkenaan dengan soal nelayan. Saya akan jawab nanti apabila sampai masanya, dan mengenai soal MARDI supaya dapat menambah lagi buah-buahan yang lebih bermutu. Saya berpendapat buah-buahan Malaysia ini sebenarnya lebih bermutu lagi kalau kita bandingkan dengan buah-buahan yang datang daripada luar negeri. Saya suka beri sedikit pandangan, kalau kita bandingkan buah-buahan seperti apple yang kita bawa daripada Australia dengan buah ciku. Walaupun buah ciku ini rupanya kelabu tidak begitu cantik, tetapi kalau kita makan isinya antara buah ciku dengan buah apple manisnya pun lebih daripada buah ciku, dan tanamannya pun lebih senang dengan tidak payah bermusim. Ditanam di belakang dan di hadapan rumah pun ia boleh hidup. Hawa yang ada di dalam negara kita sangatlah sesuai, jadi saya berpendapat bahawa buah-buahan ini adalah lebih baik lagi mutunya daripada buah-buahan luar negeri. Oleh itu, saya harap akan dapat kerjasama daripada Ahli-ahli

Yang Berhormat untuk kita menjalankan kempen supaya rakyat negeri ini dapat memakan buah-buahan tempatan.

Selain daripada itu kalau kita ibaratkan seperti buah durian, buah manggis, buah langsung, yang susah hendak kita dapati daripada negara-negara luar juga mempunyai mutu yang lebih baik. Hanya setengah daripada buah-buahan ini adalah buah bermusim, dan sebagaimana yang saya katakan seperti buah ciku, buah pisang ianya tidak bermusim, bila-bila masa dia berbuah, dan bila-bila masa dia boleh dimakan. Oleh kerana itu, saya fikir kita patut mengutamakan soal buah-buahan tempatan.

(Tuan Yang di-Pertua *mempengerusikan Jawatankuasa*)

Ahli Yang Berhormat dari Maran telah memberi pandangan mengenai perusahaan Ikan Jelawat. Ini saya ucapkan terima kasih. Jelawat ini sepanjang yang saya ketahui hanya ada di Sungai Tembeling sahaja di dalam Negeri Pahang. Harganya memang mahal sampai \$12 dan pihak Jabatan Perikanan sedang membuat kajian di mana kita boleh dapat anak-anak ataupun benih-benih Ikan Jelawat ini supaya kita dapat ternakan dengan cara besar-besaran. Kalau kita dapati banyak dan sesuai boleh kita ternak di mana-mana juga, maka Kementerian ini akan menjalankan perusahaan tersebut kiranya benar-benar kita boleh dapati benih-benih ini dan boleh hidup di mana-mana juga di sungai. Ini susah sangat untuk kita dapati benih-benih Ikan Jelawat, melainkan di Sungai Tembeling di dalam Negeri Pahang sahaja, dan pasarannya adalah sangat baik dan memuaskan.

Beliau juga memberi pandangan mengenai ternakan dan kekurangan daging. Ini memang sudah ada di dalam satu rancangan Kementerian ini yang dibentuk melalui task force yang ditentukan oleh Kementerian ini dan saya akan terangkan nanti.

Ahli Yang Berhormat dari Rantau Panjang menyokong soal Lembaga Persatuan Peladang, kekurangan kakitangan, subsidi tidak ada, tambahan modal pusingan. Masalah ini boleh di atasi oleh Peladang itu sendiri, malahan apa yang saya telah difahamkan bahawa Ahli Yang Berhormat itu juga adalah salah seorang daripada Lembaga Pengarah Persatuan Peladang di kawasannya.

Oleh kerana itu masalah kakitangan pada masa ini memanglah kurang, tetapi walau bagaimanapun kita sedang berikhtiar dengan sedaya upaya bagi mengatasi masalah kekurangan pegawai-pegawai ini daripada semasa ke semasa.

Soal tambahan modal pusingan ini tidak menjadi masalah. Apa yang diperlukan oleh peladang itu ialah projek yang menguntungkan, dan saya harap Persatuan Peladang di tempat Ahli Yang Berhormat itu dapat membuat satu rancangan projek yang menunjukkan rancangan itu boleh berjaya dan boleh mendatangkan keuntungan. Insya Allah, pihak Lembaga Persatuan Peladang akan dapat menimbangkan dan memberi pertolongan.

Selain daripada itu soal bangunannya sendiri buat sementara ini di Negeri Kelantan memang kita belum ada mempunyai bangunan, kita hanya menyewa sahaja, begitu juga soal pengangkutan dan juga peladang adalah sedia diberi subsidi. Kalau lori kita beri tiap-tiap satu kawasan, maka peladang itu kita beri sebuah lori mengikut keperluan, dan trektor kita beri subsidi iaitu 30% daripada ibu pejabat dan 70% bagi peladang-peladang sendiri mengadakan kewangannya. Kita harap supaya dapat diadakan projek-projek yang menunjukkan bahawa bantuan-bantuan ini akan dapat dijalankan benar-benar untuk faedah peladang di dalam kawasan itu, kerana kalau tidak ada sebarang projek, maka pihak ibu pejabat Persatuan Peladang tidak akan dapat memberi apa-apa bantuan.

Ahli Yang Berhormat itu juga menyatakan bahawa baja urea di Kelantan tidak sesuai, beliau berkehendakkan baja campuran. Perkara ini akan dikaji oleh Kementerian ini dan jika difikirkan baja urea, tidak memberi kesan yang baik ataupun tidak sesuai tanahnya di Negeri Kelantan, maka kita akan timbangkan semula samada kita akan lanjutkan atau tidak, untuk ditukarkan dengan baja yang lain. Ini satu perkara yang terpaksa disiasat dan dikaji dengan lebih mendalam.

Seperkara lagi yang dibangkitkan oleh Ahli Yang Berhormat itu ialah berkenaan dengan parit dan taliair. Rancangan Perairan Lemal seluas lebih kurang 13,000 ekar. Perkara ini sedang di dalam kajian. Saya percaya Ahli Yang Berhormat sendiri telah

faham bahawa perkara ini sedang di dalam kajian pihak Jabatan Parit dan Taliair dan akan dapat tahu segala tindakan-tindakan yang sedang dijalankan tidak berapa lama lagi.

Ahli Yang Berhormat dari Ulu Nerus membangkitkan mengenai soal lesen-lesen pukut tunda yang sangat terbatas dan lesen pukut tunda patut dikeluarkan dua tahun dan ditahan selama dua tahun.

Pukat tunda ini kita tidak boleh keluarkan banyak-banyak. Kalau terlampau banyak pukut tunda, maka ikan tidak ada dan mereka akan bergaduh sesama sendiri kerana kekurangan tangkapan ikan. Begitu juga kalau kita beri dua tahun, dan selepas dua tahun pula kita tahan. Ini juga barangkali akan menjadi masalah kepada petani-petani. Dalam tempoh dua tahun mereka akan dapat menangkap ikan, tetapi selepas dua tahun, apa mereka hendak buat. Ini satu masalah yang besar dan masalah ikan ini bukanlah ia diberanankan sehingga dua tahun baru boleh ditangkap. Ini satu masalah yang tidak dapat ditentukan.

Ada masanya ikan itu lebih banyak dan ada masanya ikan berkurangan. Ini mengikut musim. Oleh yang demikian jika sekiranya ada pandangan yang seumpama ini maka kita terpaksa menimbangkan dengan seberapa halus supaya pihak nelayan nelayan tidak akan teraniaya dengan pandangan-pandangan yang kita fikir tidak sesuai.

Soal berkenaan membuka lebih luas tanah-tanah padi untuk nelayan-nelayan, Kementerian ini memang menggalakkan, jika sekiranya ada nelayan-nelayan yang mempunyai keinginan untuk membuka tanah dengan lebih luas untuk keluarga nelayan menyertai Rancangan-rancangan FELDA dan sebagainya. Kementerian ini memanglah memberi galakkan dengan bersungguh-sungguh, kerana Kementerian tidak mahu melihat rakyat negeri ini akan hidup di dalam satu sektor sahaja. Kalau datuk neneknya menjadi nelayan, bapanya jadi nelayan dan cucunya pun jadi nelayan, saya fikir ini tidaklah begitu sesuai. Elok sangat kalau boleh dapat dianikajeniskan mata pencarian mereka ini. Kalau bapanya jadi nelayan biarlah anaknya menyertai Rancangan FELDA, atau mata pencarian yang lain. Ini adalah digalakkan oleh pihak Kementerian ini.

Tuan Pengerusi, Ahli Yang Berhormat dari Parit Buntar telah memberi banyak pandangan-pandangan dalam soal pukut tunda bergaduh sama sendiri, dan saya tahu kawasan perairan Kuala Kurau dengan Tanjong Piandang ini sangat popular dalam segi pergaduhan di antara mereka sendiri. Walau bagaimanapun, Kementerian ini cuba dengan sedaya-upaya bagi mengatasi masalah ini, tetapi tidaklah begitu kerap seperti di masa-masa yang lampau. Saya harap perkara ini akan mendapat kerjasama daripada semua pihak supaya ianya tidak akan berlarut-larutan dan soal ini akan saya lanjutkan di dalam jawapan yang akan saya beri nanti.

Satu lagi pandangan daripada Ahli Yang Berhormat itu juga supaya rakyat daripada kawasan Krian ingin menyambut tawaran untuk pergi membuka tanah ke Negeri Johor. Ini adalah berdasarkan kepada ucapan Yang Berhormat Menteri untuk tawaran kepada Negeri Pulau Pinang dan Negeri Perlis. Perkara ini tidaklah perlu diberi jawapan yang tepat oleh kerana Perlis dan Pulau Pinang, saya rasa Negeri-negeri tersebut tidak mempunyai tanah lagi. Tetapi di Negeri Perak tanah masih luas lagi, saya berfikir orang Perak biarlah duduk di dalam Negeri Perak sebab keadaan bumi Perak lebih luas kalau kita bandingkan dengan Negeri Perlis yang sememang tidak ada tempat lagi bagi rakyat Negeri Perlis untuk membuat kebun atau sawah selain daripada pergi ke negeri yang lain.

Tuan Pengerusi, Ahli Yang Berhormat dari Telok Anson juga memberikan pandangan. Saya mengucapkan terima kasih dan pandangan-pandangannya kebanyakan telah saya jawab seperti yang lalu.

Ahli Yang Berhormat dari Padang Rengas telah memberi satu pandangan yang sangat baik di dalam memberi sokongan, dan beliau juga meminta supaya peruntukan Kementerian ini dilebihkan lagi bukan seperti yang ada, kalau boleh, dilebihkan lagi. Saya mengucapkan terima kasih di atas pandangan Ahli Yang Berhormat ini dan beliau masih bimbang soal penyusunan semula masyarakat petani-petani ini tidak dapat memberi kesan sebagaimana yang dikehendaki.

Tuan Pengerusi, perkara ini memang banyak terjadi di mana-mana kawasan, kerana saya berpendapat di dalam membangunkan masyarakat pertanian ini ada tiga

pihak yang bertanggungjawab: yang pertama pihak membuat dasar yakni kita di dalam Dewan ini adalah pihak yang membuat dasar, kemudian yang kedua pihak yang menjalankan dasar iaitu pegawai-pegawai Kerajaan, pegawai-pegawai yang berkenaan ini yang menjalankan dasar, dan yang ketiga pihak yang menyambut dasar, pihak yang menyambut dasar ini ialah rakyat sendiri, petani-petani sendiri. Jadi dengan adanya tiga pihak ini bekerja di dalam satu pasukan, bekerja di dalam satu yunit, maka barulah dasar ini akan dapat dijalankan dengan sebaik-baiknya. Oleh yang demikian, kita harap ketiga-ketiga pihak ini akan dapat bekerja dalam satu pasukan, bekerja dalam satu yunit dan satu tujuan, maka saya percaya segala susunan masyarakat petani di dalam kawasan luar bandar ini akan dapat berjalan dengan baik dan sempurna. Walau bagaimanapun, setakat ini perubahan-perubahan telah banyak didapati oleh petani yang semenjak kita mencapai kemerdekaan kerana pegawai-pegawai telah dapat mendampingi diri dengan petani-petani di kawasan-kawasan desa.

Tuan Pengerusi, selain daripada itu, pandangan-pandangan yang dibangkitkan oleh Ahli Yang Berhormat dari Lubok Antu, Sarawak. Beliau mengatakan kawasannya banyak ditanam dengan padi bukit, sebab ini kawasan yang tinggi. Berkenaan dengan bantuan lada hitam, beliau mengucapkan ribuan terima kasih, dan ini memang menjadi dasar Kerajaan Barisan Nasional untuk menolong petani-petani di dalam kawasan luar bandar. Beliau meminta sebuah Community Hall di Lubok Antu itu saya ingat perkara ini Ahli Yang Berhormat boleh bawa di dalam Mesyuarat Jawatankuasa Tindakan Daerah untuk dipertimbangkan oleh Kerajaan Negeri Sarawak.

Tuan Pengerusi, Ahli Yang Berhormat dari Kuala Kedah juga telah memberi pandangan supaya pasaran dapat diberi jaminan. Ini satu perkara yang terpaksa diberi pertimbangan yang lebih mendalam oleh pihak Kerajaan, kerana kalau semua sekali pengeluaran pertanian diberi jaminan dan Kerajaan terpaksa memberi subsidi, ini satu perkara yang berat akan ditanggung oleh Kerajaan. Walau bagaimanapun, untuk mencari satu pasaran saya percaya perbadanan seperti FAMA dan sebagainya akan cuba memberi pertolongan dengan sedaya-upaya yang boleh.

Sebagaimana Ahli-ahli Yang Berhormat sedia maklum, semenjak Kementerian Pertanian dan Perikanan disatukan di dalam Kementerian Pertanian dan Pembangunan Luar Bandar, maka Yang Berhormat Menteri telahpun mengadakan empat task force di bawah Kementerian ini, iaitu Jawatankuasa Bertugas berhubung dengan soal buah-buahan dan sayuran, Jawatankuasa Bertugas berhubung dengan soal ternakan, Jawatankuasa Bertugas berhubung dengan pertanian dan Jawatankuasa Bertugas berhubung dengan soal perikanan. Sambil menunggu laporan yang dibuat oleh Jawatankuasa-jawatankuasa Bertugas yang saya sebutkan tadi dalam Kementerian ini sedang ditubuhkan dengan tujuan untuk mengadakan syor-syor, pandangan-pandangan dan cadangan-cadangan untuk menambah bahan-bahan makanan dan apabila disiapkan dan untuk membolehkan rancangan ini dimulakan dengan segera, maka usaha mendapatkan tanah daripada Kerajaan-kerajaan Negeri mestilah dimulakan daripada sekarang. Tambahan pula memandangkan kepada kesusahan untuk mendapatkan tanah yang begitu luas, keluasan tanah yang dikehendaki oleh Kementerian ini adalah dianggarkan lebih kurang kira-kira 500,000 ekar. Ini adalah diperlukan iaitu lebih kurang 250,000 ekar di Semenanjung Malaysia dan 250,000 ekar di Sabah dan Sarawak bagi meluaskan rancangan-rancangan pertanian termasuk menanam buah-buahan dan juga rancangan ternakan bagi persediaan pengeluaran bahan-bahan makanan yang cukup bagi rakyat. Tanah itu akan digunakan lebih kurang untuk kawasan padi 260,000 ekar, buah-buahan 60,000 ekar, ternakan 75,000 ekar dan makanan ternakan sebanyak 100,000 ekar. Keluasan tanah yang dikehendaki itu adalah termasuk kira-kira 80,000 ekar tanah sawah yang hanya menanam padi sekali setahun di mana tanah itu boleh digunakan untuk tanaman kontan iaitu cash crops seperti sorghum selepas tanaman padi musim.

Tanah-tanah perkampungan di dalam Rancangan FELDA pula boleh ditanam dengan pokok-pokok buah-buahan. Pada masa ini ada terdapat kira-kira 60,000 ekar sahaja tanah kosong yang difikirkan layak untuk dijadikan sawah padi di Semenanjung Malaysia ini. Adalah diharapkan Sabah dan Sarawak akan dapat menyediakan sebanyak

200,000 ekar lagi. Tanah untuk meluaskan perusahaan ternakan yang sesuai juga lebih banyak didapati di Sabah dan Sarawak. Kementerian ini akan berunding dengan Kerajaan Negeri Sabah dan Sarawak bagi mendapatkan tanah yang cukup untuk projek-projek tersebut.

Saya sedar bahawa tenaga pekerja yang ada di dalam kedua-dua negeri tersebut akan menjadi masalah besar, tetapi kesulitan mendapatkan pekerja-pekerja yang cukup ini akan ditimbang dengan bersungguh-sungguh oleh pihak Kementerian ini.

Di Semenanjung Malaysia pula tanah-tanah yang dikehendaki oleh Kementerian ini adalah ditumpukan kepada negeri-negeri seperti Johor, Pahang, Trengganu dan juga di negeri Perak di mana masih terdapat banyak tanah-tanah kosong yang layak untuk dijadikan pertanian. Pengarah-pengarah Pertanian di Negeri-negeri tersebut telahpun diarahkan untuk mengesan atau meninjau tanah-tanah kosong yang layak untuk tujuan tersebut dengan seberapa segera. Rancangan yang disebutkan ini akan dilaksanakan dengan perusahaan berkelompok dan teratur kerana dengan perbuatan yang sedemikian perbelanjaan pengeluaran akan dapat dikurangkan dan pasarannya akan terkawal dan dijamin. Walau bagaimanapun, tanah-tanah kosong yang sudah dimiliki di kampung-kampung yang masih kosong akan juga diberi galakan untuk dimajukan dengan bantuan benih-benih yang murah, khidmat-nasihat dan menentukan pasarannya. Rancangan ini pada keseluruhannya merupakan dasar pertanian makanan kebangsaan negara.

Tuan Pengerusi, di dalam soal perikanan ini adalah satu masalah yang besar dan satu masalah yang penting diberi perhatian oleh Kementerian ini, bukan sahaja daripada pandangan pegawai-pegawai tetapi juga pandangan-pandangan daripada Wakil-wakil Rakyat yang terlibat di dalam kawasan ini. Kementerian ini telah mencadangkan kawasan perikanan di Semenanjung Malaysia akan dibahagikan kepada 4 wilayah, utara, selatan, tengah dan juga timur dalam usaha memastikan kemajuan yang lebih pesat di bidang perusahaan perikanan.

Wilayah utara akan mengandungi Perak, Kedah, Pulau Pinang, Perlis Tengah, Selangor, Melaka dan Negri Sembilan Selatan, Johor, Pahang Selatan, Timor

Pahang, Kelantan dan Trengganu. Pembahagian kawasan ini bertujuan yang pertama sekali ialah untuk menyelesaikan masalah nelayan-nelayan pukat tunda dan nelayan-nelayan pantai. Ini yang selalu menjadi pergaduhan di sana-sini dan menjadi selisih faham di antara satu sama lain, dan yang kedua untuk menjelaskan kepada nelayan-nelayan mengenai dengan dasar Kerajaan mengutamakan penubuhan MAJUIKAN. Apakah MAJUIKAN ini akan buat dan bagaimana cara MAJUIKAN ini menjalankan perkhidmatannya kepada nelayan dan apakah kemudahan-kemudahan yang akan didapati oleh nelayan-nelayan yang dijalankan oleh MAJUIKAN ini. Dan yang ketiganya, mengkaji serta meneliti semua rancangan-rancangan yang telah dijalankan dan membuat rancangan-rancangan baru dan dailog-dailog juga akan diadakan dengan pihak-pihak yang terlibat di bidang perikanan ini.

Perjumpaan-perjumpaan wilayah itu akan dihadiri oleh Wakil-wakil Rakyat yang mewakili kawasan-kawasan perikanan iaitu Ahli-ahli Yang Berhormat yang ada di kawasan-kawasan pantai insya Allah, Kementerian ini akan menjemput dan akan meminta fikiran-fikiran dan pendapat daripada Ahli-ahli Yang Berhormat barangkali boleh menolong dan menyelesaikan beberapa masalah di dalam satu-satu kawasan perikanan di kawasan Ahli-ahli Yang Berhormat masing-masing.

Perjumpaan-perjumpaan wilayah ini juga akan dihadiri oleh pihak Koperatif, Koperatif Perikanan, Persatuan Nelayan dan juga pegawai-pegawai. Perjumpaan-perjumpaan wilayah ini akan dimulakan di dalam bulan Disember yang akan datang ini dan setiap masa yang difikirkan bila-bila mustahak dan pada permulaannya pada 14hb Disember, 1974, Yang Berhormat Menteri akan mengadakan lawatan ke Pulau Pinang dan akan membincangkan dengan pihak-pihak yang berkenaan di kawasan utara iaitu daripada Negeri Perlis, Kedah, Perak dan juga Pulau Pinang untuk kita mencari jalan bagaimana mengatasi segala masalah yang bersangkutan dengan soal perikanan di seluruh negara.

Tuan Pengerusi, itulah sahaja penjelasan-penjelasan yang dapat saya beri dan pada akhirnya saya ingin mengucapkan ribuan terima kasih kepada semua Ahli-ahli Yang

Berhormat yang telah memberikan pandangan-pandangan dan fikiran-fikiran yang membina kepada Kementerian ini.

Masalah dikemuka bagi diputuskan, dan disetujui.

Wang sebanyak \$126,693,800 untuk Kepala B. 17 dan \$4,991,800 untuk Kepala B. 18 diperintahkan jadi sebahagian daripada Jadual; dan wang sebanyak \$145,314,135 untuk Kepala P. 17 disetujui jadi sebahagian daripada Anggaran Pembangunan, 1975.

Kepala B. 16 (Jadual)—

Kepala P. 16 (Anggaran Pembangunan, 1975)—

5.32 ptg.

Menteri Perumahan dan Kampung-kampung Baru (Tuan Michael Chen Wing Sum): Tuan Pengerusi, saya mohon keizinan tuan untuk membentangkan anggaran Kementerian ini bagi tahun 1975 di bawah Kepala B. 16 dan Kepala P. 16 dan sebelum saya meminta kelulusan Dewan ini, saya suka memberi sedikit keterangan atas kepala-kepala tersebut.

Kepala B. 16—Belanja Mengurus

(*Dengan izin*) As Honourable Members are aware, this Ministry was created in September 1974 and, with its inception, the functions of the Housing Division of the then Ministry of Local Government and Housing and also the New Villages component of the former Ministry of Technology, Research and Coordination of New Villages were absorbed into this Ministry. For 1975, this Ministry seeks a provision of \$498,000 to meet its annual operation expenses.

Kepala P. 16—Belanja Pembangunan

Sub-head 1—Public Housing

The provision for this item under the Second Malaysia Plan is \$85,242,000. For the first 3 years of the Plan period, about \$20 million (to be exact, \$19,718,032) had been incurred. For 1974, estimated revised provision required for loan drawings is \$40,228,210 while actual drawings as at October, 1974 is around \$30 million. In 1975, a provision of \$23,295,758 is sought to meet anticipated loan drawings by the State Governments and Dewan Bandaraya Kuala Lumpur for approved public housing schemes.

Sub-head 2—Loan to Government Officer's Co-operative Housing Society Ltd.

In the Second Malaysia Plan a provision of \$3,543,636 was approved for this item. Of this amount an expenditure of \$3,084,053 was already incurred from 1971 to 1973. Although a revised estimate provision for 1974 is shown at \$400,000, it is understood that basing from progress of the scheme, the full amount will not be utilised during the year. A token sum of \$10 is entered for 1975, as the amount of drawings required cannot as yet be determined.

Sub-head 4—Housing Schemes for Kampung Baru Kuala Lumpur

A loan provision of \$9.5 million was approved for housing schemes at Kampung Baru, Kuala Lumpur under the Second Malaysia Plan. For the first 3 years of the Plan, \$7,071,810 had been drawn. In 1974, a revised estimated provision of \$1 million has been entered for loan drawings that may be required. For 1975, a provision of \$1.4 million is sought to enable the Selangor State Government to make the necessary loan drawing required for completion of the schemes under this sub-head.

Sub-head 5—Loan to Malay Co-operative Housing Society Limited, Penang and Province Wellesley

A loan provision of \$800,000 was approved for the Malay Cooperative Housing Society Penang and Province Wellesley under the Second Malaysia Plan. Of this amount, \$100,000 was drawn in 1973. The revised estimated loan drawings for 1974 is \$699,990 but, judging from the progress of the scheme at the moment, it is not likely that this sum would be fully utilized. As the exact amount of loan drawings required for 1975 cannot as yet be determined, a token sum of \$10 is therefore entered for 1975.

Sub-head 15—Investment in Sarawak Housing Development Corporation

A total loan provision of \$5 million was approved to enable the Sarawak State Government to finance some of its public low-cost housing schemes. For 1974, it is anticipated that \$1 million may be drawn by the State Government. For 1975, a provision

of \$4 million is therefore sought to enable the State Government to make the necessary loan drawing to implement its public housing projects.

Sub-head 21—Sabah Housing Commission

A loan provision approved for Sabah under the Second Malaysia Plan is \$8 million to enable the State Government, through its Housing Commission, to carry out public low-cost housing projects in the State. For 1974, the approved provision is \$4.5 million and for 1975 a provision of \$3.5 million is entered to enable the State Government to make the necessary loan drawings.

Sub-head 26—Grants to Projects in New Villages

The Federal Government has approved a provision of \$10 million as grants to State Governments to help them implement essential projects in New Villages and other resettlement areas. It is anticipated that up to the end of 1974, about \$7,000,000 will be utilised. For 1975, a provision of \$3 million is therefore sought.

Dengan keterangan secara ringkas ini, saya meminta anggaran Kementerian ini di bawah Kepala B. 16 dan Kepala P. 16 diluluskan.

5.40 ptg.

Tuan S. Samy Vellu (Sungai Siput): Tuan Pengerusi, dengan sukacitanya saya mengambil peluang ini untuk menyokong peruntukan \$35,195,778 bagi Kementerian Perumahan dan Kampung-kampung Baru.

Saya ingin mengucapkan tahniah kepada Yang Amat Berhormat Perdana Menteri yang telah berjaya menubuhkan Kementerian ini.

Tuan Pengerusi, apa juga corak kestabilan ekonomi yang diperolehi oleh sesebuah negara hanya boleh diibaratkan sebagai satu gambaran melainkan kalau rakyat biasa dapat menikmati faedahnya dari apa yang mereka perjuangkan. Pembangunan negara yang kita usahakan hendaklah membayangkan keadaan hidup rakyat.

Sukalah saya menyatakan penghargaan saya terhadap kesedaran Kerajaan tentang perlunya memperbaiki keadaan perumahan orang ramai dan rancangan-rancangan pelaksanaannya.

Di dalam Anggaran Belanjawan di bawah Kepala B. 16, adalah wajar untuk mengetahuinya bahawa Kerajaan telah membuktikan cita-cita menubuhkan satu sekim rumah-rumah murah kebangsaan untuk mereka yang berpendapatan rendah. Ini telahpun menjadi polisi Kerajaan Perikatan yang dahulu untuk membina rumah-rumah murah di beberapa tempat di dalam negara ini, dengan tujuan memberikan tiap-tiap warganegara rumah-rumah kepunyaannya sendiri dalam dasar ekonomi kita.

Tuan Pengerusi, saya minta izin berucap dalam bahasa Inggeris.

Tuan Pengerusi: Dalam Bahasa Kebangsaan sudah boleh dan sedap dengarnya, buat apa gunakan bahasa orang lain?

Tuan S. Samy Vellu: Saya mesti juga memberikan tahniah kepada Kerajaan yang telah memperkenalkan satu cara untuk mengeluarkan lesen-lesen kepada Pemajupemaju sebagai memberikan perlindungan kepada pembeli-pembeli. Langkah-langkah yang diambil oleh Kerajaan pada waktu yang tepat telah dapat memastikan jenis rumah-rumah yang betul untuk pembeli-pembeli. Setidak-tidaknya pembeli-pembeli biasa pada masa ini berpuas hati bahawa mereka telah melaburkan pencarian yang diperolehi dari titik peluhnya dengan selamat. Saya berucap terus dalam Bahasa Kebangsaan.

Tuan Pengerusi: Bagus. Terima kasih.

Tuan S. Samy Vellu: Dalam hubungan ini, sukalah saya mencadangkan supaya Kerajaan merancang kemajuan perumahan bukan hanya di dalam kawasan-kawasan bandar tetapi hendaklah juga diusahakan di kawasan-kawasan luar bandar. Mengadakan kemudahan perumahan yang elok di luar bandar secara tidak langsung akan dapat mengurangkan pertumbuhan penduduk-penduduk bandar yang biasanya datang dari kawasan-kawasan luar bandar.

Pada perhitungan saya, Tuan Pengerusi, peruntukan ini agak kecil untuk menghadapi cabaran-cabaran yang ada sekarang. Dengan bertambahnya penduduk-penduduk, tuntutan

perumahan adalah menjadi satu perkara yang penting. Pada pendapat saya, Tuan Pengerusi, sekiranya kita tiada mengambil langkah-langkah yang wajar, setinggan-setinggan akan mengambil peranan yang penting di dalam dunia moden kita.

Sekiranya kalau saya dibenarkan untuk menegaskan selanjutnya, ingin saya menyatakan bahawa kemiskinan di seluruh dunia, sebanyak sedikitnya telah memberikan sumbangan mereka masing-masing terhadap kemajuan kurun yang ke 20, yang mana sumbangan itu malangnya, tiada mendapat perhatian sebagaimana yang dinikmati oleh orang-orang lain. Rumah-rumah persendirian telah meluas di sempadan-sempadan Kuala Lumpur. Kejadian yang baru berlaku telah juga ternyata di sekeliling bandar-bandar yang membangun pesat di seluruh Malaysia dan penduduk-penduduk yang tiada berumah akan terus berkembang.

Sebab dan berlakunya soal penempatan semula ini adalah lebih kurang sama bentuknya. Kita adalah mengendalikan keperluan pengeluaran kurun yang ke 20. Dengan tiada disedari seseorang itu dapat mengenali unsur yang menunjukkan cara menyelesaikan perkara ini di peringkat alat sejagat, walaupun keadaan sosial, kebudayaan dan sifat-sifat tempatan amat berlainan. Contoh seumpama ini bukan hanya ujud di negara kita sahaja, malah negara-negara seperti India, Latin Amerika dan Venezuela adalah sama menghadapi masalah ini. Setinggan, pada hemat keduniaan adalah seorang yang menduduki tanah tanpa memegang sebarang geran. Oleh itu, soal kedudukan setinggan ialah kegiatan yang haram, dan bukan hanya perkara menduduki tanah sahaja yang membuat seseorang setinggan itu mendapat perhatian namun kesan perbuatan mereka yang meluas dan keazaman mereka membina dan mengelolakan penempatan semula mereka tidak dapat dinafikan, walaupun mereka terpaksa menentang tekanan-tekanan pemindahan.

Biasanya bukanlah soal menduduki itu sendiri yang dianggap haram tetapi pembinaan kawasan penempatan semula yang tiada betul. Dengan demikian, kebimbangan yang berlarutan di kalangan setinggan-setinggan dalam proses pembinaan sentiasa ujud, dan untuk mengatasinya adalah perlu untuk mengadakan rangka-rangka memperbaikinya dengan peruntukan minima

secara kilat, yang bertujuan untuk memberikan penempatan semula setinggan-setinggan dengan perasaan lega untuk memperbaiki kedudukannya.

Kita telah sekian lama menyaksikan pertumbuhan penempatan setinggan-setinggan di dalam negara kita yang mana sistem undang-undang yang dijalankan tidak begitu mencukupi untuk memberikan kuasa yang berkesan bagi menghalang mereka. Walaupun di masa-masa yang lampau kita telah mengadakan langkah-langkah di segi undang-undang untuk menghapuskan mereka, namun masih dapat dilihat bahawa menduduki di atas harta-harta yang ada, adalah dianggap oleh mereka sebagai satu penyelesaian yang telah siap sedia untuk mengatasi masalah perumahan mereka.

Krisis perumahan yang terbayang dalam pertumbuhan penempatan setinggan adalah timbul dari soal perancangan bandar dan orang-orang mendatang, yang mana akibatnya perkembangan kemajuan bandar di dalam sebuah negara yang membangun, seperti negara kita ini adalah dirasakan dari kejadian "conflict of interest" di antara rancangan penempatan di bandar dengan pihak berkuasa awam.

Walaupun keutamaan telah dibuat dalam rancangan perumahan di dalam kawasan-kawasan bandar, sukalah saya menyatakan bahawa rancangan perumahan di kawasan-kawasan luar bandar adalah sama mustahaknya, kalau tidak orang-orang mendatang dari luar bandar mungkin tertarik dengan penghidupan bandar, sebagai satu cara mengelakkan kemiskinan tanpa memikirkan usaha-usaha menambahkan pengeluaran bahan-bahan makanan. Sekiranya rancangan perumahan di luar bandar tiada ditimbang dengan seriusnya maka petani-petani di luar bandar akan pasti berpindah dari kawasan pertanian mereka ke bandar-bandar yang mana lama-kelamaan akan mengurangkan hasil barang-barang makanan, sebagaimana yang diharap-harapkan untuk mengatasi kemelesetan. Dengan demikian sekim perumahan luar bandar adalah menjadi perkara yang sama mustahaknya.

Kerajaan kita, sejak tahun 1964 telah menyedari akan mustahaknya rancangan perumahan, dengan demikian telah menubuhkan Kementerian Perumahan dan Kerajaan Tempatan. Kerajaan juga sedar bahawa

rumah-rumah awam akan menjadi satu perkara yang baru dan meminta keutamaan dalam pembangunan sosial dan ekonomi untuk keseluruhan negara. Kerajaan telah menguntukkan peruntukan \$150 juta dalam Rancangan Malaysia Yang Pertama, yang mana dengan sendirinya telah kurang dari matlamat yang dirancang.

Sukalah saya mencadangkan supaya Kerajaan menjalankan penyiasatan perumahan dan ujudkan keperluan-keperluan membuat rumah-rumah di kawasan-kawasan luar bandar. Polisi Kerajaan mengadakan satu demokrasi mempunyai rumah, bersama-sama dengan perkembangan sosial dan ekonomi hanya akan dapat tercapai apabila keperluan yang sebenarnya dapat diketahui pada tiap-tiap tahun.

Dalam lingkungan tahun 1966-1970, Kerajaan telah menambahkan usahanya terhadap polisi rumah-rumah murah.

Saya mesti menyatakan di sini, bahawa jumlah besar rancangan rumah-rumah murah adalah dipusatkan di dalam Ibu Negara kita. Sebagaimana yang saya tahu, sebilangan besar penduduk-penduduk setingan yang merupakan satu-suku penduduk bandar adalah berpusat di Kuala Lumpur.

Sukacita saya menyatakan bahawa Kerajaan telah melaksanakan Pilot Schemenya yang pertama iaitu industrialised low-cost housing dalam tahun 1967. Sekiranya kalau saya ingat dengan tepatnya, satu rombongan ahli-ahli pakar tempatan yang diketuai oleh mendiang Yang Berhormat Menteri Perumahan dan Kerajaan Tempatan telah melawat Negeri Perancis dan negeri-negeri yang lain untuk melihat dan mengkaji kemungkinan menubuhkan industrialised building scheme di Malaysia.

Akhirnya scheme yang tersebut telah dijayakan di Jalan Pekeliling, Kuala Lumpur dalam tahun 1967 dan yang lainnya di Pulau Pinang dalam tahun 1968, yang mana sebanyak 4,000 yunit telah dibina.

Tuan Pengerusi, kekurangan rumah, kewangan dan lain-lain aspek ekonomi telah mendorong beberapa pihak Berkuasa Tempatan di seluruh dunia menjalankan teknik "industrialised building scheme".

Teknik "industrialised building" adalah murah, cepat dan membuktikan cara yang wajar dalam pembinaan bangunan.

Ketangkasan pembinaan telah berkurangan kepada 40% hingga 50% bagi Flat Tingkat Rendah dan 25% hingga 40% bagi flat-flat yang berbilang tingkat.

Tuan Pengerusi, teknik "industrialised housing" hanya boleh menjadi murah dalam jangka masa yang lama, kerana usaha menjimatkan alat-alat bangunan buruh mahir dan perekonomian adalah merupakan proses yang berulang-kali.

Saya yakin, Tuan Pengerusi, bahawa rancangan industrialised housing berkehendakkan pelaburan yang besar dalam kilang dan alat-alatnya yang mana kemudiannya akan berkurangan dengan luasnya, hasil dari penggunaan teknik yang sama dari masa ke semasa.

Sejak tahun 1970, iaitu sesudah lengkapnya sekim perumahan, maka sistem "Industrialised Building Technique" telah pula dicadangkan, namun ianya tiada diteruskan.

Sukalah saya mencadangkan, bahawa Kerajaan hendaklah dari sekarang dengan serta-merta menjalankan sistem perumahan ini sebagai menyahut tangisan, yang memerlukan rumah-rumah kediaman di dalam negara kita.

Hanya dengan cara ini sahaja saya berharap Kementerian yang berkenaan akan dapat memenuhi tujuannya.

Tuan Pengerusi: Ahli Yang Berhormat, tempoh sudah cukup.

Tuan S. Samy Vellu: Satu minit lagi, Tuan Pengerusi.

Perkara yang kedua ialah mengenai Kampung-kampung Baharu diujudkan dalam masa dharurat dengan peruntukan kemudahan-kemudahan asas, tetapi perancangan dan penyusunannya tiada diberikan pertimbangan sewajarnya. Oleh itu, Tuan Pengerusi, suka saya mencadangkan, bahawa Kerajaan dari sekarang, hendaklah mengambil "initiative" untuk mengelolakan perancangan semua kampung-kampung baharu dan sebarang kemajuan selanjutnya terhadap kampung-kampung baharu itu hendaklah diselarasakan dengan rancangan-rancangan yang dikemukakan oleh Yunit Perancangan Kementerian yang berkenaan. Perancangan bandar adalah menjadi satu perkara yang mustahak bagi kampung-kampung baharu kerana kebanyakan

kampung-kampung ini yang mengandungi tujuan-tujuan sosial dan ekonomi bagi penduduk-penduduknya hendaklah diberikan keutamaan khas. Kejayaan rancangan-rancangan itu adalah bertujuan untuk mem-buatkan penduduk-penduduk itu gembira.

Akhirnya, Tuan Pengerusi, Sebahagian besar bilangan penduduk-penduduk kampung-kampung baharu tinggal dalam satu keadaan yang dianggap bersesak. Kesesakan itu menghindarkan mereka dari empat sebab yang berlainan:

- (1) Kekurangan kawasan tempat ke-diaman di dalam dan di luar bangunan.
- (2) Kekurangan kemudahan-kemudahan sukan dan hiburan luar rumah.
- (3) Ketiadaan rumah-rumah sekolah yang mencukupi dan kawasan-kawasan yang berkenaan untuk tujuan yang sama.
- (4) Ketiadaan kemudahan menjalankan ke-giatan tubuh badan di luar-luar kawasan.

Sekiranya semua peruntukan ini dapat di-rancangkan, saya yakin, kampung-kampung baharu di dalam negara kita akan menjadi tempat-tempat yang seronok untuk didiami, dengan ini akan dapat mengurangkan kadar pertumbuhan penduduk-penduduk bandar. Saya berharap Kerajaan akan dapat meng-atur langkah-langkah yang akan dapat me-laksanakan cadangan-cadangan saya ini.

5.56 ptg.

Dr Tan Chee Khoon: Tuan Pengerusi, saya bangun bercakap sepetah dua dalam anggaran yang dikemukakan oleh Menteri yang berkenaan dan di samping saya ber-cakap dalam Bahasa Malaysia, saya mohon izin bercakap juga dalam bahasa Inggeris.

Tuan Pengerusi, yang pertama kita jangan ingat oleh sebab Perbelanjaan Mengurus cuma kurang daripada $\frac{1}{2}$ juta dan Per-belanjaan Pembangunan cuma \$35 juta lebih maka Kementerian ini tugasnya tidak begitu penting. Saya menyatakan tugas Kementerian ini untuk perumahan dan untuk Kampung-kampung Baru ialah paling penting kepada rakyat jelata di tanahair kita.

Tuan Pengerusi peruntukan perbelanjaan untuk public housing pada tahun yang akan datang yang dikehendaki ialah \$23 juta sahaja dan untuk Rancangan Malaysia Kedua cuma \$85 juta. Saya berharap di

dalam Rancangan Malaysia Ketiga, Menteri yang berkenaan boleh dapati daripada rakan-rakannya di dalam Jemaah Menteri per-untukannya yang lebih oleh sebab di dalam masa lima tahun kita cuma akan belanja \$85 juta tetapi jiran kita, umpamanya Singapura, Kerajaan itu membelanjakan kalau saya tak salah \$200 juta di dalam satu tahun tetapi kita cuma akan belanja jumlahnya \$85 juta di dalam masa lima tahun. Saya berharap sekali lagi dengan tegasnya Yang Berhormat Menteri boleh mendapat per-untukan lebih daripada \$85 juta untuk Rancangan Malaysia Ketiga bagi rancangan perumahan.

Tuan Pengerusi, saya hendak sentuh ten-tang peruntukan \$10 untuk pinjaman kepada Syarikat Kerjasama Perumahan Pegawai-pegawai Kerajaan Berhad. Di dalam Dewan ini pada masa dahulu kita telah menimbul-kan beberapa kesalahan tentang syarikat ini, dan jika saya tak salah seorang pegawai di dalam syarikat ini telah dihukum dan di-hantar ke penjara.

Tuan Pengerusi, saya hendak menarik perhatian Menteri yang berkenaan mengenai rumah yang dibina oleh syarikat ini di Damansara Heights. Ada beberapa orang pegawai Kerajaan yang telah mengambil bahagian dalam rancangan ini. Apabila mereka tidak dapat rumah, mereka hendak menarik balik depositnya tetapi mereka tidak boleh dapat balik deposit itu. Saya berpen-dapat kerja membuat rumah-rumah itu ada dijalankan, tetapi jika tidak salah saya pada setahun atau kurang setahun dahulu diber-hentikan oleh sebab ada beberapa kesalahan, rumah-rumah itu gentingnya bocor, lantai tidak bersesuaian, maka pegawai-pegawai tidak mahu masuk ke rumah baru itu. Saya berharap Menteri yang berkenaan boleh menyiasat perkara ini dengan teliti oleh sebab kalau tidak peruntukan ini, beliau menyatakan pada hari ini hampir \$400,000 tidak boleh dibelanjakan tetapi kalau Menteri yang berkenaan tidak menyiasat perkara ini barangkali peruntukan ini akan dibuang ke dalam longkang.

(Dengan izin) Mr Chairman, Sir, this is a very serious matter, and I do know that the Minister himself is well aware that every cent that we allocate for his Ministry in particular to help Government servants to get adequate housing should be well spent, should not be thrown into the drain and certainly should

not line the pockets of any corrupt official. I reiterate that many people have been waiting and they have lost hope and they want to get their deposit back but could not. Many refused to move into their homes because of many faults—taps not working, floor cracking up even before they moved in, roof leaking and the like—and for a few months of this year at least, one could see, as one drove along Jalan Damansara from Kuala Lumpur to Petaling Jaya, that the work there had stopped completely.

Tuan Pengerusi, saya hendak sentuh tentang Pecahan-kepala 26 peruntukan \$3 juta yang dikehendaki oleh Menteri. Menteri yang berkenaan tadi di dalam keterangannya mengatakan bahawa wang ini ialah untuk membantu Kerajaan-kerajaan Negeri masing-masing. Apa yang saya hendak tanya kepada Menteri yang berkenaan ialah adakah peruntukan untuk Kampung Baru di dalam Wilayah Persekutuan yang bukan dikuasai oleh Kerajaan Negeri tetapi dikuasai oleh Kerajaan Pusat. Adakah di dalam \$3 juta ini umpamanya ada \$100,000 atau \$200,000 untuk Kampung-kampung Baru di dalam Wilayah Persekutuan khususnya untuk Kampung Baru Jinjang?

Tuan Pengerusi, saya hendak menyatakan peruntukan ini sebanyak \$10 juta untuk Rancangan Malaysia Yang Kedua langsung tidak mencukupi jika Kerajaan Pusat benar-benar atau serious tentang perkara ini dan hendak memperbaiki keadaan di dalam Kampung-kampung Baru di seluruh Malaysia. Seumpama kalau sekiranya Kerajaan Pusat hendak memperbaiki keadaan longkang, parit, jalan dan sebagainya di dalam Kampung Baru Jinjang, peruntukan sebanyak \$3 juta pun tidak mencukupi, dan kalau sekiranya Menteri yang berkenaan hendak menolong setinggi-setinggi yang duduk berhampiran Kampung Baru Jinjang wang itu pun tidak mencukupi.

Saya berharap di dalam Rancangan Malaysia Ketiga Menteri yang berkenaan boleh mendapatkan peruntukan bukan \$10 juta tetapi beratus-ratus juta untuk memperbaiki keadaan dan meninggikan kehidupan rakyat di dalam Kampung-kampung Baru.

Mr Chairman, Sir, the Minister knows that this paltry sum, which is given as aid to the various State Governments, is not only paltry, but it is entirely inadequate for the purpose

that the Government seeks to help the new villages. When you ask the various State Governments—I have been a State Assemblyman in Selangor for the last ten years—and when you look at their Estimates, Mr Chairman, Sir, you hardly see any specific estimate or allocation for the improvement of new villages. If you question the Menteri Besar, he would say: “Oh, the D.I.D. has done a little bit, the J.K.R. has done a little bit” and so on. But there is nothing specific provided in the Estimates for the improvement of living conditions in the new villages. In the Federal Estimates, one has this specific allocation, i.e. \$10 million for the new villages.

I reiterate again, Mr Chairman, Sir, that the Minister should ask for much more allocations not only for the improvement of new villages but also for housing in the Third Malaysia Plan.

6.07 ptg.

Tuan Ngan Siong Hing (Kinta): Tuan Pengerusi, saya akan menyentuh Kepala P. 16, Pecahan-kepala 26 dan mohon izin kebenaran berucap dalam bahasa Inggeris.

Tuan Pengerusi: Bolehkah Yang Berhormat berucap dalam Bahasa Kebangsaan?

Tuan Ngan Siong Hing: Campur-campur, Tuan Pengerusi.

Tuan Pengerusi: Kali ini boleh dibenarkan.

Tuan Ngan Siong Hing: (Dengan izin) Mr Chairman, Sir, under the heading “Pemberian untuk projek-projek dalam kampung-kampung baru”, I am quite disappointed that the sum allocated for whatever those projects might be is grossly inadequate. As we all know, Sir, villages throughout the country are fast becoming centres of social, economic and political activities and as such, it is our firm conviction on this side of the House that proper steps must be taken to improve the living conditions in the villages.

Sir, villages today are not what they used to be, i.e. settlement centres to fight communism in the days of the British imperialists, and today villages by themselves form an important part of the country's economic life. Villagers, that is to say those who live in the villages, are not just small

farmers planting vegetables near jungle fringes but today they constitute quite a sizeable proportion of the country's labour force. Without them, I suppose many of the factories would have to close down and the contributions made by the villagers to the country's development, although developing very slowly under the Barisan Government, cannot be underestimated. But quite unfortunately, Sir, villagers in Malaysia have been taken quite lightly in the past and, as the Honourable Minister has pointed out, this Ministry was set up not very long ago—only about a year and a half ago—and this is a clear indication of the fact that villages and those who live in these villages have been ignored. Their problems, their frustrations and their grievances have all been swept under the carpet and the result is that villages, as we find them today, are not properly planned. If one were to visit any village for that matter in any part of the country, one would find that the village environment is filthy, dirty, full of dust and so on. When I visited my constituency yesterday, Sir, I was shocked to find dead dogs, cats and chicks all along the roadside in a village called Kuala Kuang in Chemor. And I have come to understand, Sir, that in the whole village with a population of some 15,000, there is only one scavenger.

Tuan Pengerusi: One what?

Tuan Ngan Siong Hing: Scavenger.

Tuan Pengerusi: Scavenger!

Tuan Ngan Siong Hing: I want to know, Sir, how could one man do the job, the whole job in the village and are such people to be condemned to a life of that sort? Are they condemned to such an environment? The Government in power, the party of the day, can do something to improve this, but the fact is that this is not done. In most villages there are only one or two workers to carry this out. It shows that something is wrong somewhere, and I believe, Sir, that not enough funds have been allocated to the Town Councils, which are now under the control of the State Governments to employ more workers to clean up the villages, to buy tractors, to bulldoze the bushes and so on.

I, therefore call on the Minister concerned to see that this is done in the next five years or, if not, the villages would become no more

than dumping grounds for human beings. Sir, we must also understand that villages today are fast becoming overcrowded. For instance, in a village called Lawan Kuda, the village's population was some 7,000 in 1950 and in 1974 i.e. 24 years after, the population has almost tripled. This is not suprising, as the Honourable Minister of Finance in his Budget speech pointed out, because our population is increasing at the rate of some 2.7% per annum and by any standard, Sir, that is very high, and I reckon that in another five or 10 years' time the population would be many, many times more. The problem of overcrowding, as we all know, is always bad because it tends to pollute the environment. Many villages in Malaysia today are called by many Malaysians or "polished" gentlemen like those in the Barisan as "Malaysian ghettos", just like how those American ghettos are to those American capitalist gentlemen.

Sir, coming back to my constituency of Kinta which I am introducing to this House for the first time

Tuan Pengerusi: There is no constituency called Kinta, as far as I know, in this House.

Tuan Ngan Siong Hing: Yes, Sir.

Tuan Pengerusi: Yang Berhormat is representing Batu Gajah or what?

Tuan Ngan Siong Hing: No, Sir, I am from Kinta

Tuan Pengerusi: Kinta? I am sorry.

Tuan Ngan Siong Hing: Yes, Sir, that is all right. (*Ketawa*)

Tuan Pengerusi: Thank you, it is my mistake then.

Tuan Ngan Siong Hing: Can I continue, Sir?

Tuan Pengerusi: Yes, please.

Tuan Ngan Siong Hing: Tuan Pengerusi, coming back to my constituency of Kinta which, I am happy, is now noted for the first time, it is a big constituency. My problem is a problem which the villages and those who live in the villages face. For instance, the whole constituency is made up of nothing but villages, estates and kampungs.

Sir, you will be surprised that from one end to the other it is 40 miles of distance, but that is a small matter. The reason is this. Within a distance of 3 miles here or there, one would find a village, a kampung or an estate and that is the problem, and that is the problem of the representative of that area; and that is how to deal with the frustration, the grievances and the complaints which I receive day after day. Complaints not from the honourable gentlemen who would never, except during election times, visit those areas. The problem is how to deal with the problems of the area, how to clean up the area, how to improve the area, and so on. I regret that this has not been done in the past five years, although we are now independent for some 20 years; and it is only recently that villages have become a topic of discussion, become a subject of interest to both politicians and sociologists and so on.

Sir, 95% of the voters or kampung folks and villagers in my constituency are workers. There are only two small towns: one is Gopeng where I was born and bred, and of course, at the other end, we have a town, which is always under curfew for almost 365 days a year, called Chemor, and these two towns have a small population of some 7,000 or 8,000 each. All the 48,000 voters in the area "hail" if I may use the word from the kampungs, the villages and the estates.

Sir, in this country 70% of the people live in villages, kampungs and so on and I think it is a sad thing that the Ministry concerned is only spending a small sum of some \$3 million for the so-called grants to projects in new villages. Look at the drains, which cannot really be called drains. We cannot call it as drain, and I do not know how to call it, because if it does not rain, the whole thing is stuck, and if it rains, one will find that houses there are flooded and one will also find nothing but stench. This sort of condition in the villages must be done away with. To do away with this, the Ministry concerned must spend more money to improve the drainage in the villages. At the same time it should also provide more funds to the Local Councils to employ workers to have the village environment improved.

In the villages are found some of the most down-trodden people in the country. Besides living from hand to mouth (except for a few

people who have made good) the majority of them—I am sad again to use the word—constitute the "have-nots" in the country. I very firmly believe that the village environment should be improved at whatever costs for the better not only for those who reside in the villages but also for the people in general and for the country as a whole. I think I have a few suggestions in this respect which perhaps might be useful or might not be useful.

One of the first things the Government of the day should do is to carry out a survey of all the villages in the country because, as I said earlier, one of the most urgent needs is, of course, to improve the drainage system in the country.

Secondly, the Government must find ways and means to improve the sanitary problem in villages, and I think, Sir, there is no need for me to give a description of what the toilet is like in the villages, I think we all can well imagine it.

Thirdly, the Government must take proper steps to provide more stand-pipes. For example, in Jelapang New Village, I think there are only 3 stand-pipes for a village with some 25,000 people—young people, old people, children and so on—including some 3,000 settlers whom the Barisan Nasional gentlemen would want to call as "illegal settlers". Of course, Sir, the provision of electricity

Tuan Pengerusi: You have got one more minute.

Tuan Ngan Siong Hing: Yes, Sir, I have that much only. Of course, the provision of electricity is important, for example in villages like Changkat Kinding and Tanjong Rambutan. In the little village called Kampung Changkat Kinding, one still does not find electricity and there are many young children in that area who study with the use of candlelight, and I think this is a sad state of affairs on which, I hope, the Ministry concerned would do something.

Fourthly, the Federal Government and respective State Governments should, as I said earlier, jointly provide more funds to Local Councils to employ more workers to clean up the villages.

Fifthly, the public service machinery must be tightened up to prevent corruption.

Sixthly, the Government should provide land for the expansion of villages in view of an increasing population of some 3% per annum.

Seventhly, the Government should provide mobile health facilities and permanent midwife centres in new villages with a population of 10,000 and over.

Lastly, the Government should allow villages to carry out farming in land surrounding new villages to encourage the growing of cash crops as outlined by the Honourable Prime Minister a few days back.

Sir, constructive steps must be taken to ensure that new villages are not left out of the mainstream of the country's development, which I think is only benefiting a handful of the people and the urbanites. In this respect, I call on the Government to show its sincerity in helping the have-nots and the oppressed people of this country by subsequently increasing the present allocation of \$3 million for new villages. Thank you very much.

Tuan Pengerusi: I would like to apologise to Ahli Yang Berhormat for Kinta because the Chair made a mistake in jotting down in his list of speakers the name of Ahli Yang Berhormat for Batu Gajah. Saya benarkan seorang lagi Ahli Yang Berhormat yang penghabisan sekali, dan selepas itu Yang Berhormat Menteri akan menjawab.

(Tuan (Timbalan) Yang di-Pertua *mem-pengerusikan Jawatankuasa*)

6.20 ptg.

Tuan Oh Keng Seng (Petaling): Tuan Pengerusi, saya suka mengambil bahagian dalam Kepala Perbekalan 16—Kementerian Perumahan dan Kampung-kampung Baru.

Tuan Pengerusi, peruntukan untuk tahun 1975 ialah \$498,000 sahaja bagi Belanja Mengurus. Peruntukan ini jikalau dibandingkan dengan peruntukan tahun 1974, \$145,000 ialah tiga kali ganda tambahnya. Peruntukan kepada Pembangunan Kementerian ini ialah \$35 juta sahaja jika kita bandingkan peruntukan ini dengan peruntukan tahun 1974 kita boleh lihat peruntukan tahun 1974 ada

lebih \$15 juta. Apa sebabnya peruntukan kepada Kementerian ini tahun 1975 kurang? Adakah Kementerian ini tidak mustahak dalam Kabinet atau adakah Menteri tidak minta peruntukan lebih dari Perbendaharaan, atau Menteri tidak faham masalah-masalah perumahan dan masalah-masalah kampung-kampung baru di negara kita. Saya harap Menteri yang berkenaan akan memberi pandangan atau penjelasan, apa sebab peruntukan pembangunan dalam tahun 1975 untuk Kementerannya kurang, tetapi dalam Belanja Mengurus ada bertambah tiga kali ganda. Apakah sebabnya?

Tuan Pengerusi, masalah perumahan dalam negara kita adalah satu masalah yang besar. Di mana-mana negeri kita faham penduduk-penduduknya miskin minta Kerajaan membina rumah-rumah murah untuk mereka, tetapi malangnya apa Kerajaan boleh buat dalam lima tahun yang lepas kerana peruntukannya sangat kecil.

Tuan Pengerusi, dalam satu kenyataan Yang Berhormat Menteri Perumahan yang dikeluarkan dalam *New Straits Times* pada hari Sabtu, 9hb November, saya minta izin bacakan dalam bahasa Inggeris:

"The Government will build 9,000 units of low-cost houses and flats next year to ease acute housing shortage", the Minister of Housing and New Villages, Mr Michael Chen said today.

Mr Chairman, Sir, he went on to say, "Only 7,000 units of houses and flats were built by the Government from 1971 to 1974." He said further, "It will take five years to overcome the present shortage of about 65,000 houses."

Tuan Pengerusi, inilah masalah perumahan dalam negara kita sungguhpun Kerajaan mengatakan akan membina 9,000 buah rumah dalam tahun 1975 tetapi malangnya adakah Kerajaan boleh membina 9,000 yunit dalam satu tahun. Kita nampak kemajuan yang dilaksanakan oleh Kerajaan dalam 5 tahun yang lalu hanya 7,000 yunit—dalam tahun 1971 hingga 1974 Kerajaan telah membina hanya 7,000 yunit. Bolehkah Kerajaan membina 9,000 yunit dalam satu tahun? Adakah Menteri tipu rakyat sahaja?

Saya suka menarik perhatian dalam Anggaran Belanjawan di mana ada terang-terang menunjukkan peruntukan yang diluluskan bagi tahun 1975 ialah \$23 juta dan

adalah dianggarkan bahawa 2,500 yunit rumah akan dapat disiapkan dalam tahun 1975. Saya suka bertanya Yang Berhormat Menteri apa perbezaannya ini, dalam surat-khabar beliau mengatakan 9,000 yunit akan dibina tetapi dalam Anggaran Belanjawan hanya 2,500 yunit akan dibina dalam tahun 1975. Ini saya fikir Menteri tidak faham apa yang dilaksanakan dalam Budget ini, dan saya harap Yang Berhormat Menteri boleh memberi penjelasan perbezaan pengumuman oleh Kementerian Perumahan ini.

Tuan Pengerusi, saya rasa peruntukan \$20 juta untuk perumahan tidak cukup untuk Malaysia, dan peruntukan ini tidak cukup untuk satu negeri walhal negara kita ada 13 states, \$23 juta tidak cukup langsung. Saya harap Yang Berhormat Menteri akan minta lebih peruntukan-peruntukan untuk Kementerianannya.

Saya rasa Kementerian ini bergantung sangat kepada pihak swasta untuk mengatasi masalah perumahan ini, sungguhpun kita setuju tetapi saya rasa masalah perumahan satu masalah yang berat dan jikalau boleh Kerajaan mestilah cuba mengatasi masalah ini. Kita tidak boleh bergantung sangat kepada pihak swasta, sebab mereka akan mencari untung dan mereka pun tidak akan bina banyak rumah murah kepada orang-orang miskin sebab harga tanah sekarang mahal, building material pun mahal dan labour pun mahal. Sebab itu saya ingat tanggungjawab perumahan dan mengatasi masalah perumahan ini ialah satu tanggungjawab yang berat kepada Kerajaan. Dengan sebab itu, saya rasa tanggungjawab mengatasi masalah perumahan ini ialah satu tanggungjawab yang berat kepada Kerajaan.

Tuan Pengerusi, saya suka berucap sedikit dalam masalah-masalah Kampung Baru.

Tuan Pengerusi: Ada satu minit sahaja lagi.

Tuan Oh Keng Seng: Saya minta kalau boleh 5 minit.

Tuan Pengerusi: 5 minit panjang sangat, tidak boleh.

Tuan Oh Keng Seng: Tuan Pengerusi, peruntukan \$3 juta untuk Kampung Baru rasa saya ialah "chicken feed" sahaja. Peruntukan \$3 juta ini ialah 0.13% jikalau dibandingkan dengan jumlah peruntukan pembangunan, atau 0.04% jika kita bandingkan

dengan jumlah anggaran. Ini sangat tidak memuaskan. Masalah Kampung Baru ialah masalah 2.5 juta orang penduduk dan Kampung-kampung Baru ini ada 400-500 buah dalam negara kita. Saya baca dalam Anggaran Belanjawan Tahun 1975, masalah Kampung Baru bukan masalah orang China sahaja. Masalah Kampung Baru termasuk juga kawasan Kampung Baru kawasan kediaman di rancangan-rancangan FELDA. Rancangan-rancangan FELDA telah masuk masalah-masalah Kampung Baru dan hingga sekarang dalam rancangan FELDA saya dapat tahu ada 159 sekim dan ada 200,000 orang yang telah masuk sekim itu. Ini sudah menjadi satu masalah besar. Jikalau kita mahu mengatasi satu masalah dengan \$3 juta sahaja, bagaimanakah kita boleh mengatasi masalah Kampung Baru dan masalah-masalah dalam rancangan FELDA.

Tuan Pengerusi: Masa sudah cukup.

Tuan Oh Keng Seng: Sedikit lagi.

Tuan Pengerusi: Tidak boleh! Saya jemput Yang Berhormat Menteri menjawab.

6.25 p/m.

Tuan Michael Chen Wing Sum: Tuan Pengerusi, saya mohon izin menjawab dalam bahasa Inggeris.

Tuan Pengerusi: Pada mesyuarat kali ini bolehlah, tetapi pada mesyuarat akan datang hendaklah dijawab dalam Bahasa Malaysia.

Tuan Michael Chen Wing Sum: (*Dengan izin*) Sir, first of all, I would like to thank the Honourable Members for Sungei Siput, Kepong, Kinta and Petaling who have made observations on the proposed estimates. My Ministry will take into consideration the suggestions made by Ahli Yang Berhormat from Sungei Siput. There are now new and better techniques which the housing industry can utilise by using more local raw materials, and we will select the best and most economical methods after we have studied them.

I would like to refer to the points made by Honourable Member for Kepong. First of all, I am glad that he shares my anxiety, and in fact I have tried very hard to get more funds for my Ministry under the Third Malaysia Plan.

I will take note of the problems that exist in the Government Officers' Co-operative Housing Scheme at Damansara Heights. But, unfortunately, up to-date I have not received any complaints either directly or indirectly from anyone concerned in this matter. With regard to the total allocation of \$85 million under the Second Malaysia Plan, as commented by the Honourable Member, I would say that it does not represent the whole of the Government budget on public housing. It does not include the allocation given to other agencies and other Ministries. For instance, public housing programmes are also undertaken by J.K.R., FELDA, S.E.D.C. and the Government Officers' Housing Development (Sdn.) Bhd. If the allocations to all these bodies were also taken into account, the overall amount would be several times more than what is shown in the estimates of my Ministry.

With regard to another point mentioned by the Honourable Member for Kepong as to whether the new villages in the Wilayah Persekutuan will also be looked after by the Ministry, the answer is, "yes". As far as the new villages are concerned, I have explained in this House twice and also on several occasions outside it that the new villages in our country are in fact the result and creation of the Briggs Plan, and the new villages were established between 1948 and 1952 under this Plan, as part of the military strategy to combat the Emergency during that time. Therefore the basic amenities had been provided to them, because when this Plan was carried out, the minds and hearts of the people had to be won in order to succeed in combating the Emergency. Therefore today, when we talk of problems in the new villages, we have to differentiate the general amenities from the economic viability in the new villages. As far as amenities are concerned, most of these new villages have been well looked after, although politicians would try to get more amenities for the people; and so also would the Government. But when we do that, we have to take into consideration the financial position of the country. However, as the Minister charged with this responsibility, I will do my best to look after these villages with the maximum availability of funds as far as 1975 is concerned and as I have said just now, I do hope that I will get more money under the Third Malaysia Plan.

I agree that there is no possibility of getting more agricultural land for these new villages although some Members, particularly the Members for Kinta and Petaling, seem to refuse to acknowledge the fact that these new villages, being planned as part of the military strategy to combat the Emergency, were not intended to be long-term projects originally. As such, today when these villages have become permanent and therefore have also become a problem to the Government and the villagers concerned, there is no possibility to get any agricultural land within five miles, in most cases, from all these new villages for the settlers. I have proposed, in fact, that the only alternative, which can help these new villagers, apart from all the facilities and inducements to set up industries in these new villages so as to provide them employment, is to resettle part of these new villagers, who do not get jobs or who cannot make a living in these new villages, to new land schemes.

As far as housing is concerned, as I have stated before in this House, the Government is now preparing a new plan, including possibly the acquisition of land around the new villages for the housing of the settlers. As Honourable Members would appreciate, this Ministry was set up before the Second Malaysia Plan was finalised, and therefore the funds during the last two years had not been too impressive.

The Honourable Member for Petaling probably tried not to understand my point when I mentioned that the Government hopes to construct 9,000 houses in 1975. When I introduced the estimates for my Ministry, I stated that this Ministry was set up in September, 1974. I think, if you can read between the lines you can see that the Government has tried and will try very hard to improve the situation in 1974, 1975 and in many years to come. When I said that we hoped to get 9,000 units completed next year, I also, at the same time, suggested to the Government—and I disclosed it in this House a few days ago—to create a Federal Housing Authority, so that a more practical approach can be adopted to cope with the problem.

The Honourable Member for Kinta, as is usually the case of the not-so-reponsible Opposition Members, has tried to exaggerate a bit, so that his constituents perhaps would

appreciate what he has said in Parliament. He said he was born in Gopeng, wherein I also happened to live some years ago. Perhaps, if he really does understand the village problems more, then he should not only ask the Government to help improve them, but he himself also should help and organise the new villagers to help improve the situation. Tuan Pengerusi, I have fortunately visited China a couple of times, and I have seen the settlers in the Chinese communes cooperate with their Government and make the communes such a lovely place to live in. Although the New villages in this country, as I said just now, are probably a bit more remote than the city areas, they have the basic amenities. I have visited the villages regularly and I would like to cite an example in this House to show how Members can help in this matter. I have visited recently a new village some 40 miles away from Kuala Lumpur. It was about six years ago when the Government gave about \$40,000 to build a community hall there, and the community hall was built but was not properly looked after. Now, after six years later, the community hall cannot be used entirely. The fan has disappeared, the door has been taken away, and the whole amount of \$40,000 given six years ago by the Government to construct the community hall in that village has thus been wasted. Yet, unfortunately, perhaps some of the villagers also have the same thinking like the Honourable Member for Kinta, in that they want to ask for everything from the Government, but once they are given, they do not treasure it, and do not appreciate the value of the money which is obtained from the sweat and toil of the taxpayers. So, in this respect, I do hope the Honourable Members. . . .

Tuan Ngan Siong Hing: Sir, on a point of clarification.

Tuan Pengerusi: Well, if the Honourable Minister wants to give way you can clarify. But I think you have had your chance already.

Tuan Michael Chen Wing Sum: Sir, after all, when the Honourable Member spoke, I never interrupted.

Tuan Pengerusi: That is right. Carry on, please.

Tuan Michael Chen Wing Sum: If Honourable Members in this House do appreciate how much the Government has done for the people and how much they should do their part in return in order to make all parts of this country, irrespective of whether they are the cities, the semi-urban areas or the new villages, a happy place to live in, then I believe we all—whether we are in the Government party or in the Opposition—should work together for the national interest and for the interest of the people.

Masalah dikemukakan bagi diputuskan, dan disetujui.

Wang sebanyak \$498,000 untuk Kepala B. 16 diperintahkan jadi sebahagian daripada Jadual dan wang sebanyak \$35,195,778 untuk Kepala P. 16 disetujui jadi sebahagian daripada Anggaran Pembangunan, 1975.

Kepala B. 19 (Jadual)—

Kepala P. 19 (Anggaran Pembangunan, 1975)—

6.40 ptg.

Menteri Perusahaan Utama (Datuk Musa Hitam): Tuan Pengerusi, saya mohon mencadangkan supaya anggaran belanja mengurus Kementerian Perusahaan Utama bagi tahun 1975 yang berjumlah \$2,002,300 di bawah Kepala B. 19 dijadikan sebahagian daripada Jadual Rang Undang-undang Perbekalan 1975 dan belanja pembangunan berjumlah \$29,504,036 di bawah Kepala P. 19 diluluskan. Peruntukan sebanyak \$2,002,300 yang dicadangkan bagi belanja mengurus 1975 adalah dipecahkan mengikut kegiatan-kegiatan Kementerian Perusahaan Utama seperti berikut:

(a) Pentadbiran dan Kewangan	\$ 647,260
(b) Ekspot barang-barang utama	\$1,063,700
(c) Penyelidikan, Taksiran Pasaran dan Perancangan	\$ 128,420
(d) Pentadbiran Rancangan Kerajaan Tanam Semula Getah	\$ 162,920
JUMLAH	\$2,002,300

Tujuan utama Kementerian Perusahaan Utama ialah untuk membangun dan memajukan bahan-bahan utama bagi mendapatkan hasil yang tertinggi sekali dan menjaga kestabilan harga barang-barang yang berkenaan bagi faedah rakyat dan negara. Kementerian ini juga adalah berusaha untuk menggalakkan penubuhan pelbagai perusahaan yang menggunakan bahan-bahan utama. Dengan yang demikian. Kementerian ini akan melipat-gandakan usaha-usahnya mengenai penyelidikan, pengeluaran, pemerosesan dan pemasaran bahan-bahan tersebut bagi tahun 1975. Usaha-usaha ini dijalankan melalui 10 buah Badan Berkanun di bawah Kementerian ini dan dengan kerjasama pihak-pihak swasta yang berkaitan.

Anggaran belanja mengurus bagi pentadbiran Kementerian Perusahaan Utama adalah \$2,002,300, iaitu melebihi daripada peruntukan tahun 1974 sebanyak \$123,659.

Anggaran pembangunan di bawah Kementerian Perusahaan Utama bagi tahun 1975 adalah berjumlah sebanyak \$29,504,036. Peruntukan ini adalah \$41,784,414 kurang daripada peruntukan 1974 yang berjumlah \$71,288,450. Ini adalah kerana tiga buah jabatan iaitu Jabatan Perhutanan, Jabatan Galian dan Jabatan Kajibumi telah dikeluarkan dari Kementerian ini dan diletakkan di bawah tanggungjawab Kementerian Tanah dan Galian.

Kerja-kerja Pembangunan yang akan dijalankan oleh Kementerian ini adalah seperti berikut:

RANCANGAN KERAJAAN TANAM SEMULA GETAH

Ada tiga buah rancangan di bawah Rancangan-rancangan Kerajaan Tanam Semula Getah, iaitu:

- (i) Rancangan Tanam Semula Getah Nombor Satu,
- (ii) Rancangan Tanam Semula Getah Nombor Dua, dan
- (iii) Rancangan Tanam Semula Getah Nombor Tiga.

Rancangan Tanam Semula Getah Nombor Satu telah selesai pada tahun 1972 tetapi baki bayaran bantuan perlu dijelaskan bagi hanya 2 buah projek sahaja lagi berjumlah \$1,250,000, iaitu rancangan tanam semula

untuk ladang besar sebanyak \$250,000 dan untuk rancangan tanaman baru pekebun-pekebun kecil sebanyak \$1,000,000.

Rancangan Tanam Semula Getah Nombor Dua memerlukan \$1.6 juta untuk menyelesaikan bayaran bantuan kepada pekebun-pekebun kecil dan estet-estet atas rancangan-rancangan tanam semula dan tanam baru. Bantuan untuk ladang besar berjumlah \$200,450 manakala bantuan untuk pekebun-pekebun kecil berjumlah \$1,399,550.

Rancangan Tanam Semula Getah Nombor Tiga pula memerlukan \$18,784,093 iaitu baki peruntukan di bawah Rancangan Malaysia Kedua, untuk bantuan kepada pekebun-pekebun kecil yang menanam semula dan baru di bawah kelolaan RISDA. Peruntukan ini adalah dijangka tidak mencukupi bagi menjelaskan pembayaran tuntutan-tuntutan bagi tahun 1975 dengan sebab sambutan daripada pekebun-pekebun kecil adalah menggalakkan. Pihak RISDA akan berkehendakkan peruntukan tambahan dalam tahun 1975.

Jumlah besar peruntukan di bawah Rancangan Kerajaan Tanam Semula Getah yang diperlukan dalam tahun 1975 adalah \$21,634,093. Di dalam tahun 1975, seluas kira-kira 110,000 hingga 120,000 ekar getah pekebun-pekebun kecil akan ditanam semula dan 30,000 ekar akan ditanam baharu juga bagi faedah pekebun-pekebun kecil di bawah kelolaan RISDA. Di samping itu RISDA juga menjalankan projek-projek pembaharuan di dalam sektor pekebun-pekebun kecil dan projek-projek itu adalah tanaman kontan, pusat persediaan getah berkelompok dan lain-lain lagi.

PINJAMAN KEPADA MARDEC

MARDEC atau MRDC dahulunya telah diberi peruntukan pinjaman sebanyak \$25 juta bagi projek-projek pembangunannya di bawah Rancangan Malaysia Kedua. Sehingga hari ini MARDEC telah membelanjakan sebanyak \$24,155,128. Ini bermakna bahawa MARDEC telah mencapai 96% daripada peruntukan Rancangan Malaysia Keduanya. Dalam tahun 1975 MARDEC memerlukan baki jumlah peruntukan yang berkenaan itu sebanyak \$844,013 sebagai pinjaman bagi membiayai rancangan-rancangannya. MARDEC juga telah menyediakan cadangan-cadangan rancangan tambahan di bawah Rancangan Malaysia Keduanya dan rancangan-rancangan tambahan ini sedang

dikaji oleh Kerajaan. Adalah dijangka tiga buah lagi kilang getah crumb akan didirikan dalam tahun 1975 manakala empat buah lagi akan siap dan dikomisyenkan di dalam tahun 1975 di tempat-tempat berikut, yakni Baling dan Kota Star, Kedah, Gambang Pahang dan Kulai Johor. Kilang-kilang ini akan memberi pekerjaan kepada 1,000 orang buruh dari kawasan-kawasan luar bandar. Projek-projek MARDEC ini akan meliputi kawasan seluas 104,000 ekar dan akan memberi faedah kepada 28,000 pekebun-pekebun kecil.

RANCANGAN PENANAMAN SEMULA NENAS

Rancangan penanaman semula nenas adalah bertujuan untuk menaikkan taraf ekonomi pekebun-pekebun kecil nenas. Dalam tahun 1975 Lembaga Perusahaan Nenas Tanah Melayu akan diberi peruntukan sebanyak \$1,596,880 untuk menanam semula seluas 1,800 ekar kebun nenas tua. Dengan menggunakan benih-benih yang baik maka adalah diharapkan ini akan dapat meningkatkan pengeluaran buah-buah nenas.

PENANAMAN TEMBAKAU

Pada tahun 1975 Lembaga Tembakau Negara memerlukan peruntukan sebanyak \$300,000 bagi menjalankan aktiviti-aktivitinya bagi mengawal penanaman, pengeluaran dan pemerosesan daun-daun tembakau.

Untuk menentukan keuntungan jangka panjang perusahaan ini, Lembaga adalah juga di dalam proses menambahkan kegiatan-kegiatan pengawalannya dengan program tertentu untuk meningkatkan pengeluaran dan megemaskan harga dan amalan-amalan pemasaran Lembaga dengan memulakan program-program berkaitan dengan:

- (a) *Perkhidmatan perkembangan* yang akan ditunjukan kepada penanam-penanam supaya mematuhi amalan-amalan penanaman yang betul dengan tujuan menambahkan pengeluaran daun hijau dan memandu cara-cara mengawit tembakau supaya mencapai efficiency yang lebih baik di dalam mengawal kos dan mutu.
- (b) *Mengulang kaji* harga dan amalan-amalan pemasaran dengan tujuan menentukan bahawa amalan-amalan

tersebut tidak menjejaskan kebijakan penanam-penanam dan pengawit-pengawit.

- (c) Penyelidikan dengan kerjasama MARDI dan lain-lain pertumbuhan penyelidikan di dalam Kerajaan dan sektor swasta dengan tujuan memperbaiki amalan-amalan yang sedang diikuti untuk meninggikan pendapatan-pendapatan penanam-penanam dan pengawit-pengawit dan untuk membekalkan pengilang-pengilang rokok dengan tembakau yang bermutu sesuai.

Perusahaan tembakau di Malaysia kian menjadi penting dan mungkin berkembang dua hingga tiga kali ganda hingga tahun 1980. Penggunaan tembakau tempatan bertambah dengan kadar sebanyak 15-20% tiap-tiap tahun dan ini memerlukan pembukaan kawasan-kawasan menanam yang baru di samping usaha menambahkan daya pengeluaran dari kawasan-kawasannya yang sedia ada.

Adalah diperhatikan bahawa perusahaan penanam tembakau semakin menjadi bertambah penting dari tahun ke tahun. Pada tahun 1972 ianya telah ditanam dalam empat buah negeri sahaja. Pada tahun 1974 ianya telah ditanam dalam tujuh buah negeri, iaitu di Kelantan, Trengganu, Kedah, Perlis, Melaka, Negri Sembilan dan Pahang. Dengan yang demikian adalah nyata perlu bagi Kerajaan mengambil langkah yang tertentu bagi mengawal dan menentukan supaya industri tersebut berkembang dengan sihat dan menguntungkan rakyat.

Tuan Pengerusi, oleh sebab ada dua lagi perkara yang hendak saya kemukakan, saya lebih suka kalau dapat saya diberi kesempatan memanjangkan ucapan saya ini pada hari esok.

Tuan Pengerusi: Boleh disambung esok.

Majlis Mesyuarat bersidang semula.

Tuan (Timbalan) Yang di-Pertua: Majlis ditangguhkan sehingga pukul 2.30 petang hari esok, 10hb Disember, 1974.

Dewan ditangguhkan pada pukul 7.00 malam.